LAPORAN TAHUNAN 2024

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

"Menjulang Aspirasi Madani, Menakhodai Globalisasi"


Cangkerang

Cangkerang merupakan bahagian keras pada badan siput yang berfungsi untuk melindungi haiwan tersebut daripada musuh. Ia terbentuk daripada kalsium karbonat, berbentuk spiral yang unik, tahan lasak dan sering dikaitkan dengan evolusi, ketahanan serta pertumbuhan yang berterusan. Cangkerang mempunyai pelbagai bentuk, saiz dan warna dan keunikan ini menjadi sebahagian daripada keindahan alam marin dan akuatik.


Cangkerang siput yang mudah ditemui dalam ekosistem marin melambangkan komitmen UMT terhadap pemeliharaan sumber laut dan biodiversiti. Ia juga menjadi simbol kepakaran dan bidang tujahan UMT dalam ilmu kelautan dan sumber akuatik. Sifat cangkerang yang tahan lasak pula mencerminkan keupayaan dan keampuhan UMT dalam mendepani pelbagai cabaran demi kecemerlangan. Cangkerang yang telah ditinggalkan juga seringkali menjadi pelindung kepada haiwan lain seperti umang-umang, seumpama UMT sebagai sebuah gedung ilmu yang sentiasa menjadi rujukan dan memanfaatkan segenap masyarakat.

FAKTA DAN ANGKA

Bilangan Staf Mengikut Taraf Jawatan | 1,930




Staf Pengurusan dan Profesional (Akademik) | 763



Catatan: Termasuk Skim Latihan Khas Tenaga Akademik (Sepenuh masa) & Skim Latihan Khas Tenaga Akademik (Bersekutu)

Staf Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) | 278




Staf Pengurusan dan Profesional (Akademik Antarabangsa) Mengikut Negara

12 Indonesia	7 Bangladesh	6 Iran	5 India	3 Pakistan	3 Jepun	3 Korea Selatan
2 Australia	2 China	2 Jerman	2 Republik Czechoslovakia	2 Taiwan	2 United Kingdom	2 Uzbekistan
2 Yaman	2 Palestin	1 Kanada	1 Hong Kong	1 Myanmar	1 New Zealand	1 Nigeria
1 Belgium	1 Romania	1 Somalia	1 Sweden	1 Amerika Syarikat		


Jumlah : 67




Staf Pelaksana | 889



Bilangan Program/Bidang



Bilangan Pelajar Prasiswazah dan Pascasiswazah



Pelajar Tempatan | **10,034**
Pelajar Antarabangsa | **626**

Jumlah 10,660

Peratusan Pelajar Antarabangsa | **5.9%**

LAPORAN TAHUNAN 2024

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

SOROTAN KEJAYAAN UMT 2024

UMT TERSENARAI DALAM TUJUH KATEGORI PENARAFAN OLEH TIMES HIGHER EDUCATION (THE) WORLD UNIVERSITY RANKINGS

THE World University Rankings **(1,001-1,200)**
THE World University Rankings: Asia University Rankings **(301-350)**
THE World University Rankings by Subject: Business and Economics **(401-500)**
THE World University Rankings by Subject: Engineering **(501-600)**
THE World University Rankings by Subject: Physical Sciences **(801-1,000)**
THE World University Rankings by Subject: Life Sciences **(801-1,000)**
THE World University Rankings by Subject: Social Sciences **(801+)**

UMT PERKUKUH KEDUDUKAN PADA TANGGA 251-300 YOUNG UNIVERSITY RANKINGS

THE World University Rankings turut menyenaraikan UMT di tangga 251-300 Young University Rankings 2024. Penarafan ini membuktikan UMT sebagai antara universiti "muda" yang kian disegani global berbanding kedudukan 401-500 pada tahun sebelumnya.

UMT BERADA PADA TANGGA 601-800 THE IMPACT RANKINGS 2023

Komitmen UMT dalam menyokong dan melaksanakan agenda Sustainable Development Goals (SDG) di bawah United Nations diiktiraf apabila berada dalam kelompok 800 universiti terbaik dunia.

UMT BERADA PADA KELOMPOK 1,200 UNIVERSITI TERBAIK DUNIA DAN KELOMPOK 200 TERBAIK ASIA DALAM QS UNIVERSITY RANKINGS

Reputasi UMT sebagi sebuah institusi pendidikan tinggi terus terserlah di peringkat global apabila berjaya berada pada kedudukan 1,001-1,200 universiti terbaik dunia melalui QS World University Rankings dan tangga 195 terbaik di Asia melalui QS Asian University Rankings.

UMT TERSENARAI DALAM QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS BY SUBJECT

Keterserlahan UMT dalam salah satu bidang iaitu Agriculture & Forestry terus diiktiraf apabila mengukuhkan kedudukan pada tangga 251-300 universiti terbaik dunia.



UMT BERADA PADA TANGGA KE-544 UNIVERSITI TERBAIK DUNIA DALAM QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS: SUSTAINABILITY

Komitmen dan inisiatif UMT dalam memastikan keupayaan dan kemampanannya dalam menghadapi pelbagai cabaran diiktiraf dunia apabila berjaya berada pada kedudukan:

- **544 daripada 1,751 buah universiti di dunia**
- **129 daripada 661 buah universiti di Asia**
- **8 daripada 29 buah universiti di Malaysia**

UMT MELONJAK KE TANGGA KE-160 DUNIA DALAM PENARAFAN UI GREENMETRIC WORLD UNIVERSITY RANKINGS

UMT berjaya berada pada tangga ke-160 dunia daripada 1,477 penyertaan, melonjak 67 tangga berbanding tahun sebelumnya. UMT turut memperkukuh kedudukan pada tangga ke-85 daripada 515 penyertaan di Asia dan tangga ke-11 daripada 60 penyertaan di Malaysia. Kejayaan ini membuktikan komitmen dan polisi UMT dalam menyediakan persekitaran kampus hijau dan lestari.



PENYELIDIK UMT TERIMA ANUGERAH "THE ORDER OF THE CROWN"

Penyelidik UMT, Prof. Dr. Yeong Yik Sung telah dianugerahkan gelaran 'The Order of the Crown (Rank Officer) oleh Raja Belgium pada 13 September 2024 di atas sumbangan beliau dalam bidang Artemia.

PENGIKTIRAFAN GLOBAL WOMEN INNOVATORS NETWORK KEPADA PENYELIDIK UMT

Penyelidik UMT, Prof. Dr. Wan Iryani Wan Ismail, pensyarah Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM) telah menerima anugerah khas berprestij di Persidangan Global Women Innovators Network (WIIN) yang diadakan di Pusat Inovasi Plexal, Taman Olimpik Queen Elizabeth, United Kingdom dari 2 hingga 3 Oktober 2024. Pengiktirafan ini menyerlahkan sumbangannya yang luar biasa dalam bidang penternakan lebah, khususnya mengenai lebah madu dan pembiakan lebah tanpa sengat serta pembangunan produk inovatif di Malaysia.





PELAJAR UMT RAIH KEJAYAAN DI TEMASYA SUKAN UNIVERSITI ASEAN (AUG) 2024

Tiga orang pelajar UMT mencatat kejayaan di Temasya Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2024 yang berlangsung pada 25 Jun hingga 6 Julai 2024 di Surabaya, Indonesia. Mereka membawa pulang Pingat Emas acara Judo Bawah 90 Kilogram (lelaki) dan Pingat Gangsa bagi Acara Silat.



PASUKAN PELAYARAN UMT WAKILI MALAYSIA KE KEJOHANAN ANTARABANGSA

Pasukan Pelayaran UMT yang terdiri daripada enam orang pelajar menjadi satu-satunya wakil Malaysia yang layak untuk menyertai Kejohanan FISU World University Championship Sailing di Itali yang berlangsung pada 6 hingga 10 Jun 2024.



PASUKAN PELAYARAN UMT RAIH KEJAYAAN PADA KEJOHANAN 20TH ROYAL LANGKAWI INTERNATIONAL REGATTA 2024

Kontinjen Pelayaran UMT yang terdiri daripada lapan orang pelajar telah beraksi di Kejohanan 20th Royal Langkawi International Regatta 2024 (RLIR-20). Kejohanan bermula 15 hingga 20 Januari 2024 bertempat di Royal Langkawi Yacht Club, Kedah. Pasukan pelayar UMT telah menduduki tempat ke-3 keseluruhan bagi Kelas Sportboat.

PELAJAR UMT MENJUARAI ACARA BERBASIKAL

Seorang pelajar UMT telah meraih pingat emas dalam acara Berbasikal Pasukan Lelaki di temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-21 Sarawak pada 17 hingga 24 Ogos 2024 . Beliau juga dinobatkan sebagai Juara Kebangsaan B23 dalam Kejohanan Berbasikal Jalanraya Remaja Kebangsaan 2024 yang telah berlangsung di Kuala Kubu Selangor pada 8 hingga 9 Mac 2024.






PENYELIDIK WANITA UMT KETUA SAINTIS PELAYARAN SAINTIFIK OCEANX – MALAYSIA MISSION 2024

Saintis dari UMT telah dijemput untuk menyertai Pelayaran Saintifik OceanX - Malaysia Mission 2024, satu kolaborasi dengan organisasi eksplorasi lautan bertaraf dunia, OceanX. Ekspedisi ini berlangsung dari 27 September hingga 13 Oktober 2024, menggunakan kapal OceanXplorer sepanjang 87 meter. Lebih membanggakan, Prof. Madya Dr. Maizah binti Mohd Abdullah dari UMT dilantik sebagai Ketua Saintis, mengetuai 23 penyelidik termasuk dari UMT, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan New York University di Abu Dhabi.

KERJASAMA RHB-UMT CIPTA REKOD MALAYSIA BOOK OF RECORDS

Pada 4 September 2024, RHB Islamic Bank Berhad sekali lagi bekerjasama dengan Pusat Selam Skuba UMT melalui penganjuran program RHB-UMT Bidong Summit 3.0 (2024). Pada siri kali ini, RHB-UMT mencipta rekod Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai “Titik Datum ATM Bawah Air Pertama” di Malaysia yang menjadikan mesin ATM lupus sebagai tukun tiruan di Pulau Bidong.





PENYELIDIK UMT HASILKAN KAMUS DWIBAHASA KEPELBAGAIAN BIOLOGI PERTAMA DI MALAYSIA

Prof. Madya Dr. Lee Gaik Ee, pakar taksonomi tumbuhan UMT telah menghasilkan Kamus Dwibahasa Kepelbagaian Biologi yang pertama seumpamanya di Malaysia. Kamus setebal 254 muka surat ini mengandungi lebih 500 istilah biodiversiti serta lebih 70 koleksi gambar.

BUKU TERBITAN UMT TERIMA PENARAFAN OLEH WEB OF SCIENCE BOOK CITATION INDEX (BKCI)

UMT sentiasa komited dalam menghasil dan menerbitkan karya berkualiti dan berimpak tinggi. Hasilnya, empat buah buku terbitan UMT telah terindeks oleh pihak Clarivate Web of Science:

- **Grey-Internal Type-2 Fuzzy Logic System and Its Application in Forecasting CO2 Emission**
- **Islamic Attributes of Destination in Malaysia**
- **Merchang Lagoon Coastal Resources and Social Economy**
- **Udang Galah (Giant Freshwater Prawn) Treasures of Terengganu River**

Clarivate
Web of Science™

SEJARAH PENUBUHAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2014
12 Disember
» Diiktiraf sebagai universiti berautonomi

2007
01 Februari
« Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

2001
20 Jun
» Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1999
26 Julai
« Kolej Universiti Terengganu (KUT)

1996
» Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT)

1979
« Pusat Perikanan dan Sains Samudera, Universiti Pertanian Malaysia (UPM)



KANDUNGAN

2 Sorotan Kejayaan UMT 2024

10 Maklumat Korporat UMT

29 Laporan Naib Canselor

37 Laporan Tadbir Urus

49 Kejayaan dan Pencapaian

59 Pemerkasaan Bakat

83 Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran

107 Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi

163 Pembangunan Pelajar dan Alumni

201 Memacu Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri

225 Keterlihatan Global

237 Pemantapan Citra

253 Kelestarian dan Pendigitalan Kampus

273 Kelestarian Kewangan

FOKUS STRATEGIK
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

BIDANG TUJAHAN

Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik **01**

VISI

Universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global **02**

MISI

Menjana ilmu untuk kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam **03**

SLOGAN

Terokaan Seluas Lautan, Demi Kelestarian Sejagat **04**


FALSAFAH

Ilmu dan amal yang berpadu berlandaskan keimanan kepada Allah adalah tonggak kepada usaha universiti dalam menyediakan modal insan yang berwibawa untuk kesejahteraan sejagat **05**

NILAI-NILAI TERAS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



TERAS PELAN STRATEGIK
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU




6 FAKULTI, 1 PUSAT PENDIDIKAN, 1 PUSAT ASASI


- Fakulti Pengajian Maritim (FPM)
- Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM)
- Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan (FTKK)
- Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM)
- Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS)
- Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL)
- Pusat Asasi STEM (PASTEM)

4 INSTITUT PENYELIDIKAN

- Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS)
- Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP)
- Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin (ICAMB)
- Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari (BIO-D TROPIKA)

CARTA ORGANISASI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU




CANSELOR
PRO- CANSELOR
LEMBAGA PENGARAH
NAIB CANSELOR
PENASIHAT UNDANG-UNDANG
KETUA AUDIT DALAM
KETUA INTEGRITI
PRO NC (STRATEGI,PRESTASI DAN KORPORAT)
PRO NC (JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT DAN DIGITAL)
PENDAFTAR Governan dan Pengurusan
BENDAHARI Kewangan
KETUA PUSTAKAWAN Pengurusan Sumber Ilmu
PENGARAH Pembangunan dan Harta
Pejabat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko
Pusat Pengurusan Lestari
Pejabat Komunikasi Korporat
Pusat Komunikasi Strategik
Pusat Pemajuan Ekonomi Biru UMT
Pusat Pemindahan Ilmu, Jaringan Industri dan Masyarakat
Pusat Ekosistem Digital
Canselori
- Pejabat Naib Canselor
- Pejabat Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pejabat Pro-Pro Naib Canselor
- Pejabat Penasihat Undang-Undang
- Bahagian Audit Dalam
- Unit Integriti
Pusat Islam Sultan Mahmud
Pusat Pengurusan dan Penjaminan Kualiti
Pusat Ihsan UMT
Pejabat Pendaftar
Jabatan Governan dan Pengurusan Perkhidmatan
Jabatan Sumber Manusia
Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi
Pusat Kesihatan Universiti
Pejabat Bendahari
- Bahagian Pengurusan Hasil, Bajet dan Akaun
- Bahagian Perkhidmatan Kewangan
Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
- Bahagian Pembangunan Sumber Ilmu (BPSI)
- Bahagian Pengurusan Teknologi Perpustakaan (BPTP)
- Bahagian Pentadbiran dan Komunikasi Strategik (BPKS)
- Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Maklumat (BPPM)
Pejabat Pembangunan dan Harta
- Bahagian Arkitek
- Bahagian Awam
- Bahagian Mekanikal
- Bahagian Elektrik
- Bahagian Ukur Bahan
- Bahagian Fasiliti
- Bahagian Perkhidmatan



CANSELOR

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTANAH NUR ZAHIRAH

D.K., D.M.N., S.S.M.Z., S.S.M.T., D.K. (Kedah),
Knight Grand Cross (First Class) of the Most Illustrious Order
of Chula Chom Klao (Thailand)

Sultanah Terengganu



PRO-CANSELOR

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN

P.M.N., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S., S.J.M.K., S.I.M.P., S.P.M.P., S.P.D.K., D.P.M.S., D.H.M.S., P.G.D.K., D.P.M.J., J.S.M., P.M.P., D.G.S.M., A.M.N., S.M.W., S.U.M.W.



PRO-CANSELOR

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

P.M.N., S.P.C.M., S.S.M.Z., S.P.M.S., S.M.W., S.P.D.K., D.A., P.S.D., D.I.M.P., J.S.D., P.P.T., A.M.T., Pingat Peringatan Jubli Intan (Emas)

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



PENGERUSI LPU

PROFESOR DR.
MOHAMAD SALMI
BIN MOHD SOHOD

A.M.K.
B.Sc. (Western Michigan, USA),
M.Sc. (Western Michigan, USA),
PhD (Bradford, U.K.)



AHLI LPU / NAIB CANSELOR

PROFESOR DATO' DR.
MAZLAN BIN ABD. GHAFFAR

D.P.M.T.
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Newcastle, UK),
PhD (Wales, UK)

*Lantikan sehingga 17 April 2024



AHLI LPU / NAIB CANSELOR

PROFESOR Ir. Ts. DR.
MOHD ZAMRI BIN IBRAHIM

A.M.T.
B.Eng. Mech. (Sunderland, U.K.),
M.Sc. Adv. Mech. (Warwick, U.K.),
PhD (UKM)

*Menjalankan Fungsi Naib Canselor bermula 18 April – 31 Julai 2024
*Lantikan sebagai Naib Canselor bermula 1 Ogos 2024



WAKIL
KEMENTERIAN KEWANGAN

DATO' SRI AB RAHIM
BIN AB RAHMAN

S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.S.K.,
D.N.S., A.M.N., A.N.S., P.M.C.

B.A. (Hons) (UM), M.Sc. IM (UiTM)



WAKIL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

TUAN HAJI HUSSIN
BIN MAHMUD

B.Sc. (UTM), M.Sc. IT (UKM)



WAKIL
MASYARAKAT

DATO' DR. HJ. DIN
BIN ADAM

D.P.M.T, P.J.K.
B.Sc. (UTM), PhD (APEL)



WAKIL
SENAT

PROFESOR DR. TENGKU SIFZIZUL
BIN TENGKU MUHAMMAD

S.M.T.
B.Sc. (Cardiff University, UK),
PhD (Cardiff University, UK)

*Lantikan bermula 1 Mei 2024



WAKIL
SWASTA

PROFESOR EMERITUS
DATO' SERI DR.
MOHAMED MUSTAFA
BIN ISHAK

D.G.P.N.
B.A. Hons (UKM), M.A. (York, UK),
Ph.D (Leeds, UK),
AMP Certificate (Harvard, USA)



WAKIL
SWASTA

ENCIK MAZAHAN BIN MOHD ALI

C.A.(M), CPA(M), ACPA, ACTIM, AICMA, ICSP
Dip. Acct (UniSZA), B.Acct (Hons) (UKM),
M.B.A. (UUM)



WAKIL
ALUMNI

DATO' ADNAN BIN HUSSAIN

D.I.M.P.
B.Sc. (UPM)



WAKIL SILIH GANTI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

ENCIK HIRMAN
BIN AWANG @ SEMAIL

B.B.A. (UM)



SETIAUSAHA

TUAN HAJI Ts.
WAN ABDUL MANAN
BIN WAN ABDULLAH

B.Sc. (Hons) (UKM),
M.Mgmt. (UPM)

SENAT

PENGERUSI :

Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim
B.Eng. Mech. (UK), M.Sc. Adv. Mech. (UK), PhD (UKM)
Naib Canselor UMT
Mulai 1 Ogos 2024
**Menjalankan Fungsi Naib Canselor bermula 18 April – 31 Julai 2024*

Prof. Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar, FASc.
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Newcastle), PhD (Bangor)
Naib Canselor UMT
Sehingga 17 April 2024

AHLI :

Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim
B.Eng. Mech. (UK), M.Sc. Adv. Mech. (UK), PhD (UKM)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Sehingga 31 Julai 2024

Prof. ChM. Dr. Marinah binti Mohd Ariffin
B.Sc. (USM), M.Sc. (USM), PhD (Glasgow)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)/
Menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
Mulai 1 Ogos 2024

Prof. Dr. Mohd Izani bin Mohd Zain
B.A. (Shariah) (UM), M.A., PhD (UM)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Ir. Dr. Mohammad Fadhli bin Ahmad
B.Sc. (UiTM), M.Sc. (UK), PhD (UK)
Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan

Prof. Ts. Dr. Muhammad Suzuri bin Hitam
B.Tech. (Hons) (USM), PhD (Leeds)
Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Prof. Madya Dr. Faridah binti Mohamad
B.Sc. (UM), M.Sc. (UPM), PhD (Glasgow)
Dekan, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

Prof. Ts. Dr. Mohd Effendy bin Abd Wahid, FASc, FAPM
D.V.M., PhD (UPM)
Dekan, Fakulti Perikanan dan Sains Makanan

Prof. Dr. Suriyani binti Muhamad
B.Ec. (Hons.) (UM), M.Sc. (London), PhD (Manchester)
Dekan, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Prof. Dr. Wan Mohd Norsani bin Wan Nik
B.Sc. (George Washington), M.Sc. (Bath), PhD (UTM)
Dekan, Fakulti Pengajian Maritim

Prof. Dr. Asyraf bin Hj. Ab. Rahman
B.A. (Hons.) (IIUM), M.A. (Leeds), PhD (Edinburgh)
Dekan, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan

Prof. Ts. Dr. Mohd Fadzil bin Mohd Akhir
Dip. (UTM), B.Eng (Hons.) (HWU), PhD (UWA)
Pengarah, Institut Oseanografi dan Sekitaran
Sehingga 4 Disember 2024

Prof. Dr. Zainudin bin Bachok
Dip., B. Fisheries (Hons.) (UPM) M.Sc.,
PhD (Universiti of Ryukyus, Okinawa Japan)
Pengarah, Institut Oseanografi dan Sekitaran
Mulai 5 Disember 2024

Prof. Dr. Muhammad Ikhwanuddin bin Abdullah@Polity Ak Kria
Dip., B.Sc. (UPM), M.Sc., PhD (UNIMAS)
Pengarah, Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan

Prof. Dr. Yeong Yik Sung
B.Sc. (UPM), M.Sc. (KUSTEM), PhD (Ghent)
Pengarah, Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin

Prof. Madya Dr. Amirrudin bin Ahmad
B.Sc. (USM), M.Sc. (USM), PhD (St Andrews, UK)
Pengarah, Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari

Prof. Madya Dr. Laili binti Haji Che' Rose
B.Sc. (Hons.) (UPM), M.Sc. (UPM), PhD (UEA)
Pengarah, Pusat Asasi STEM

Prof. Ts. Dr. Noor Maizura binti Mohamad Noor
B.Sc., M.Sc. (UPM), PhD (Manchester)
Pengarah, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik
Sehingga 4 Disember 2024

Prof. Ts. Dr. Amiza binti Mat Amin
B.Tech. (Hons) (USM), PhD (Leeds)
Pengarah, Pusat Pengurusan Siswazah
Sehingga 4 Disember 2024

PROFESOR YANG DILANTIK :

Prof. Ts. Dato' Dr. Aziz bin Deraman, D.P.M.T.
B.Sc. (Hons.) (UKM), M.App.Sci (Glasgow), PhD (UMIST)
Profesor, Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Prof. Dr. Muhamad Safiih bin Lola
BEc. Hons (UUM) M.Sc. (UPM), PhD (USM),
Profesor, Fakulti Sains Komputer dan Matematik
Mulai 24 Disember 2024

Prof. Ts. Dr. Che Mohd Ruzaidi bin Ghazali
B. Tech. Polimer, M.Sc. (USM), PhD (Materials Engineering)
(UniMAP)
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan

Prof. Ts. Dr. Mohammad bin Ismail
B.Sc. (Malaya), PhD (UoW Australia)
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan
Mulai 28 April 2024

Prof. Dr. Najiah binti Musa
D.V.M, PhD (UPM)
Profesor, Fakulti Perikanan dan Sains Makanan
Mulai 24 Disember 2024

Prof. Hjh. Dr. Yusliza binti Mohd. Yusoff
BBA (Hons.) (UPM), MBA (USM), PhD (UiTM)
Profesor, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Sehingga 20 Disember 2024

Prof. Dr. Hafiza Aishah binti Hashim
BAcct (Hons) (UiTM), MAcc (Glasgow), PhD (Malaya)
Profesor, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Prof. Dr. Nur Azura binti Sanusi
B.Econ (Hons), PhD (UKM)
Profesor, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Prof. Dr. Zalailah binti Salleh
BAcct (Hons.) (UUM), M.Sc. Acc & Fin (Essex), PhD (Griffith), CA (M)
Profesor, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Prof. Dr. Aziz bin Ahmad
B.Sc. (Hons), PhD (UPM)
Profesor, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

Prof. ChM. Dr. Wan Mohd Khairul bin Wan Mohamed Zin
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Durham), PhD (Durham)
Profesor, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

Prof. Dr. Wan Iryani binti Wan Ismail
B.Sc. (USM), M.Sc. (USM), PhD (Cape Town)
Profesor, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin

Prof. Ts. Dr. Lam Su Shiung
BTech (KUSTEM), M.Sc. (UMT), Ph.D (Cambridge)
Profesor, Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan
Sehingga 20 Disember 2024

Prof. Dr. Tengku Sifizul bin Tengku Muhammad
B.Sc., PhD (Wales)
Profesor, Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin

Prof. Ts. Dr. Fadzilah @ Adibah binti Abd Majid
Dip. (ITM), B.Sc. (Hons.) (Leeds), M.Sc. , PhD (Birmingham)
Profesor, Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin

Prof. Dr. Wan Izatul Asma binti Wan Talaat
LL.B (Hons.) (IIUM), M.Sc. (Law), PhD (Law) (UPM), IUCN WCEL
Profesor, Institut Oseanografi dan Sekitaran

AHLI YANG DIKO-OPT :

Prof. Dr. Fauziah binti Abu Hasan
B.Sc. Econ. & Stats., M.Sc. (West Michigan), PhD (Florida State)
Pro Naib Canselor (Industri, Masyarakat dan Strategi)
Sehingga 30 November 2024

Prof. Ts. Dr. Noor Maizura binti Mohamad Noor
B.Sc., M.Sc. (UPM), PhD (Manchester)
Pro Naib Canselor (Industri, Masyarakat dan Digital)
Mulai 5 Disember 2024

Prof. Ts. Dr. Mohd Fadzil bin Mohd Akhir
Dip. (UTM), B.Eng (Hons.) (HWU), PhD (UWA)
Pro Naib Canselor (Strategi, Prestasi dan Korporat)
Mulai 5 Disember 2024

Prof. Ts. Dr. Amiza binti Mat Amin
B.Tech. (Hons) (USM), PhD (Leeds)
Pengarah, Pusat Pengurusan Siswazah
Mulai 5 Disember 2024

Prof. Madya Dr. Mariam binti Taib
B.Sc. (UPM), M.Sc., PhD (Leeds),
Menjalankan fungsi Pengarah, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik
Mulai 5 Disember 2024

Tuan Haji Mohd Nor Shokri bin Hj. Abd Rahman
Dip. Islamic Studies (KUSZA), B.A. (Hons.) (UKM), M.Sc. (UPM)
Pengarah, Pusat Pengurusan dan Penjaminan Kualiti

Prof. Madya Dr. Mohd Nazli bin Mohd Nor
BAcc (Hons.) (UKM), M.Sc. Acc. (UIA), PhD (ECU)
Pengarah, Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko
Sehingga 4 Disember 2024

Encik Mohd Riduan bin Mohamed Rakhazali
BAcct (Hons.) (UKM)
Ketua Audit Dalam
Sehingga 4 Disember 2024

AHLI EX-OFFICIO :

Puan Azizah binti Hasan, C.A.(M)
BAcct (UKM)
Bendahari

Tuan Haji Abu Hassan bin Ghazali
Post. Grad. Dip. In Lib. Science (UiTM)
Ketua Pustakawan

Prof. Madya Dr. Fahirah Syaliza binti Mokhtar
LLB. (Hons.), LL.M, PhD (UKM)
Penasihat Undang-Undang

SETIAUSAHA :

Ts. Wan Abdul Manan bin Wan Abdullah
B.Sc. (Hons.) (UKM), M.Mgmt. (UPM)
Pendaftar

JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI

PENGERUSI



Profesor Dato' Dr. Mazlan bin Abd. Ghaffar, FASc.
Naib Canselor
-Sehingga 17 April 2024



Profesor Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim
Naib Canselor
-Mulai 1 Ogos 2024
-Menjalankan Fungsi Naib Canselor bermula 18 April – 31 Julai 2024

AHLI-AHLI



Profesor Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
-Sehingga 31 Julai 2024
-Menjalankan Fungsi Naib Canselor UMT sehingga 31 Julai 2024



Profesor ChM. Dr. Marinah binti Mohd Ariffin
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
-Mulai 14 Februari 2022
-Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bermula1 Ogos 2024



Profesor Dr. Mohd Izani bin Mohd Zain
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
-Mulai 19 Februari 2023



Profesor Dr. Fauziah binti Abu Hasan
Pro Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri)
-Sehingga 30 November 2024
-Menjalankan Fungsi Pro Naib Canselor (Strategi dan Prestasi) UMT berkuat kuasa mulai 9 Mei 2024



Profesor Dr. Tengku Sifzizul bin Tengku Muhammad
Pro Naib Canselor (Strategi Dan Prestasi)
-Sehingga April 2024



Ts. Wan Abdul Manan bin Wan Abdullah
Pendaftar



Puan Azizah binti Hassan
Bendahari



Dr. Fahirah Syaliza binti Mokhtar
Penasihat Undang-Undang



Haji Abu Hassan bin Ghazali
Ketua Pustakawan



Encik Mohd Faizal bin Mohd Noor
Pengarah Pembangunan dan Harta

SETIAUSAHA



Encik Abdullah Syukri bin M. Saleh
Timbalan Pendaftar

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

Universiti Malaysia Terengganu
Sesi 2024/2025



YANG DI-PERTUA
MUHAMMAD AQASHA MUKRIS
BIN ZAINURI



NAIB YANG DI-PERTUA 1
(JABATAN PERHUBUNGAN STRATEGIK DAN PEMBANGUNAN MAHASISWA)
AKSHAY KUMAR
A/L ASHOK



NAIB YANG DI-PERTUA 1
(JABATAN PEMERKASAAN MAHASISWA)
NUR SURIATI
BINTI RUSLAN



SETIAUSAHA AGUNG
QISTINA WAFIYYAH
BINTI SHAHRUL NIZAM



SETIAUSAHA KERJA
NIK AMEERA
BINTI NIK MOHAMERDEKA



BENDAHARI
AHMAD ZHAFRAN
BIN AHMAD SHAHRIR



EXCO AKADEMIK, ANTARABANGSA DAN ALUMNI
ABDUL HAFIZ
BIN ABDUL RAHIM



EXCO AKADEMIK, ANTARABANGSA DAN ALUMNI
MUHAMMAD SYAKIRIMAN
BIN AZLAN KHAIRUN



EXCO TADBIR URUS KELAB DAN PERUNDANGAN PELAJAR
MUHAMMAD AMIR HAKIMIE
BIN NORZAKI



EXCO TADBIR URUS KELAB DAN PERUNDANGAN PELAJAR
NURAIN SYAFIYAH ADLAH
BINTI MUHAMAD SHUKRI



EXCO MEDIA DAN KOMUNIKASI STRATEGIK
MUHAMMAD ZAKI
BIN ANUAR



EXCO MEDIA DAN KOMUNIKASI STRATEGIK
NOUBLLE LEE SHAO LONG



EXCO HAL EHWAL MAHASISWA
WAN ADAM ZULHISHAM
BIN WAN ZUKFAKKAR



EXCO HAL EHWAL MAHASISWA
AISYAH NURHANAN
BINTI MOHD RODZI



EXCO SUKAN DAN REKREASI
AZRI SHAQIM
BIN SHAIFUL BAHARI



EXCO KEUSAHAWANAN, PENJANAAN DAN KERJAYA
MUHAMMAD HAZEEZUR
BIN ABDUL RAUF



EXCO KESUKARELAWANAN DAN KEPIMPINAN
MUHAMMAD AFIQ NAQIUDDIN
BIN MOHD AFIZAL



EXCO KEBUDAYAAN, PERPADUAN DAN KEROHANIAN
NUR AIN NATIERA
BINTI AZHAR

"Kepribadian Inklusif, Mahasiswa Holistik"





LAPORAN NAIB CANSELOR



PROF. IR. TS. DR. MOHD ZAMRI BIN IBRAHIM
Naib Canselor

Tahun 2024 memperlihatkan kecemerlangan berterusan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebagai institusi pengajian tinggi awam yang matang dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa. Warga UMT telah berganding bahu, memperkukuh semangat kebersamaan dan memperlihatkan komitmen yang tinggi demi mencapai visi dan misi universiti.

Bermula dari 1 Ogos 2024, saya telah diberi amanah untuk menyambung legasi kepimpinan sebagai Naib Canselor UMT yang keenam dan mewarisi evolusi serta kecemerlangan UMT. Saya amat berterima kasih dan merasa bertuah dengan kepercayaan dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui UMT

Aspirasi Naib Canselor

Sebaik sahaja memulakan tugas sebagai Naib Canselor, saya telah menyampaikan Aspirasi Naib Canselor yang antaranya menyentuh tentang Economy Sustainability for UMT (+30%) by 2029 dan merupakan perancangan serta sasaran untuk dilaksanakan sepanjang saya mengemudi UMT. Perancangan ini akan menjadi penyesuaian dan tambahan kepada inisiatif-inisiatif yang telah dipersetujui bersama dalam Pelan Strategik UMT (PSUMT) dan sejajar dengan tuntutan semasa dalam mengharungi cabaran masa depan sektor pendidikan tinggi negara.

Untuk tempoh lima tahun akan datang, pihak KPT telah menetapkan sasaran penjanaan hasil universiti sebanyak 30% daripada sumber dalaman dan aktiviti penjanaan pendapatan. Fokus perancangan dan tindakan saya adalah untuk memastikan pelaksanaan urusan teras universiti sejajar dengan sasaran penjanaan hasil sebanyak 30% daripada sumber dalaman.

Sumber utama hasil universiti adalah yuran pengajian yang dijana berdasarkan enrolmen pelajar. Bagi memastikan peningkatkan hasil yuran, universiti perlu meningkatkan pengambilan pelajar sehingga 15,000 orang melalui peningkatan pengambilan pelajar untuk semua program pengajian sedia ada dan penawaran program-program akademik baharu. Pembangunan program baharu yang akan ditawarkan pula hendaklah memenuhi keperluan gunatenaga negara, permintaan pasaran dan selari dengan nic universiti.

Bagi tujuan ini, saya telah menetapkan sasaran penambahan penawaran tujuh program akademik baharu peringkat prasiswazah, tiga program pascasiswazah sepenuh masa dan 14 program pengajian sarjana secara terbuka jarak jauh.

Penjanaan hasil daripada sumber-sumber lain seperti pulangan pelaburan dalam anak syarikat, syarikat pemula, syarikat terbitan, geran penyelidikan, perkhidmatan perundingan dan pengkomersialan produk penyelidikan juga perlu memenuhi sasaran peningkatan melebihi 30% berbanding pencapaian tahun 2023.

Saya juga akan memperkemaskan strategi bagi meningkatkan hasil sumbangan zakat dan endowmen universiti dengan sasaran peningkatan sebanyak RM3juta hingga RM5juta setahun dalam tempoh lima tahun.



Pencapaian 2024

Kejayaan demi kejayaan yang dicapai adalah hasil usaha gigih dan komitmen seluruh warga UMT dalam merealisasikan visi dan misi universiti. Penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bersama saya untuk menempa kejayaan di tahun 2024 ini. Syabas dan tahniah kepada semua.

Salah satu pencapaian yang sangat membanggakan adalah pengiktirafan antarabangsa kepada 11 orang staf akademik UMT yang telah disenaraikan dalam kelompok The World's Top 2% Scientist oleh Stanford University. Ini adalah bukti jelas terhadap kejayaan inisiatif pemerkasaan bakat, kekuatan penyelidikan dan kepakaran yang dimiliki oleh warga akademik UMT. Dua orang pensyarah UMT turut mencatat sejarah apabila dinobatkan sebagai pemenang Oil and Gas Award dalam 2024 IChemE Global Awards, satu kejayaan berprestij dalam bidang kejuruteraan kimia dan teknologi tenaga. Lebih membanggakan, seorang pensyarah UMT telah menerima penganugerahan The Order of The Crown (Rank Officer) daripada Raja Belgium, sekali gus mengangkat nama universiti di persada antarabangsa. Kecemerlangan bakat akademik muda UMT juga mendapat pengiktirafan apabila beberapa orang staf akademik telah terpilih menyertai program Felo Muda Akademi Kepimpinan Tinggi (AKEPT), satu langkah penting ke arah melahirkan barisan pemimpin pelapis masa hadapan.

Pada tahun 2024, UMT telah melaksanakan penstrukturan semula Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan dan Informatik (FTKKI) dengan menubuhkan Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) serta penjenamaan semula FTKKI kepada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan (FTKK). Penstrukturan ini bertujuan untuk memperkemas fungsi dan bidang tumpuan agar lebih relevan dan kompetitif.

Dalam memastikan sistem pendidikan terus responsif dan inklusif, UMT telah mengambil langkah memperkasakan pembelajaran sepanjang hayat dengan menubuhkan Pusat UMT Life pada 1 Januari 2024. Inisiatif ini membuka peluang lebih luas kepada masyarakat untuk mengikuti pembelajaran berasaskan kemahiran dan pengalaman. Pusat ini telah mendapat pengiktirafan sebagai Pusat Penilaian Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Penganugerahan Kredit (APEL.C) pada November 2024.

UMT juga terus melakar kecemerlangan dalam bidang pembangunan pelajar dan kokurikulum. Atlet pelajar UMT berjaya meraih pingat emas dalam acara judo di Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2024, sekaligus mengharumkan nama negara dan universiti di pentas antarabangsa. Pasukan pelayaran UMT turut membawa pulang pingat gangsa dalam Kejohanan Royal Langkawi International Regatta kali ke-20, sekali lagi memperkukuh identiti UMT sebagai institusi yang unggul dalam bidang maritim dan sukan air.

Dalam aspek pengantarabangsaan dan kerjasama global, UMT telah melaksanakan sebanyak 499 program bersama institusi luar negara dan merekodkan sebanyak 87 MoU dan 21 MoA. Antaranya, UMT dan Shantou University, China telah menubuhkan International Joint Research Center for the Development and Utilization of Important Mariculture Varieties Surrounding the South China Sea Region. Pusat penyelidikan ini merupakan manifestasi komitmen UMT dalam memperkukuh jaringan penyelidikan antarabangsa dalam bidang marikultur dan sumber laut.

UMT juga telah mencatat peningkatan kedudukan dalam QS World University Rankings Asia 2025 pada kedudukan ke-195 dan berada dalam kelompok 20 peratus universiti terbaik Asia. Manakala di peringkat dunia pula, UMT telah

disenaraikan dalam kelompok 1,001–1,200 dalam QS World University Rankings dan turut mencapai kedudukan 251–300 dunia dalam QS World University Rankings by Subject bagi bidang Agriculture and Forestry.

Manakala dalam QS Sustainability Rankings, UMT berada pada kedudukan ke-554. Kedudukan ini mencerminkan komitmen warga terhadap inisiatif kelestarian dalam pendidikan dan penyelidikan. UMT turut mencapai kedudukan yang kukuh dalam THE World University Rankings (1,001–1,200), THE Young University Rankings (251–300), dan THE Impact Rankings (601–800). Lebih membanggakan, UMT telah tersenarai dalam enam kategori bidang dalam THE University Rankings by Subject, iaitu Business & Economics, Physical Science, Engineering, Life Science, Social Science, dan Computer Science.

Seterusnya dalam bidang kelestarian kampus pula, UMT mencapai kedudukan ke-160 dunia bagi UI GreenMetric World University Rankings, manakala dalam penarafan keterlihatan web, UMT berada di tangga ke-1,500 dalam Webometric Rankings. Dari segi pengurusan data pula, UMT berjaya mencapai penarafan 5 Bintang dalam pengurusan data MyMOHES, menunjukkan kecekapan dan tadbir urus data yang cemerlang.

Sebagai kesinambungan kepada misi universiti dalam membangunkan ekonomi berasaskan sumber maritim, UMT turut menubuhkan Pusat Pemajuan Ekonomi Biru pada 1 Januari 2024. Pusat ini bakal berperanan penting dalam menggerakkan agenda pembangunan ekonomi biru negara, sekali gus menjadikan UMT sebagai peneraju dalam bidang kelautan dan sumber asli yang mampan.

Kesemua pencapaian ini adalah hasil pelaksanaan terancang berpandukan kepada Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2023–2027 yang digariskan menerusi lapan teras utama secara menyeluruh dan menjadi hala tuju universiti. Setiap teras ini dipacu dengan strategi pelaksanaan yang jelas serta penglibatan aktif seluruh warga UMT dalam memastikan transformasi universiti berlaku secara menyeluruh dan berimpak tinggi.

Lebih penting, pelaksanaan pelan strategik ini juga diselaraskan dengan lima fokus utama Kementerian Pendidikan Tinggi seperti yang digariskan dalam Perutusan Tahun Baharu 2024 oleh Yang Berhormat Menteri iaitu Penyediaan Bakat Terbaik Negara, Pengukuhan Ekosistem



Penyelidikan dan Inovasi, Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu, Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi serta Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya. Kesemua fokus ini diterjemahkan dalam bentuk program, inisiatif dan pencapaian sebenar di lapangan oleh UMT sepanjang tahun 2024.

Penutup

Pelbagai kejayaan yang telah dicapai adalah hasil daripada kerjasama, dedikasi dan penghayatan nilai teras UMT iaitu Ghairah Kepada Kebenaran, Mengejar Kecemerlangan, Menghormati Kepelbagaian Keserakanan, Pemerkasaan Kepimpinan Akademik dan Mencintai Alam Sekitar. Amalan nilai-nilai yang baik dalam pekerjaan telah menzahirkan keseronokan dan kepuasan berkerja membentuk #KebersamaanUMT atau #TogethernessUMT.

Dengan hala tuju yang jelas, kesepaduan warga, kebersamaan dan sokongan strategik pelbagai pihak, UMT akan terus melangkah gagah sebagai universiti maritim terunggul yang menyumbang secara signifikan kepada pembangunan negara dan kelestarian sejagat.

Sekian, terima kasih.







LAPORAN TADBIR URUS



LAPORAN TADBIR URUS UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ditubuhkan di bawah Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Pemerbadanan) 2007 [P.U. (A) 27/2007] dan melaksanakan fungsinya berpandukan kepada Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu [P.U. (A) 29/2007].

Dalam melaksanakan fungsinya, (UMT) komited mengamalkan tadbir urus terbaik bagi meningkatkan keyakinan pemegang taruh terhadap keupayaan UMT melaksanakan objektif penubuhannya dengan berkesan. Tadbir urus yang kukuh dan disokong oleh kepimpinan yang mantap dengan amalan pengurusan yang baik merupakan penyumbang kepada peningkatan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan.

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga

Latar belakang Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang diversiti dari segi pengalaman, kemahiran dan pengetahuan telah menyumbang impak positif kepada pembangunan Universiti. LPU bertindak sebagai pembuat dasar dan mengawasi Universiti agar selaras dengan peruntukan Perlembagaan serta memastikan ia tidak bercanggah dengan undang-undang serta dasar dan arahan kerajaan yang berkuat kuasa. Bidang kuasa LPU ini meliputi keseluruhan governan UMT kecuali bagi kuasa-kuasa yang diberikan kepada Senat.

Secara umumnya, keanggotaan LPU UMT adalah seperti berikut:

a) Pengerusi;
b) Naib Canselor;
c) dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam;
d) seorang yang mewakili masyarakat di tempat letaknya Universiti itu;
e) seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli yang disebut dalam perenggan 22(1)(d); dan
f) lima orang yang terdiri daripada tiga orang daripada sektor swasta, seorang daripada alumni Universiti dan seorang lagi dari dalam atau luar Universiti yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu Lembaga.

LPU juga telah menubuhkan beberapa jawatankuasa di bawahnya bagi membantu melaksanakan fungsinya dengan lebih efektif. Peranan LPU dapat dilihat melalui keterlibatan mereka sama ada sebagai Pengerusi atau ahli jawatankuasa. Sebarang keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa dilaporkan kepada mesyuarat Lembaga Pengarah.

UMT telah melaksanakan enam kali mesyuarat Lembaga Pengarah sepanjang tahun 2023. Kehadiran ahli LPU di mesyuarat Lembaga Pengarah dan jawatankuasa di bawah lembaga adalah seperti jadual di bawah.

	Lembaga Pengarah	JK Pemilih Utama	JK Tetap Kewangan	JK Audit dan Pengurusan Risiko	JK Pelaburan dan Endowmen	JK Jaringan dan Kerjasama Strategik Universiti	Lembaga Perolehan	JK Tatatertib Rayuan (Pelajar)	JK Wakaf UMT
Prof. Dr. Mohamad Salmi bin Mohd Sohod	7/7	-	-	-	-	-	-	-	-
Prof. Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar *(Sehingga 18 April 2024)*	2/2	2/2	-	-	-	1/1	4/4	-	-
Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim *(Bermula 19 April 2024)*	5/5	2/2	-	-	-	-	4/4	1/1	-
Dato' Indera Ab Rahim bin Ab Rahman	6/7	-	4/4	3/4	2/2	1/4	5/9	-	-
Tn. Hj. Hussin bin Mahmud	7/7	4/4	3/4	4/4	2/2	-	3/9	-	-
Dato' Dr. Hj. Din bin Adam	7/7	-	3/3	-	-	4/4	-	-	2/2
Prof. Dr. Tengku Sifzizul Tengku Muhammad	4/5	-	-	-	-	-	-	-	2/2
Prof. Emer. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa bin Ishak	7/7	4/4	-	-	2/2	5/5	-	-	-
En. Mazahan bin Mohd Ali	7/7	-	3/3	4/4	-	-	-	1/1	-
Dato' Adnan bin Hussain	3/7	-	-	-	-	2/5	-	-	-
En. Hirman bin Awang@ Semail *(Ahli Silih Ganti KPT)*	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Pengisytiharan Kepentingan

Menjadi amalan UMT, semua ahli LPU mengisi Borang Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Lembaga Pengarah selepas menerima lantikan. Mana-mana ahli LPU yang mempunyai percanggahan kepentingan akan membuat pengisytiharan dan diarahkan untuk tidak mengambil bahagian semasa perbincangan dan keputusan dibuat.

Ahli LPU juga dimaklumkan mengenai keselamatan mesyuarat terutamanya dari segi kerahsiaan maklumat rahsia rasmi setiap kali mesyuarat Lembaga Pengarah bersidang. Lembaga Pengarah amat memandang serius sebarang bentuk penyelewengan dan salah laku yang dilakukan sama ada oleh ahli LPU, warga kerja, pelajar, kontraktor atau agennya.

KAWALAN DALAMAN

Kawalan dalaman, menurut definisi yang dikeluarkan oleh AICPA Committee on Accounting Procedure, 1949 adalah pelan organisasi dan semua kaedah serta langkah-langkah yang dikoordinasikan dan digunakan dalam sesuatu organisasi dengan maksud untuk menjaga keselamatan aset miliknya, memeriksa ketepatan dan kebenaran data perakaunannya, menggalakkan kecekapan operasi serta mendorong supaya polisi yang ditentukan oleh pengurusan dipatuhi.

Audit Dalam

Selaras dengan dasar kerajaan yang digariskan dalam Surat Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2024 - Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan (BBP), Lembaga Pengarah Universiti (LPU) melalui Mesyuarat LPU Kali Ke-91 Bil. 4 Tahun 2024 pada 24 Julai 2024 telah menguatkuasakan pemakaian pekeliling ini untuk pelaksanaan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Garis panduan ini telah memberi penekanan terhadap perkara-perkara antaranya berkaitan Lembaga Pengarah, Ex Officio dan Unit Audit Dalam dalam pengurusan BBP.

Audit Dalam merupakan fungsi bebas yang memberi kepastian dan nasihat secara objektif bagi menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Audit Dalam membantu organisasi untuk mencapai objektifnya dengan menerapkan pendekatan yang sistematik, penilaian berdisiplin serta mempertingkatkan keberkesanan tadbir urus, penilaian risiko dan kawalan dalaman.

Bahagian Audit Dalam (AUD) yang menjadi sebahagian daripada komponen kawalan dalaman (three lines of defense) telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2022. Sebagai the third line of defense, AUD berperanan memastikan the first two lines of defense (pengurusan PTj dan fungsi pemantauan) beroperasi dengan berkesan dan menasihati mereka bagaimana untuk menambah baik.

AUD merupakan ahli korporat The Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM) sejak 19 Februari 2016 di mana pelaksanaan fungsi Audit Dalam merujuk kepada International Professional Practices Framewaork (IPPF) yang dikeluarkan oleh The Institute of Internal Auditors (IIA).

Pada tahun 2024, pelbagai aktiviti audit telah dilaksanakan sebagaimana Rancangan

Audit Tahunan (RAT) yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JKAPR) bagi meningkatkan keberkesanan kawalan dalaman seperti berikut:



1. Audit Pengurusan Pilihan Raya Kampus (PRK) Sesi 2023/2024, UMT
2. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Peralatan Multimedia, UMT Tahun 2024
3. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Kad Korporat, UMT Tahun 2024
4. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Keselamatan Kampus, UMT Tahun 2024
5. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Perolehan di Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan (PPPL), UMT Tahun 2024
6. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Perkhidmatan Sewaan Perabot, UMT Tahun 2024
7. Audit Interim Penyata Kewangan Tahun 2024, UMT
8. Audit Penarafan Pengurusan Kewangan Pusat Tanggungjawab (PTj), UMT Tahun 2024
9. Pemantauan Tindakan Terhadap Teguran Audit Melalui Sistem ezAIR dan Audit Susulan
10. Audit Khas Terhadap Pengurusan Peralatan Sukan di Pusat Sukan dan Rekreasi (PSR), UMT Tahun 2024

JKAPR merupakan salah satu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah LPU. Ahli JKAPR secara kolektifnya mempunyai pengetahuan tentang pengawasan tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang merangkumi aspek pengauditan, perakaunan, kewangan, teknologi maklumat, pengalaman industri dan undang-undang. Secara umumnya, jawatankuasa ini bertanggungjawab:

a) mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem kawalan dalaman universiti dan mencadang serta menasihat LPU berhubung dengannya;

b) mengesan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga serta tatakelakuan staf dan boleh menyiasat sebarang ketidakakuran yang berlaku dalam universiti;

c) mengkaji dan menasihat LPU berhubung pengurusan risiko universiti; dan

d) menentukan bahawa akaun disediakan dengan tepat dan pada masa yang ditetapkan dengan membuat kajian semula bagi memastikan terdapat peruntukan yang memadai terhadap tanggungan luar jangka dan hutang lapuk dan ragu.

Mesyuarat JKAPR telah dilaksanakan sebanyak empat kali pada tahun 2024 sepertimana berikut:



- Mesyuarat JKAPR Kali Ke 70 Bil. 1 Tahun 2024
- 15 Februari 2024
- Mesyuarat JKAPR Kali Ke 71 Bil. 2 Tahun 2024
- 16 Mei 2024
- Mesyuarat JKAPR Kali Ke 72 Bil. 3 Tahun 2024
- 26 September 2024
- Mesyuarat JKAPR Kali Ke 73 Bil. 4 Tahun 2024
- 23 Disember 2024

Unit Integriti

Unit Integriti (UI) dikuatkuasakan menerusi Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Tahun 2022, Ceraian SP.1.2.1. UI berfungsi sebagai 'focal point' kepada pengurusan isu berkaitan integriti dengan melaksanakan enam fungsi teras iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengesanan dan Pengesahan, Pengurusan Aduan, Pematuhan dan Tatatertib bertujuan menyepadukan pengurusan integriti secara teratur dan berkesan.

UI dikawal selia oleh Jawatankuasa Tatakelola (JTKe) yang dipengerusikan oleh Naib Canselor serta Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JKAPR) di peringkat Lembaga Pengarah.

UI bertanggungjawab melaporkan secara berkala kepada Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang berfungsi sebagai penyelaras pelaksanaan Unit Integriti di agensi awam. YAB Perdana Menteri Malaysia dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ke-19 pada 16 Ogos 2024 telah menegaskan tanggungjawab Ketua Jabatan dalam memperkukuhkan integriti dan tatakelola jabatan, serta implikasi tindakan tatatertib bagi kegagalan dalam hal tersebut, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan 21 Akta 605.

Pada tahun 2024, UMT telah mengeluarkan Garis Panduan Penerbitan dan Kepengarangan serta Garis Panduan Pengurusan Data Penyelidikan Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Garis panduan ini menyokong menyempurnakan hasrat ekosistem akademik dalam penerbitan ilmiah selain menggariskan etika penerbitan, tanggungjawab kepengarangan, serta proses pengurusan dan pelaporan hasil penyelidikan, memberi penekanan terhadap kepentingan integriti akademik, penghormatan terhadap hak intelektual dan mengelak daripada amalan penerbitan tidak beretika.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 24 aktiviti pengukuhan dan syarahan berbentuk taklimat, latihan, ceramah, forum, pertandingan dan serta hebahan berkala telah diadakan. Selain itu, UMT juga telah menerima jemputan dari agensi luar untuk berkongsi mengenai tatakelola yang baik.



Podcast Integriti dan Anti Rasuah

- Anjuran Bersama Angkatan Mahasiswa dan Anti Rasuah (AMAR) dan SPRM Negeri Terengganu
- 28 Julai 2024
- 263 orang peserta
- Penceramah: Tuan Hj. Zainal bin Ayop (Penolong Pesuruhjaya, Timbalan Pengarah Operasi, SPRM), Puan Majedah bt Mokhtar (Ketua Penolong Pendaftar, UniSZA) dan Puan Nur Amalina bt Dato' Haji Razali (Kaunselor, KKTM Kemaman)



Syarahan Kelestarian Integriti: Whistlebowing Policy- Terlindungkah?

- 17 Oktober 2024
- 240 orang peserta
- Penceramah: En. Mohd Juhari bin Ab Kadir (UI), Cik Roslina bt Ghazali (PPUU) dan En. Mazlan bin Yahya (ILKAP, Jabatan Perdana Menteri)



Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat UMT Tahun 2024

- 12 Disember 2024
- 250 orang peserta
- Dirasmikan oleh Naib Canselor UMT



Wacana: Teguh Integriti, Kukuh Pertiwi

- 12 Disember 2024
- 250 orang peserta
- Penceramah: Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil, Ketua Pengarah Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC)



Pertandingan e-Poster Integriti: 3.0.

- Dibuka sepanjang November 2024 kepada semua warga UMT
- Bertemakan "Teguh Integriti. Teguh Pertiwi"

Pengurusan Risiko

Selari dengan keperluan penilaian risiko dalam proses pensijilan MS ISO 9001:2015 dan MS ISO/IEC 27001:2013, pelaksanaan pengurusan risiko telah diperluaskan kepada semua PTj. Polisi Pengurusan Risiko UMT telah dikemaskini pada tahun 2024 dan kerangka kerja pengurusan risiko UMT adalah berdasarkan kerangka kerja pengurusan risiko yang digariskan dalam Malaysian Standard MS ISO 31000:2020, Risk Management – Guidelines.

UMT melalui Pejabat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR) telah menguruskan pelaksanaan pengurusan risiko di UMT. Semua aktiviti pengurusan risiko adalah berdasarkan punca kuasa daripada Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JKAPR) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (MPU). Peranan dan tanggungjawab pihak berkaitan pelaksanaan pengurusan risiko di UMT adalah seperti berikut:

Pihak Berkaitan	Tanggungjawab
Lembaga Pengarah Universiti (LPU)	• Meluluskan dasar dan polisi universiti berkaitan pengurusan risiko universiti • Mengambil maklum aktiviti-aktiviti pengurusan risiko
Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JKAPR)	• Memperakukan dasar dan polisi universiti berkaitan pengurusan risiko universiti • Mengambil maklum aktiviti-aktiviti pengurusan risiko • Melaporkan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko kepada LPU
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (MPU)	• Memperakukan dasar dan polisi universiti berkaitan pengurusan risiko universiti • Mengambil maklum aktiviti-aktiviti pengurusan risiko
Pejabat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR)	• Menyediakan dasar dan polisi universiti berkaitan pengurusan risiko universiti • Mengemas kini dasar dan polisi universiti berkaitan pengurusan risiko universiti mengikut keperluan semasa • Merancang, melaksana dan memantau pengurusan risiko di peringkat di Pusat Tanggungjawab (PTj) dan universiti serta membuat pelaporan kepada pengurusan universiti
Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko (JKPR)	• Memastikan pengurusan risiko di PTj dilaksana dan diurus dengan berkesan berdasarkan PPRUMT • Menyelaras pelaporan penilaian risiko PTj
Ketua PTJ	• Pemilik Risiko • Mengetuai pengurusan risiko di PTj • Bertanggungjawab memantau pelaksanaan pengurusan risiko • Mengesahkan senarai risiko PTj
Penyelaras Risiko PTj	• Ahli JKPR • Mengkaji perancangan pengurusan risiko di PTj • Menyelaras aktiviti pengurusan risiko di PTj • Membuat pelaporan dan perbincangan dari semasa ke semasa berkaitan pengurusan risiko di peringkat PTj • Membuat pelaporan berkala berkaitan pengurusan risiko di PTj kepada JKPR/TSR

Secara umumnya, terdapat dua kaedah dalam pelaksanaan pengurusan risiko di UMT iaitu pengurusan risiko berasaskan projek/program/aktiviti dan pengurusan risiko berasaskan PTj. Pada tahun 2024, sebanyak enam laporan penilaian risiko berasaskan projek telah dilaksanakan.

Berdasarkan pemerhatian data Pelan Strategik Universiti Malaysia Terengganu (PSUMT) 2023-2027 serta data pencapaian universiti, terdapat enam risiko utama telah dikenalpasti sebagai ancaman yang boleh menjejaskan pencapaian data strategik universiti iaitu:

Kategori Risiko	Risiko
Kewangan	Kekangan sumber kewangan
Reputasi	Reputasi majikan dan akademik yang rendah
Strategi	Hasrat menyerlahkan bidang tujahan tidak dapat direalisasikan
Reputasi	Aktiviti pengantarabangsaan tidak mencapai objektif
Reputasi	Kebolehpasaran graduan yang rendah
Manusia	Kesejahteraan warga terjejas

Secara keseluruhan, pelaksanaan pengurusan risiko di UMT pada tahun 2024 menggambarkan peningkatan kesedaran terhadap kepentingan pengurusan risiko di universiti seterusnya memastikan kefungsian dan operasi universiti berjalan dengan lancar.







KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN




PENGENALAN

Pada tahun 2024, UMT melakar pelbagai kejayaan yang membanggakan. Bagi mengukur pencapaian, 10 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah digunakan sebagai mekanisma pengukuran penilaian prestasi universiti termasuk penarafan oleh badan-badan penarafan kebangsaan dan antarabangsa.

Peratus kebolehpasaran graduan	Peratus graduan yang menjadi usahawan atau bekerja sendiri	Nisbah sitasi per artikel jurnal	Jumlah terimaan geran penyelidikan
Bilangan harta intelek yang berjaya dikomersialkan tahun semasa	Jumlah terimaan nilai projek perundingan tahun semasa	Bilangan komuniti/industri terlibat dengan program pemindahan ilmu dalam bidang tujahan dan bukan bidang tujahan	Peratus bakat akademik antarabangsa sepenuh masa
Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa	Peratus penjanaan pendapatan		
			

KPI 1 : PERATUS BEKERJA GRADUAN


Pada tahun 2024, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memperkenalkan indikator baharu iaitu **kadar bekerja graduan** yang mengukur **perkadaran graduan bekerja berbanding bilangan graduan dalam tenaga buruh**. Pencapaian kadar bekerja graduan UMT pada tahun 2024 adalah 94.0%. Walaupun indikator ini baharu sahaja diperkenalkan, namun pencapaian UMT amatlah membanggakan.



Peratus Bekerja Graduan

KPI 2 : PERATUS GRADUAN YANG MENJADI USAHAWAN ATAU BEKERJA SENDIRI


UMT mengambil serius dalam usaha memupuk kemahiran keusahawanan bagi melahirkan lebih ramai usahawan siswazah untuk menjadi 'penjana pekerjaan' dan bukan hanya 'pencari pekerjaan'. Pada tahun 2024, UMT mencatat pencapaian 9.20% berbanding sasaran 10% yang ditetapkan oleh Outcome Based Budgeting (OBB). Pencapaian ini sedikit menurun berbanding tahun 2023, namun UMT sangat optimis bahawa peningkatan akan berlaku pada tahun-tahun yang berikutnya melalui pelan tindakan yang telah dirancang.



Peratus graduan yang menjadi usahawan atau bekerja sendiri

KPI 3 : NISBAH SITASI PER ARTIKEL JURNAL


Bilangan sitasi merupakan salah satu indikator yang mengukur kualiti sesebuah artikel berdasarkan sejauh mana kajian penyelidik memberi impak serta rujukan kepada penyelidik lain. Pada tahun 2024, UMT telah mencatatkan peningkatan signifikan iaitu daripada 7.69 kepada 11.8 (53.45%). Ini menunjukkan setiap artikel yang terhasil dirujuk sekurang-kurangnya oleh 11 penerbitan yang lain.



Nisbah sitasi per artikel jurnal

KPI 4 : JUMLAH TERIMAAN GERAN PENYELIDIKAN KERAJAAN, SWASTA DAN ANTARABANGSA


Pada tahun 2024, jumlah terimaan geran penyelidikan telah mencatatkan sebanyak RM16.377 juta berbanding sasaran RM19.0 juta. Terimaan geran penyelidikan terbahagi kepada tiga kategori iaitu RM12.288 juta daripada sumber dana Kerajaan dan Universiti, RM2.162 juta daripada sumber swasta dan RM1.931 juta daripada sumber dana antarabangsa. Pada dasarnya terimaan geran penyelidikan ini tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, namun jumlah terimaan geran penyelidikan ini meningkat sebanyak RM0.638 juta (4.1%) berbanding RM15.743 juta pada tahun 2023. Terimaan geran penyelidikan adalah disumbangkan oleh Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), HiCOE (KPT), Industry Matching Programme (ImaP) dan International Partnership Research Grant (IPRG).



Jumlah Terimaan Geran Penyelidikan Kerajaan, Swasta dan Antarabangsa (RM juta)

KPI 5 : JUMLAH TERIMAAN NILAI PROJEK PERUNDINGAN


Pada tahun 2024, jumlah terimaan projek perundingan UMT adalah RM1.727 juta berbanding sasaran RM1.700 juta. Terimaan ini meningkat sebanyak 33% berbanding RM1.302 juta pada tahun 2023. Peningkatan ini menunjukkan kerjasama erat antara UMT dengan pelbagai industri dalam memberikan khidmat kepakaran dan pemindahan ilmu serta teknologi terkini.



Nilai Terimaan Nilai Projek Perundingan Tahun Semasa (RM juta)

KPI 6 : BILANGAN HARTA INTELEK YANG BERJAYA DIKOMERSIALKAN TAHUN SEMASA


Harta intelek merujuk kepada produk intelek manusia yang unik dan mempunyai nilai pasaran sama ada dalam bentuk idea atau ciptaan. Sebanyak sembilan hasil penyelidikan telah berjaya dikomersialkan pada tahun 2024 berbanding enam sasaran yang ditetapkan. Jumlah ini meningkat sebanyak 17% berbanding tahun sebelumnya. Pencapaian ini membuktikan kualiti hasil penyelidikan dan inovasi ahli akademik UMT adalah berpotensi tinggi untuk dikomersialkan.



Bilangan harta intelek yang berjaya dikomersialkan tahun semasa

KPI 7 : BILANGAN KOMUNITI TERLIBAT DENGAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU

Program pemindahan ilmu bertujuan untuk menggalakkan penglibatan dan kerjasama erat di antara ahli akademik dan komuniti sama ada dalam bidang tujahan atau selain bidang tujahan. Melalui program ini, kepakaran ahli akademik UMT dapat dikongsi untuk manfaat komuniti. Pada tahun 2024, sebanyak 121 komuniti terlibat dalam program pemindahan ilmu berbanding 178 pada tahun 2023. Walaupun angka ini sedikit menurun berbanding tahun sebelum, namun UMT tetap komited dalam melaksanakan program pemindahan ilmu bagi membantu meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti sekitar.




Bilangan komuniti/industri terlibat dengan program pemindahan ilmu dalam bidang tujahan dan selain bidang tujahan



KPI 8: PERATUS BAKAT AKADEMIK ANTARABANGSA SEPENUH MASA


Bakat akademik antarabangsa turut menyumbang kepada keterlihatan global sesebuah universiti. Pada tahun 2024, peratus bakat akademik antarabangsa sepenuh masa UMT adalah sebanyak 6.33% berbanding 6.58% pada tahun 2023. Walaupun pencapaian ini tidak mencapai sasaran 10% sebagaimana ditetapkan dalam PSUMT 2023-2027, namun UMT tetap proaktif dalam usaha menarik lebih ramai bakat akademik antarabangsa bagi memastikan kemampanan kecemerlangan bakat serta memperkayakan budaya kecemerlangan komuniti akademik.



Peratus bakat akademik antarabangsa sepenuh masa

KPI 9 : BILANGAN ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA

UMT mencatatkan penurunan enrolmen pelajar antarabangsa sebanyak 11.3% pada tahun 2024 iaitu seramai 626 orang berbanding 706 orang pada tahun 2023. Walaupun berlaku penurunan, UMT akan terus menggiatkan strategi seperti memperkenalkan insentif geran penyelidikan siswazah, transformasi sistem penyampaian, penyediaan fasiliti pelajar antarabangsa dan promosi yang lebih agresif untuk menarik minat lebih ramai pelajar antarabangsa.




Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa



KPI 10: PERATUS PENJANAAN PENDAPATAN

Aktiviti penjanaan pendapatan menjadi agenda penting Universiti Awam bagi menampung keperluan perbelanjaan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan. Peratus penjanaan pendapatan UMT menunjukkan peningkatan daripada 23.79% pada tahun 2023 kepada 28.36% pada tahun 2024, melebihi sasaran 17.0% yang ditetapkan dalam PSUMT bagi tahun 2024. Peningkatan pencapaian ini hasil daripada pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh UMT antaranya memperkasakan penjanaan pendapatan menerusi pakej sewaan aset, fasiliti dan teknologi, memperhebatkan aktiviti pendanaan melalui wakaf dan endowmen serta memantau prestasi pendapatan dan aktiviti penjanaan syarikat universiti.






KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, UMT berjaya mencapai sebahagian KPI yang ditetapkan pada tahun 2024 melalui pelaksanaan inisiatif Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2023-2027. Walaupun terdapat beberapa KPI tidak dicapai, namun UMT terus komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dan strategi bagi memastikan kecemerlangan dalam segenap aspek sejajar dengan visi menjadi sebuah universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani global.





PEMERKASAAN BAKAT



KECEMERLANGAN BAKAT

Sumber manusia merupakan aset utama dalam memastikan kecekapan, keberkesanan, dan kecemerlangan UMT dalam mencapai objektifnya sebagai pusat pendidikan tinggi yang unggul. Peranan sumber manusia tidak hanya terhad kepada aspek perjawatan dan pentadbiran, tetapi turut merangkumi pembangunan bakat, pengurusan prestasi, kesejahteraan staf serta perancangan strategik bagi memastikan universiti sentiasa kompetitif dan relevan dalam landskap pendidikan global yang dinamis.

Dalam usaha memperkasakan tenaga kerja universiti, UMT telah melaksanakan Pelan Strategik Pembangunan Bakat (PSPB) 2023-2027, selari dengan Teras Pemerkasaan Bakat di bawah Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2023-2027. Pelan ini menekankan kepentingan pengurusan bakat secara sistematik, dengan tumpuan terhadap pembangunan kompetensi, peningkatan prestasi serta kesejahteraan staf bagi memastikan tenaga kerja universiti terus berdaya saing dalam persekitaran akademik dan industri yang mencabar.

PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2024, UMT mempunyai seramai 1,524 orang pegawai bertaraf tetap yang merangkumi tiga orang pengurusan tertinggi, 556 orang pegawai akademik, 225 orang pegawai pengurusan dan profesional serta 740 orang pegawai pelaksana dengan peratus pengisian perjawatan sebanyak 98.07%.




Perjawatan
1,524

Pengurusan Tertinggi	3
Staf Akademik	556
Staf Sokongan Akademik (Pengurusan dan Profesional)	225
Pelaksana	740

Pengisian Jawatan Berdasarkan Taraf Lantikan

Secara keseluruhannya, daripada 1,930 jawatan di UMT, 79% adalah bertaraf tetap, 18% bertaraf kontrak manakala 3% jawatan adalah bertaraf sementara dan sambilan. Nisbah pegawai akademik kepada pegawai Pengurusan dan Profesional serta Pelaksana adalah 1:1.5.



Pengisian Jawatan Staf Berdasarkan Taraf Lantikan

Staf Akademik Berkelulusan Doktor Falsafah (PhD)

UMT menerapkan dua strategi utama dalam pengambilan staf akademik baharu iaitu melalui pengisian lompang bidang berdasarkan keperluan ideal nisbah pelajar kepada staf akademik mengikut program pengajian serta pengambilan calon felo akademik untuk tajaan Skim Latihan Akademik Muda (SLAM) berdasarkan pelan penggantian. Pada tahun 2024, seramai 35 orang staf akademik baharu telah dilantik, di mana 31 orang daripadanya adalah berkelayakan PhD. Berdasarkan bilangan Pensyarah Universiti tetap dan kontrak (sepenuh masa), sebanyak 89% (557 orang) mempunyai kelayakan PhD, melebihi sasaran negara iaitu sebanyak 80%.



Staf Akademik Antarabangsa

Sehingga 31 Disember 2024, UMT mempunyai seramai 67 orang staf akademik antarabangsa sebagai usaha melestarikan pendidikan tinggi agar universiti lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa. Pemilihan staf akademik antarabangsa adalah berdasarkan kepada keperluan strategik untuk menyokong bidang tujahan, kepakaran tertentu dalam bidang kritikal, keupayaan menyumbang penerbitan berimpak tinggi di samping meningkatkan bilangan geran dan pelajar antarabangsa ke UMT.

PENYELIDIK TERSOHOR KA25 (1)

Pakistan	1

PROFESOR PELAWAT KA02 (28)

Australia	2
New Zealand	1
Hong Kong	1
United Kingdom	2
Jepun	1
China	2
Belgium	1
India	2
Jerman	2
Kanada	1
Romania	1
Korea Selatan	2
Uzbekistan	2
Indonesia	3
Republik Czech	1
Sweden	1
Taiwan	2
Amerika Syarikat	1

PENSYARAH UNIVERSITI VK7 (1)

Iran	1

PENSYARAH UNIVERSITI DS14 (6)

Bangladesh	1
Indonesia	1
India	1
Jepun	1
Iran	2

PENSYARAH UNIVERSITI DS13 (25)

Bangladesh	5
Indonesia	8
Yaman	2
Pakistan	1
India	2
Somalia	1
Myanmar	1
Nigeria	1
Jepun	1
Republik Czech	1
Iran	2


PENSYARAH UNIVERSITI DS11 (5)

Pakistan	1
Iran	1
Palestin	2
Bangladesh	1

GURU BAHASA DG9 (1)

Korea Selatan	1

Jumlah
67



KEMAJUAN KERJAYA

Pada tahun 2024, seramai 22 orang staf akademik telah dinaikkan pangkat dan memenuhi tujuh kefungsian utama yang ditetapkan iaitu pengajaran dan penyeliaan, penyelidikan, penerbitan, pembangunan kendiri, pemindahan ilmu/asimilasi ilmu, sanjungan dan kepimpinan akademik serta kepimpinan pengurusan. Selain itu, aspek sahsiah, keperibadian, integriti dan disiplin turut menjadi elemen penting dalam kriteria kenaikan pangkat ahli akademik.



Manakala bagi staf bukan akademik, 23 orang telah dinaikkan pangkat merangkumi tujuh orang pegawai kumpulan pengurusan dan profesional serta 16 orang pegawai kumpulan pelaksana. Penilaian kenaikan pangkat staf bukan akademik dibuat berdasarkan kepada kecemerlangan dalam tugas hakiki, sumbangan inovasi dalam pekerjaan, pengiktirafan kebolehan dan sumbangan luar tugas rasmi yang signifikan. Aspek sahsiah, keperibadian, integriti dan disiplin turut menjadi elemen penting dalam kriteria kenaikan pangkat.





Kenaikan Pangkat Tahun 2024
45

Kenaikan Pangkat Staf Mengikut Kumpulan Jawatan

Staf Akademik	22
Pengurusan dan Profesional	7
Pelaksana	16

KEAHLIAN BADAN PROFESIONAL DAN PERSATUAN IKHTISAS

UMT amat menggalakkan staf berdaftar dalam mana-mana badan profesional dan persatuan iktisas mengikut bidang kepakaran masing-masing. Sehingga 31 Disember 2024, peningkatan ketara dapat dilihat dalam keanggotaan badan profesional peringkat kebangsaan di mana seramai 184 orang staf akademik telah mendaftar berbanding 114 orang tahun sebelumnya. Malaysian Boards of Technologist (MBOT) merupakan badan profesional yang paling banyak dianggotai oleh staf akademik diikuti oleh Institut Kimia Malaysia (IKM) dan Boards of Engineers (BEM).

Bagi staf sokongan akademik pula, selain MBOT dan IKM, mereka juga menjadi ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA), Lembaga Kaunselor, Suruhanjaya Tenaga, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan juga Malaysian Institute of Management (MIM). Keanggotaan ini diperlukan sebagai asas dalam melaksanakan tugas di samping meningkat kompetensi dan profesionalisme.

Statistik Keahlian Badan Profesional dan Persatuan Akademik

Keahlian	Staf Akademik	Staf Sokongan Akademik
KEBANGSAAN		
Badan Profesional	184	38
Persatuan Akademik	355	9
Jumlah	**539**	**47**
ANTARABANGSA		
Badan Profesional	23	0
Persatuan Akademik	101	6
Jumlah	**124**	**6**

PENGIKTIRAFAN KECEMERLANGAN DAN PENGHARGAAN

Kecemerlangan dan kewibawaan staf adalah cerminan kehebatan UMT. Kejayaan staf UMT meraih pengiktirafan dan penghargaan di peringkat kebangsaan serta antarabangsa menjadi bukti keunggulan mereka.

Majlis Anugerah Tahunan

Pelbagai anugerah peringkat Universiti telah diwujudkan bagi memberi pengiktirafan kepada warga atas komitmen tinggi yang ditunjukkan dalam perkhidmatan. Pengiktirafan bakat telah dizahirkan melalui penganjuran Majlis Anugerah Tahunan 2024 pada 12 September 2024. Seramai 333 orang staf telah diraikan untuk menerima anugerah kecemerlangan yang melibatkan tujuh kategori utama.



Senarai Penerima Anugerah Julangan Bakat

Nama Anugerah	Penerima
Anugerah Kepimpinan Akademik • Keseluruhan	**Prof. Ts. Dr. Lam Su Shiung** Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP)
Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Senior • Sains Tulen	**Dr. Nur Baini binti Ismail** Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM)
Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Senior • Sains Sosial	**Dr. Siti Salina binti Abdullah** Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS)
Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Senior • Teknologi dan Kejuruteraan	**Ts. Dr. Mohamed Shahrir bin Mohamed Zahari** Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan (FTKK)
Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Muda • Sains Gunaan	**Ts. Dr. Lokman Nor Hakim bin Norazmi** Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM)
Anugerah Khidmat Komuniti Cemerlang • Kumpulan	**Pusat Asasi STEM** Tajuk Projek: Program STEM Educators Bootcamp
Anugerah Khidmat Komuniti Cemerlang • Individu	**Prof. Dr. Shamsul Bahri bin Abd Razak** Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM) Tajuk Projek: Penternakan Madu Kelulut
Anugerah Pemindahan Ilmu • Komuniti	**Prof. Madya Ts. Dr. Wan Zaliha binti Wan Sembok** Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM) Tajuk Projek: Silent Partners, Mikopreneur, Blind Planters, Planters@ Community, Roselpreneur & DPUB2020
Anugerah Staf Antarabangsa Terbaik	**Dr. Maharani Abu Bakar** Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM)
Anugerah Buku Ilmiah Terbaik UMT • Sains Tulen	Dr. Zubaidah Abu Hassan, **Prof. Dr. Shamsul Bahri bin Abd Razak**, Prof. Madya Dr. Junedah Sanusi *The Indo-Malayan Stingless Bees of Sekayu: Morphology, Systematic and Biology*
Anugerah Buku Ilmiah Terbaik UMT • Sains Sosial	Mendiang Raja Somu, **Prof. Madya Ts. Dr. Jagan Jeevan, Prof. Madya Ts. Dr. Nurul Haqimin bin Mohd Salleh** *The Role of Seaport Systems in Regional Development: An Exploratory Analysis in East Coast of Peninsular Malaysia*

Anugerah Buku Ilmiah Terbaik UMT • Kejuruteraan dan ICT	**Prof. Dr. Mohd Lazim bin Abdullah**, Dr. Noor Azzah binti Awang *Decision-Making Trial and Evaluation Laboratory Based Methods: Applications Under Uncertainty*
Anugerah Penerbitan Penyelidikan • Sains Tulen	**Prof. Ts. Dr. Mohammad bin Ismail** Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan (FTKK) *Journal of Magnesium And Alloys/Elsevier* *"Ameliorating the Re/Dehydrogenation Behaviour of MgH2 by Zinc Titanate Addition"*
Anugerah Penerbitan Penyelidikan • Sains Gunaan	**Prof. Madya Ts. Dr. Norizah binti Mhd. Sarbon** Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM) Food Reviews International/Taylor & Francis Inc "A Review on Potential Use of Gelatin-Based Film as Active and Smart Biodegradable Films for Food Packaging Application"
Anugerah Penerbitan Penyelidikan • Sains Sosial	**Prof. Dr. Hafiza Aishah binti Hashim** Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) Environmental Science and Pollution Research/ Springer Nature "The Moderating Role Of CEO Power on The Relationship between Environmental, Social and Governance Disclosure and Financial Performance in Emerging Market"
Anugerah Makalah Terbaik Dalam Journal of Sustainability Science and Management (JSSM)	Dr. Abdulla-Al-Asif, Dr. Hadi Hamli, **Prof. Madya Dr. Mohd Hanafi bin Idris**, Prof. Madya Dr. Geoffery James Gerusu, Johan Ismail, Professor (Assistant) Dr. Muyassar H. Abualreesh, **Prof. Madya Dr. Abu Hena Mustafa Kamal** *Macrofaunal Diversity on the Surface Sediment of Mangrove Habitat Adjacent to the Seagrass Beds at Punangsari River Estuary (Malaysian Borneo), South China Sea* (JSSM Volume 18 Number 9, September 2023)
Anugerah Makalah Terbaik Dalam Journal of Business and Social Development (JBSD)	Lojaina Alnakar, **Dr. Azlinzuraini binti Ahmad, Prof. Dr. Khatijah binti Omar** *The Impact of Working from Home on Employees' Productivity in Higher Education Organisation* (JBSD Volume 11 Number 2, September 2023)
Anugerah Makalah Terbaik Dalam Journal of Mathematical Sciences and Informatics (JMSI)	**Dr. Syerrina binti Zakaria, Dr. Nor Fatimah binti Che Sulaiman, Dr. Ummu `Atiqah binti Mohd Roslan, Dr. Azwani binti Alias, Siti Madhihah binti Abdul Malik** *Impact of COVID-19 Pandemic on Malaysian Socio-economics: A Statistical-dynamical Approach* (JMSI Volume 3 Number 1, June 2023)

Anugerah Bakat Cemerlang Pengurusan dan Profesional • Pengurusan dan Perkhidmatan	**Aisamuddin bin A. Jalil** Bahagian Keselamatan, Pejabat Pendaftar
Anugerah Bakat Cemerlang Pengurusan dan Profesional • Teknikal	**Suhairi bin Mazelan** Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP)
Anugerah Kecemerlangan Sukan • Olahragawan	**Mohd Saifullah bin Mohd Esa** Pusat Latihan Pelayaran Sukan: Pelayaran
Anugerah Khas Juri Inovasi Pengurusan Terbaik	**Kumpulan Medix6** Pusat Kesihatan Universiti (PKU)
Anugerah Kualiti UMT • Pengurusan dan Perkhidmatan	**Pejabat Bendahari**
Anugerah Kualiti UMT • Akademik dan Penyelidikan	• **Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM)** • **Pusat Asasi STEM (PASTEM)**
Anugerah Pusat Tanggungjawab Terbaik • Pengurusan dan Perkhidmatan	**Pusat Pemindahan Ilmu, Jaringan Industri dan Masyarakat (PPIJIM)**









Penerima Darjah Kebesaran dan Pingat

Tahun 2024 telah menyaksikan dua orang pegawai menerima Darjah Kebesaran dan Pingat negeri Terengganu dan seorang menerima pingat "*Officer in the Order of the Crown*" (*Officier de l'Ordre de la Couronne/Officier in de Kroonorde*) oleh kerajaan Belgium.





"The Order Of The Crown (Rank Officer)"
(Officier De L'ordre De La Couronne /Officier In De Kroonorde)



Pengurniaan Darjah Setia Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.M.T.)

KEBAJIKAN STAF

UMT amat prihatin terhadap hal ehwal kebajikan staf. Bagi menzahirkan keprihatinan ini, UMT mewujudkan Tabung Kebajikan Staf untuk membantu meringankan beban staf yang ditimpa musibah seperti kematian ahli keluarga, kebakaran tempat tinggal, kemalangan dan sebagainya. Tabung Kebajikan Staf ini merupakan hasil sumbangan warga UMT yang saling prihatin dan ihsan antara satu sama lain. Pada tahun 2024, UMT telah menyalurkan sumbangan keseluruhan berjumlah RM50,900.00 kepada staf yang terkesan.

Bantuan mengurus jenazah
5 orang staf
RM15,000.00

Ziarah Cakna
85 orang staf
RM32,400.00

Ziarah Cakna Kematian pasangan/anak
7 orang staf
RM3,500.00




LATIHAN DAN PEMBANGUNAN BAKAT

Model Pembelajaran 70:20:10 terus diadaptasi dalam setiap program latihan bagi memastikan latihan yang lebih berkesan dan menyeluruh. Model ini merujuk kepada nilai impak latihan dan pembelajaran yang diperoleh melalui tiga komponen utama, iaitu 70% pembelajaran daripada pengalaman kerja (experiential learning), 20% pembelajaran melalui interaksi sosial (social learning) dan 10% pembelajaran formal (formal learning).

Sepanjang tahun 2024, UMT melalui Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi (PPBI) telah menganjurkan 148 program latihan merangkumi latihan berstruktur dan pembelajaran formal. Selain itu, seramai 15 orang staf telah menyertai program mobiliti dan 337 orang staf akademik telah menghadiri konferensi.



Pencapaian Latihan Staf Tahun 2024



Latihan Kecerdasan Buatan (AI) Mempertingkat Penyampaian Perkhidmatan

Dalam era digital yang pesat berkembang, kecerdasan buatan (AI) memainkan peranan penting dalam mempertingkat penyampaian perkhidmatan. AI membolehkan automasi tugas, analisis data yang lebih efisien, serta interaksi yang lebih pintar dengan pengguna. Latihan AI menjadi elemen utama dalam memastikan teknologi ini digunakan secara optimum. Melalui latihan yang sistematik, tenaga kerja dapat memahami konsep asas AI, menerapkan alat yang relevan, dan menyesuaikan teknologi ini dengan keperluan spesifik perkhidmatan.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak tujuh latihan berkaitan AI telah dianjurkan. Latihan AI dibahagikan kepada dua modul utama iaitu AI Assisted Learning dalam Pengajaran dan Pembelajaran untuk ahli akademik dan AI Assisted Managing untuk sokongan akademik UMT.

AI Assisted Learning

- Introduction to Generative Artificial Intelligence (AI) in Teaching and Learning
- Artificial Intelligence (AI) Application in Student Assessment
- Penghasilan Penilaian Pelajar Menggunakan Generatif AI untuk Platform Quizziz
- Workshop on AI in Teaching & Learning: Developing Teaching Videos using AI Tools

AI Assisted Managing

- Latihan Penulisan 'Prompt' bagi Aplikasi AI Chat GPT dalam Pengurusan Kerja
- Data Analytic with PowerBI
- AI dalam Pengurusan Pejabat : Panduan untuk Tingkatkan Produktiviti Kerja





Program Bual Bicara Profesor

Bermula tahun 2020, Program Bual Bicara Profesor UMT diadakan sebagai platform kepada para profesor UMT berkongsi kepakaran, pengalaman atau pandangan bersama warga universiti dan komuniti setempat. Pada tahun 2024, tiga siri Program Bual Bicara Profesor telah diadakan.



PROFESOR DR. KHATIJAH BINTI OMAR

27 Februari 2024

Pendayaupayaan Komuniti



PROFESOR ChM. DR. MARINAH BINTI MOHD ARIFFIN

2 Julai 2024

Women in Academia: Leadership Within and Beyond the Lecture Hall



PROFESOR TS. DR. NOOR MAIZURA BINTI MOHAMAD NOOR

23 Disember 2024

Kecerdasan Buatan Dalam Kehidupan: Satu Fantasi atau Realiti?

Program Bicara Pentadbir

Tahun 2024 merupakan tahun kedua Program Bicara Pentadbir diadakan. Program ini merupakan platform bagi staf sokongan akademik Gred 12 dan ke atas berkongsi ilmu atau pengalaman berkaitan kemahiran tugas atau pengalaman kepimpinan masing-masing. Sebanyak dua siri program Bicara Pentadbir telah diadakan.



TUAN HAJI MOHD NOR SHOKRI BIN HAJI ABD RAHMAN

27 Ogos 2024

Kualiti: Kunci/Asas Kecemerlangan Organisasi



ENCIK AHMAD ABD. RAHIM BIN ALIAS

30 Disember 2024

Mencorak Masa Hadapan Perpustakaan Akademik: Isu dan Cabaran

Program Wacana Kepimpinan

Program Wacana Kepimpinan mula diadakan pada tahun 2020. Pada tahun 2024, program ini diteruskan dengan perkongsian daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Agensi Kelayakan Malaysia (MQF), Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran pada 25 Ogos 2024 dengan tajuk The Survival of Teaching and Learning at Higher Education in the Future.





Program Kepimpinan Berfokus

UMT juga turut meneruskan penganjuran program kepimpinan berfokus kepada dua kelompok bakat kepimpinan UMT iaitu Top Leader (UMT TopLead) yang terdiri daripada Pegawai Utama dan Pegawai Kanan serta UMT Future Leader (UMT FueL) yang terdiri daripada Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah, Ketua Program, Pengerusi Bidang dan pegawai bukan akademik Gred 12 ke atas.

Sebanyak empat program telah diadakan bagi UMT TopLead dan UMT FueL pada tahun 2024 iaitu Program Strategy Mastery, Bengkel Synergizing Student Growth and R&D Excellence, Program High Impact Leadership (Siri 4) dan Program Mastering Problem-Solving Skills Through Design Thinking and VCTF.






Cuti Belajar

Sehingga 31 Disember 2024, seramai 44 orang staf melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD). Seramai dua orang pensyarah dan 35 orang Felo Akademik telah menerima tajaan bagi melanjutkan pengajian pada peringkat Doktor Falsafah di beberapa buah negara. Terdapat tujuh orang pegawai sokongan akademik turut mendapat peluang menyambung pengajian, iaitu lima orang pengajian peringkat Doktor Falsafah, seorang pengajian peringkat Sarjana dan seorang pengajian peringkat Sarjana Muda.

Peringkat Pengajian	Tempat Pengajian	Jawatan			Jumlah
		Pensyarah	Felo Akademik	Sokongan Akademik	
Doktor Falsafah (PhD)	Dalam Negara	1	26	5	32
	Luar Negara	1	9	0	10
Sarjana	Dalam Negara	0	0	1	1
Sarjana Muda	Dalam Negara	0	0	1	1
Jumlah		**2**	**35**	**7**	**44**



Malaysia
34



United Kingdom
5



Australia
3



Jerman
1



Singapura
1

Sebagai inisiatif membantu para pegawai cuti belajar meningkatkan kemahiran dalam analisis bibliometrik dan penulisan artikel, Bengkel Penulisan Bibliometrik telah dilaksanakan pada 10-12 September 2024 di Hotel Grand Renai, Kota Bharu, Kelantan. Bengkel ini dijalankan secara hands-on di mana peserta diberikan penerangan teori berkaitan sistem Bibliometrik pada permulaan bengkel, diikuti sesi praktikal menggunakan sistem berkaitan bagi memperkukuh kefahaman mereka. Secara umumnya, bengkel ini memberi impak positif dan memenuhi keperluan dalam meningkatkan kemahiran penulisan akademik.

Mobiliti Staf

Pada tahun 2024, seramai 27 orang staf akademik dan sokongan akademik telah mengikuti program mobiliti di agensi dalam dan luar negara.

1 Pasca Kedoktoran
- University Kyoto, Jepun

4 Cuti Sabatikal
- Universiti Malaya (UM)
- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

5 Cuti Penyelidikan
- Melbourne School of Design, University of Melbourne, Australia
- Universitas Ibnu Sina, Batam Indonesia
- School of Chemistry, Clayton Campus, Monash University, Melbourne, Victoria, Australia
- UMR PVBMT, Agrocampus in St-Pierre, Agroc University of La Reunion, France
- University of Science, Vietnam National University Ho Chi Minh City, Vietnam
- Prince of Songkla University, Songkhla, Thailand

4 Sangkutan Akademik
- South African Institute for Aquatic Biodiversity (SAIAB), Makhanda, South Africa.
- Singapore Eye Research Institute (SERI)
- University of Sharjah, United Arab Emirates

6 Latihan Sangkutan Luar Negara
- Fourth Institute of Oceanography, Ministry of Natural Resources, China
- Lee Kong Chian Natural History Museum, National University of Singpore
- Asian Primates Symposium (APS), Universiti Sumatera Utara, Yayasan Kiara, Medan, Indonesia
- Yogyakarta, Indonesia
- Tongji University, Shanghai, China
- National Kaohsiung University of Science and Technology (NKUST), Taiwan

6 Sangkutan Staf Sokongan Akademik (SSSA)
- University of Stirling, Scotland, United Kingdom
- Perpustakaan Sultanah Nur Bahiyah, Universiti Utara Malaysia (UUM)
- National Museum of Nature and Science (NMNS), Tokyo Japan
- Pak Thale, Thailand

1 Sangkutan Industri
- AMR Environmental Sdn. Bhd. Seremban Negeri Sembilan

Jumlah Keseluruhan
27

Karnival Inovasi@UMT 2024

Karnival inovasi@UMT 2024 telah diadakan pada 17-24 November 2024 secara dalam talian dengan tema “Cakna Inovasi Pemangkin Generasi Lestari”. Aktiviti utama yang dilaksanakan ialah pembentangan amalan perkongsian mobiliti bakat, pertandingan amalan inovasi serta sesi ucaptama perkongsian amalan inovasi yang disampaikan oleh keynote speaker yang dijemput khas oleh penganjur.

Seramai tiga penceramah jemputan telah membuat perkongsian pengalaman berdasarkan kepakaran bidang masing-masing.



Profesor Madya Ts. Dr. Syamsul Nor Azlan bin Mohamad

Enhancing Personalize Learning Through Assesment in The Era of AI



Profesor Dr. Kesaven a/l Bhubalan

Experience Sharing from Research to Commercialisation



Encik Helmi Zaifura bin Abdul Rahman

Budaya Kerja Berinovatif Pemangkin Kemajuan Kerjaya yang Cemerlang

Bagi pertandingan Amalan Inovasi, sebanyak 118 kumpulan dari dalam dan luar UMT telah menyertai empat kategori yang dipertandingkan. Manakala bagi pembentangan Amalan Perkongsian Mobiliti Bakat pula, seramai 23 orang staf akademik dan staf sokongan akademik yang telah menjalani sangkutan industri/cuti sabatikal/sangkutan bukan akademik membuat pembentangan.

Bil.	Kategori	Emas	Perak	Gangsa	Sijil	Jumlah Penyertaan
1.	Amalan Inovasi Pengajaran & Pembelajaran (AIPP)	7	12	6	0	25
2.	Amalan Inovasi Pengurusan (AIPN)	10	25	1	1	37
3.	Amalan Inovasi Penyelidikan (AIPY)	4	10	6	2	22
4.	Amalan Inovasi Pelajar (AIPJ)	10	18	1	5	34
	Jumlah	**31**	**65**	**14**	**8**	**118**

Selain itu, sebagai nilai tambah kepada semua peserta Karnival inovasi@UMT 2024, tiga sesi bengkel berkaitan AI dianjurkan secara percuma kepada semua peserta yang berminat.

Tajuk
Penghasilan Penilaian Pelajar Menggunakan Generative AI untuk Platfom Quizziz Oleh: Dr. Noor Azliza binti Che Mat
Aplikasi AI (Zotero dan SciSpace) Dalam Penyelidikan Oleh: Dr. Chong Chou Min
AI dalam Pengurusan Pejabat : Panduan untuk Tingkatkan Produktiviti Kerja Oleh: Dr. Noor Azliza binti Che Mat

PENCAPAIAN SUKAN STAF

UMT sentiasa menekankan kepentingan keseimbangan antara kerja hakiki dan aktiviti sukan dalam kalangan staf. Melalui penyertaan dalam pelbagai kejohanan dan program sukan, staf bukan sahaja dapat mengekalkan gaya hidup sihat, tetapi juga mengukuhkan semangat berpasukan dan jati diri. Kejayaan dalam pelbagai kejohanan membuktikan bahawa kecemerlangan bukan sahaja terletak pada tugas profesional, tetapi juga dalam bidang sukan.

Pencapaian dalam Pelbagai Kejohanan

Kejohanan	Pencapaian
Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) 2024 9-16 Ogos 2024 di Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Enam pingat emas, empat pingat perak dan lapan pingat gangsa melalui acara badminton, bola tampar, olahraga, catur, bola tampar pantai dan tenis.
Kejohanan Sukan Pusat Sukan IPTA (SUPSAT) 2024 22-25 Februari 2024 di Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	Satu pingat perak untuk acara tenpin boling dan satu pingat gangsa untuk acara petanque.
Kejohanan Boling Padang MAKSAK Terengganu 29 Feb - 2 Mac 2024 di Arena Boling Padang, Kompleks Sukan Terengganu	Naib Johan bagi acara Single (L) Tempat Ke-3 bagi acara Single (W)
Kejohanan Bola Tampar MAKSAK Terengganu 5 – 6 Julai 2024 di Dewan Sri Amar, Kemaman	Tempat ke-3.
Kejohanan Badminton MAKSAK Terengganu 6 Ogos 2024 di Dewan Sri Nilam, Kuala Terengganu	1) Gangsa Perseorangan Wanita 2) Perak Beregu Lelaki 3) Gangsa Beregu Lelaki 4) Gangsa Perseorangan Lelaki
Kejohanan Boling Padang MAKSAK Malaysia 25 – 28 April 2024 di Johor Bharu	Satu pingat Emas Dua pingat Gangsa
Kejohanan Tenis MAKSAK Malaysia 2024 24 – 27 Oktober 2024 di Kuala Lumpur	Pingat gangsa kategori perseorangan lelaki terbuka





Pengiktirafan Kepakaran dalam Sukan



Amalul Asyraf bin Rosli

1. Pengurus Pasukan Bola Tampar Wanita sempena Kejohanan Sukan Tahunan Universiti Malaysia-Thailand (MASTHAI) Edisi Ke-14
2. Pengurus Pasukan Bola Tampar Pantai (Pasukan Universiti Malaysia) Sempena Temasya Sukan Universiti ASEAN (AUG) Kali Ke-21 Tahun 2024



Mohd Syafiq Aizat bin Abd Aziz

Penolong Jurulatih Pasukan Futsal Terengganu sempena kejohanan Malaysia Premier Futsal League (MPFL) 2024.



Muhamad Hafizuddin bin Ramli

1. Jurulatih Kecergasan Pasukan Futsal Terengganu sempena Kejohanan Malaysia Premier Futsal League (MPFL) 2024.
2. Jurulatih Kecergasan Pasukan Bola Sepak Terengganu sempena Pertandingan Piala Emas Raja-Raja (PERR) Edisi Kali Ke-102, Tahun 2024 .



Mohd Fadzli bin Badaudin

Timbalan Presiden, Persatuan Badminton Negeri Terengganu bermula 21 September 2024 hingga 20 September 2028.



Mohd Nizam bin Mohd Zain

Penolong Jurulatih Pasukan Bola Sepak Terengganu sempena Pertandingan Piala Emas Raja-Raja (PERR) Edisi Kali Ke-102, Tahun 2024.



Aswardy bin Hamzah

Jurulatih Pasukan Boling Padang MAKSAK Terengganu pada Kejohanan Boling Padang MAKSAK Malaysia 2024.



10 orang staf UMT telah dilantik dan diberi kepercayaan untuk membantu Pasukan Negeri Terengganu dalam Kejohanan SUKMA XXX 2024.



Lapan orang staf UMT telah dilantik dan diberi kepercayaan untuk membantu Pasukan Negeri Terengganu dalam Kejohanan PARA SUKMA 2024.



Enam orang staf UMT telah dilantik sebagai Teknikal dan Umpire sempena Temasya Sukan SUK Se-Malaysia (SUKSEM) 2024 bagi acara Boling Padang yang telah dilaksanakan pada 15 – 19 Oktober 2024 bertempat di Terengganu.



Lima orang staf UMT telah dilantik sebagai Jurulatih sempena Kejohanan Lawn Bowls U12 & U18 Kebangsaan 2024.



Dua orang staf UMT telah dilantik sebagai Jurulatih Pelapis Terengganu dan Jurulatih Bakat Terengganu bagi Pasukan Boling Padang untuk Program Pembangunan Pelapis, Bakat dan Tunas bermula tahun 2024-2025.



Tiga orang staf UMT telah dilantik sebagai Jurulatih Tunas Terengganu bagi Pasukan Boling Padang untuk Program Pembangunan Pelapis, Bakat dan Tunas bermula tahun 2024-2025.

Penganjuran Kejohanan Bola Tampar Campuran Piala Pustakawan 2024

Kejohanan ini dilaksanakan secara campuran dan terbuka kepada semua PTj UMT. Kejohanan ini disertai oleh 10 pasukan staf yang bertanding merebut Piala Pustakawan. Majlis Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Tuan Haji Abu Hassan bin Ghazali, Ketua Pustakawan UMT.

Pasukan TNCPI telah berjaya merangkul gelaran juara dan membawa pulang Piala Pusingan, Piala Kejohanan serta wang tunai berjumlah RM500.00. Manakala Pasukan HEPA A berada di tempat kedua dan membawa pulang wang tunai berjumlah RM300.00 serta Pasukan PED A berada di tempat ketiga dan membawa pulang wang tunai berjumlah RM200.00.







KESIMPULAN

Pada tahun 2024, UMT terus komited dalam memperkasakan sumber manusia dengan menjadikan Pelan Strategik Pembangunan Bakat (PSPB) 2023-2027 sebagai panduan utama. Pelaksanaan pelan ini sejajar dengan Teras Pemerkasaan Bakat dalam Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2023-2027, yang menekankan pembangunan bakat secara sistematik dan berkesan.

Melalui perancangan yang strategik dan bersepadu, UMT berusaha menyeimbangkan keperluan organisasi dengan kepentingan individu, selaras dengan misinya untuk melahirkan tenaga kerja yang cemerlang, berintegriti, dan berdaya saing. Pembangunan bakat yang berterusan ini akan memastikan UMT kekal sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang unggul, mampan, dan relevan dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

FAKTA DAN ANGKA

98.07%
pengisian waran perjawatan

89%
ahli akademik berkelayakan PhD

148
program latihan

337
staf menghadiri konferen/seminar

141
penyertaan dalam Karnival Inovasi@ UMT



KECEMERLANGAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN



PENGENALAN

UMT Komited dalam memastikan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran agar setiap pelajar yang melangkah keluar dari universiti ini bukan sahaja memiliki pengetahuan yang mendalam, tetapi juga kemahiran yang relevan dan kompeten dalam menghadapi cabaran global. Melalui pendekatan pembelajaran yang inovatif, berteraskan teknologi dan sentiasa mengutamakan penyelidikan, para pelajar akan melalui pengalaman pembelajaran yang lebih holistik dan memberi impak kepada pembangunan negara dan masyarakat.

Program Akademik

Pada tahun 2024, UMT menawarkan 35 program akademik merangkumi 33 program peringkat sarjana muda, satu program peringkat diploma dan satu program peringkat asasi. Program Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai) dengan Kepujian tidak ditawarkan kerana sedang melalui semakan kurikulum bagi tujuan penjenamaan dan penawaran semula.

UMT juga menawarkan 18 bidang utama bagi pengajian ijazah kedoktoran dan sarjana mod penyelidikan serta 16 program akademik peringkat sarjana bagi mod kerja kursus.

Program Akademik Prasiswazah

Fakulti	Bil	Nama Program
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM)	1	SM Sains (Sains Marin) dengan Kepujian
	2	SM Sains (Biologi Marin) dengan Kepujian
	3	SM Sains (Geosains Marin) dengan Kepujian
	4	SM Sains (Sains Kimia) dengan Kepujian
	5	SM Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran) dengan Kepujian
	6	SM Sains (Sains Biologi) dengan Kepujian
	7	SM Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti) dengan Kepujian
	8	SM Sains Gunaan (Nanofizik) dengan Kepujian
Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM)	9	SM Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) dengan Kepujian
	10	SM Sains Makanan (Teknologi Makanan) dengan Kepujian
	11	SM Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) dengan Kepujian
	12	SM Sains Gunaan (Perikanan) dengan Kepujian
	13	SM Sains Agroteknologi (Akuakultur) dengan Kepujian
	14	Diploma Perikanan

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS)	15	SM Perakaunan dengan Kepujian
	16	SM Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian
	17	SM Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian
	18	SM Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian
	19	SM Kaunseling dengan Kepujian
	20	SM Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian
	21	SM Kewangan dengan Kepujian
Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM)	22	SM Sains (Matematik Kewangan) dengan Kepujian
	23	SM Sains (Matematik Gunaan) dengan Kepujian
	24	SM Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian
	25	SM Sains Komputer dengan Informatik Maritim (Kepujian)
	26	SM Sains Komputer (Komputeran Mudah Alih) dengan Kepujian
	27	SM Sains (Analitik Data) dengan Kepujian
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan (FTKK)	28	SM Sains Gunaan (Elektronik dan Instrumentasi) dengan Kepujian
	29	SM Sains Gunaan (Teknologi Maritim) dengan Kepujian
	30	SM Teknologi (Alam Sekitar) dengan Kepujian
	31	SM Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Senibina Kapal) dengan Kepujian
Fakulti Pengajian Maritim (FPM)	32	SM Pengurusan (Maritim) dengan Kepujian
	33	SM Pengurusan Operasi Maritim dengan Kepujian
	34	SM Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim) dengan Kepujian
Program Asasi		
Pusat Asasi STEM	35	Asasi STEM

Bidang utama pengajian Ijazah Kedoktoran dan Sarjana (Mod Penyelidikan)

- **Kemanusiaan**
  - Linguistik Terapan
  - Falsafah dan Ketamadunan
- **Sains Sosial dan Tingkah Laku**
  - Komunikasi
  - Psikologi
  - Pengajian Sosial
- **Ekonomi**
  - Ekonomi
- **Perniagaan dan Pentadbiran**
  - Kewangan
  - Pengurusan
  - Pemasaran
  - Pelancongan
- **Perakaunan dan Percukaian**
  - Perakaunan
- **Biologi dan Biokimia**
  - Biokimia
  - Botani
  - Isyarat Sel dan Komunikasi Sel
  - Genetik
  - Mikrobiologi
  - Zoologi
  - Fisiologi
  - Bioteknologi
- **Sains Alam Sekitar**
  - Sains Akuatik
  - Biodiversiti dan Pemuliharaan
  - Ekologi
- **Sains Fizikal**
  - Fizik
  - Sains Kimia
  - Penderiaan Jauh
- **Sains Bumi**
  - Sains Marin
  - Oseanografi
- **Matematik**
  - Sains Matematik
- **Sains Komputer**
  - Sains Komputer
- **Kejuruteraan dan Pengajian Kejuruteraan**
  - Teknologi dan Kejuruteraan Kimia
  - Teknologi dan Kejuruteraan Maritim
  - Tenaga dan Elektrik
  - Elektronik
- **Pemprosesan Makanan**
  - Teknologi dan Sains Makanan
  - Perkhidmatan Makanan
  - Nutrisi
- **Pengeluaran Tanaman dan Ternakan**
  - Sains Haiwan
  - Sains Tanaman
  - Teknologi Lepas Tuai
- **Perikanan**
  - Akuakultur
  - Perikanan
- **Perkhidmatan Pengangkutan**
  - Pengajian Maritim
  - Sains Nautika
- **Khidmat Sosial dan Kaunseling**
  - Kaunseling
- **Teknologi Perlindungan Alam Sekitar**
  - Pengurusan Alam Sekitar
  - Teknologi Alam Sekitar



Program Akademik Pascasiswazah Mod Kerja Kursus

- Sarjana Sains (Akuakultur)
- Sarjana Sains Perikanan Tropika
- Sarjana Pengurusan Zon Pantai Bersepadu
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan
- Sarjana Kaunseling
- Sarjana Sains Komputer
- Sarjana Teknologi Maklumat
- Sarjana Matematik
- Sarjana Statistik Sains Marin
- Sarjana (Sains) Forensik Alam Sekitar
- Sarjana Ekonomi
- Sarjana Sains Pengajian Maritim
- Diploma Pascasiswazah Pengajian Maritim
- Sijil Pascasiswazah Pengajian Maritim
- Sarjana Sains Sekitaran Marin Tropika
- Sarjana Sains (Biodiversiti Tropika)

Pengambilan dan Enrolmen Pelajar

Bilangan pelajar baharu prasiswazah pada tahun 2024 adalah seramai 2,269 orang manakala jumlah enrolmen pelajar aktif adalah seramai 9,001 orang.

Manakala pengambilan pelajar pascasiswazah baharu pada tahun 2024 adalah seramai 245 orang merangkumi 73 orang pelajar doktor falsafah, 130 orang pelajar sarjana mod penyelidikan dan 42 orang pelajar sarjana mod kerja kursus. Bilangan enrolmen pelajar pascasiswazah aktif pula adalah seramai 1,274 orang yang terdiri daripada 679 orang pelajar program doktor falsafah, 522 orang pelajar program sarjana mod penyelidikan dan 73 orang pelajar sarjana mod kerja kursus.

Bil	Program	Pengambilan		Enrolmen	
		2024	2023	2024	2023
1	SM Pengurusan (Maritim) dengan Kepujian	123	141	493	501
2	SM Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim) dengan Kepujian	24	16	96	111
3	SM Pengurusan Operasi Maritim dengan Kepujian	125	36	125	115
4	SM Sains (Akuakultur) dengan Kepujian	56	31	171	159
5	SM Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) dengan Kepujian	47	37	123	143
6	SM Sains Gunaan (Perikanan) dengan Kepujian	43	64	162	180
7	SM Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) dengan Kepujian	35	50	211	267
8	SM Sains Makanan (Teknologi Makanan) dengan Kepujian	70	96	380	437
9	SM Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian	134	149	540	549
10	SM Kaunseling dengan Kepujian	76	114	348	404
11	SM Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian	163	166	612	625

Bil	Program	Pengambilan		Enrolmen	
		2024	2023	2024	2023
12	SM Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian	135	146	557	577
13	SM Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian	102	115	323	319
14	SM Perakaunan dengan Kepujian	123	194	710	778
15	SM Sains (Biologi Marin) dengan Kepujian	76	78	313	338
16	SM Sains (Geosains Marin) dengan Kepujian	20	21	92	107
17	SM Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran) dengan Kepujian	28	55	216	263
18	SM Sains (Sains Biologi) dengan Kepujian	79	83	254	272
19	SM Sains (Sains Kimia) dengan Kepujian	40	92	247	306
20	SM Sains (Sains Marin) dengan Kepujian	27	59	246	311
21	SM Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti) dengan Kepujian	23	41	162	212
22	SM Sains Gunaan Nanofizik dengan Kepujian	11	16	72	65
23	SM Sains (Matematik Gunaan) dengan Kepujian	35	47	192	219
24	SM Sains (Matematik Kewangan) dengan Kepujian	55	74	303	339
25	SM Sains Gunaan (Elektronik dan Instrumentasi) dengan Kepujian	60	91	310	281
26	SM Sains Gunaan (Teknologi Maritim) dengan Kepujian	28	33	104	120
27	SM Sains Komputer (Kujuruteraan Perisian) dengan Kepujian	105	104	440	468
28	SM Sains Komputer (Komputeran Mudah Alih) dengan Kepujian	37	39	158	157
29	SM Sains Komputer dengan Informatik Maritim (Kepujian)	32	50	170	203
30	SM Teknologi (Alam Sekitar) dengan Kepujian	75	93	328	306
31	SM Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Senibina Kapal) dengan Kepujian	40	35	125	111
32	SM Sains (Analitik Data) dengan Kepujian	53	51	146	98
33	SM Kewangan dengan Kepujian	80		79	-
34	Diploma Perikanan	109	93	193	193
	Jumlah	**2,269**	**2,510**	**9,001**	**9,534**

Bil	Program	Pengambilan		Enrolmen	
		2024	2023	2024	2023
1	Doktor Falsafah	73	131	679	781
2	Sarjana Mod Penyelidikan	130	178	522	593
3	Sarjana Mod Kerja Kursus	42	50	73	79
	JUMLAH	**245**	**359**	**1,274**	**1,453**

Bagi program peringkat asasi pula, UMT telah menerima kemasukan seramai 385 orang pelajar asasi STEM Kohort Ke-7. Bilangan pelajar menunjukkan angka yang memberangsangkan dan faktor utama bagi peningkatan ini adalah hasil aktiviti promosi yang berkesan di samping pelbagai aktiviti dilaksanakan bersama sekolah angkat.

Program Kerjasama Secara Ijazah Dual (Dual Degree)

Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah meluluskan penawaran Program Kerjasama secara Ijazah Dual (Dual Degree) antara UMT dan Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS) Surabaya, Indonesia pada 27 September 2024. Program tersebut ialah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim) dengan Kepujian yang akan ditawarkan pada Semester I Sesi 2025/2026.

Kelulusan Program Akademik Baharu

Sebanyak dua program akademik sarjana muda baharu telah diluluskan untuk ditawarkan pada Semester I, Sesi 2025/2026 di bawah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan iaitu Sarjana Muda Teknologi Tenaga (Tenaga dan Kuasa) dengan Kepujian dan Sarjana Muda Teknologi Elektrik Boleh Diperbaharui dengan Kepujian. Selain itu, UMT turut menerima kelulusan bagi dua program baharu pascasiswazah iaitu Sarjana Sains Sekitaran Sains Marin Tropika dan Sarjana Sains Biodiversiti yang diperkenalkan bertujuan untuk menyediakan peluang pendidikan lanjutan dalam bidang yang sangat relevan dengan isu-isu alam sekitar masa kini, terutamanya yang melibatkan sains marin tropika dan pemeliharaan biodiversiti.

MAJLIS KONVOKESYEN DAN GRADUAN 2024

Graduan Tahun 2024

Seramai 2,775 orang graduan telah diraikan dalam Majlis Konvokesyen UMT Ke-22 yang diadakan pada 20-22 Oktober 2024 merangkumi 101 orang graduan diploma, 2,432 orang graduan ijazah sarjana muda dan 242 orang graduan pascasiswazah yang terdiri daripada 89 graduan doktor falsafah, 114 graduan sarjana sains (Penyelidikan) dan 39 graduan program sarjana kerja kursus.

Majlis konvokesyen ini turut menyaksikan perisytiharan Pro-Canselor UMT baharu iaitu Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, mantan Ketua Setiausaha Negara bagi tempoh tiga tahun. Beliau kini menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).



Pencapaian Akademik Graduan

Bilangan graduan prasiswazah meningkat sebanyak 15.5% pada tahun 2024 iaitu seramai 2,533 orang graduan berbanding 2,192 orang graduan pada tahun 2023. Daripada bilangan ini seramai 2,432 adalah graduan Sarjana Muda dan 101 orang graduan Diploma.

Pertambahan graduan pada tahun 2024 disebabkan oleh perubahan tempoh pengajian bagi program Sarjana Muda Sains Akuakultur dengan Kepujian dan graduan sulung bagi program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Seni Bina Kapal) dengan Kepujian.

Bagi program pascasiswazah, seramai 242 orang pelajar telah bergraduat pada tahun 2024. Jumlah graduan pascasiswazah juga mencatatkan peningkatan sebanyak 23% berbanding tahun 2023.



Jumlah
2,775

Doktor falsafah
89

Sarjana
153

Sarjana Muda
2,432
(Kelas Pertama/ Cemerlang: 514; Kepujian: 1,918)

Diploma
101
(Cemerlang: 19; Kepujian: 82)





Anugerah Pelajaran Diraja (Bumiputera)



Nur Izzati binti Yusri
Sarjana Muda Sains
(Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)

Anugerah Pelajaran Diraja (Bukan Bumiputera)



Liam Jing Zhi
Sarjana Muda Sains
(Sains Biologi)

Anugerah Pingat Emas Canselor



Ameerul Iskandar bin Abdullah
Sarjana Muda Sains Komputer
(Kejuruteraan Perisian)

Anugerah Pro-Canselor



Noratiqah binti Sazele
Doktor Falsafah Fizik
(Fizik Bahan)



Siti Faizah binti Zainal
Doktor Falsafah
(Perakaunan)

Anugerah Pengerusi Lembaga Pengarah



Nurul Yasmeen binti Yusnizam
Sarjana Sains (Fizik)



Taufiqnur bin Selamat
Sarjana Sains
(Psikologi)

Anugerah Naib Canselor



Yap Kai Wen
Sarjana Muda Perakaunan
FPEPS



Lim Jia Win
Sarjana Muda Sains Makanan
(Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan)
FPSM



Mohamad Afiq Ridzuan bin Mohd Fadzilah
Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)
FPM



Tivyaa Tarini a/p Gogelawanan
Sarjana Muda Teknologi
(Alam Sekitar)
FTKK



Dhipan Raj a/l Subramaniam @ Paramasivam
Sarjana Muda Sains
(Biologi Marin)
FSSM



Ding Hui Wen
Sarjana Muda Sains
(Matematik Kewangan)
FSKM

Penerima Biasiswa UMT

Pada tahun 2024, seramai tujuh orang pelajar pascasiswazah UMT telah menerima tajaan biasiswa UMT untuk menyambung pengajian peringkat PhD di UMT. Mereka terdiri daripada seorang penerima Biasiswa Tuanku Canselor (BTC) dan enam orang penerima Biasiswa Universiti Malaysia Terengganu (BUMT). Tajaan yang diberikan kepada penerima biasiswa adalah melibatkan bayaran yuran pengajian dan elaun bulanan sebanyak RM2,300 bagi penerima BTC dan RM1,600 bagi penerima BUMT.

Selain daripada tajaan biasiswa UMT, terdapat juga lain-lain tajaan daripada agensi luar sebagaimana di bawah.

GOVERNMENT OF MALAYSIA INTERNATIONAL SCHOLARSHIPS

13
orang pelajar

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

13
orang pelajar

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

6
orang pelajar

2
orang pelajar

MARDI

1
orang pelajar



Kemasukan Pelajar Melalui Saluran APEL

Pada tahun 2024, UMT telah menerima seramai 18 orang kemasukan pelajar melalui saluran APEL iaitu enam orang pelajar peringkat Sarjana Muda dan 12 orang pelajar peringkat Sarjana. UMT juga telah berjaya melahirkan lima orang graduan sulung melalui kemasukan secara APEL.A pada Majlis Konvokesyen Kali Ke-22 UMT.

Graduan tersebut merupakan staf UMT iaitu Encik Ahmad Redhaudden bin Razak, Puan Fauziah binti Nawi, Puan Norliana binti Md Ramli, Puan Nurol Akmal binti Md Noor, dan Puan Norhana binti Ruyob yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat. Kemasukan melalui saluran Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) telah memberi peluang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan memupuk budaya kerja cemerlang di UMT.



Pusat Penilaian APEL.C

Bermula 8 November 2024, UMT telah berjaya diiktiraf sebagai Pusat Penilaian APEL.C untuk tempoh lima tahun. APEL.C adalah proses penilaian pembelajaran (Tidak Formal dan Bukan Formal) seseorang individu berdasarkan pengalaman terkumpul (Pengetahuan dan Kemahiran) untuk melayakkannya mendapat pemindahan kredit bagi kursus dalam program yang sedang diikuti.

Gerak kerja permohonan sebagai Pusat Penilaian APEL.C bermula pada tahun 2023 dengan beberapa siri bengkel antaranya Bengkel Garis Panduan APEL.C, Bengkel Permohonan APEL.C, Bengkel bersama Pihak MQA dan Lawatan Penanda Aras bagi persediaan pihak UMT dalam permohonan sebagai pengendali APEL.C kepada pihak MQA. Sebagai permulaan, program Sarjana Muda Pengurusan Maritim, Fakulti Pengajian Maritim telah dipilih sebagai program rintis untuk proses penilaian APEL.C.


MQA

AKREDITASI APEL

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

[APEL.C]





Pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan Micro-Credential

Sepanjang tahun 2024, pelbagai program pembelajaran sepanjang hayat dan kursus Micro-Credential telah dilaksanakan dengan matlamat untuk menyediakan peluang pembelajaran fleksibel kepada individu yang ingin meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam pelbagai bidang. Program-program ini direka untuk memenuhi keperluan profesional yang ingin mengembangkan kepakaran mereka atau menambah kelayakan dalam dunia yang semakin berkembang pesat. Kursus Micro-Credential ini yang menawarkan pensijilan khusus dalam pelbagai topik, memberikan peluang kepada peserta untuk memperoleh kemahiran baru secara lebih fokus dan efisien. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut.












Program Pentauliahan Profesional Kejuruteraan Marin Polikk-UMT (15 Julai – 17 Oktober 2024)




Kursus Rawatan Air Sisa (18-19 September 2024)




Fiqh Solat di Lapangan (27 November 2024)




Marine Tourism Product (10-11 Disember 2024 2024)





Fundamental Japanese for Tourism (22-23 Disember 2024)

PEMBELAJARAN DIGITAL

Pembangunan *Massive Open Online Course* (MOOC)

Kursus UMTMOOC dibangunkan berdasarkan bidang tujahan dengan menggunakan kepakaran khusus pensyarah UMT. Sehingga tahun 2024, sebanyak 34 kursus telah dibangunkan. Daripada jumlah ini, 28 kursus telah siap sepenuhnya manakala enam kursus masih dalam proses pembangunan. Kursus-kursus ini boleh diakses dan dilayari melalui platform rasmi MOOC di pautan https://bayou.umt.edu.my/. Sehingga akhir tahun 2024, UMT telah merekodkan seramai 1,705 orang pengguna yang aktif yang telah mendaftar dan menyertai kursus-kursus MOOC yang ditawarkan.











Program Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL)

Pembelajaran secara terbuka dan jarak jauh atau lebih dikenali sebagai Open and Distance Learning (ODL) telah menjadi evolusi baharu pengajaran dan pembelajaran selari dengan perkembangan teknologi dan infrastruktur teknologi maklumat. ODL memaksimumkan kaedah pembelajaran secara dalam talian antara pensyarah dengan pelajar dan sesama pelajar.

Penawaran program ODL@UMT dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian bagi memenuhi keperluan penawaran secara tempatan dan antarabangsa. Pelajar akan diberikan akses kepada pelbagai bahan pembelajaran, termasuk modul ODL lengkap dalam bentuk teks, video, permainan interaktif, perbincangan, praktis kendiri, dan audio bagi memastikan pemahaman yang mendalam terhadap isi kandungan pembelajaran melalui platform Learning Management System (LMS).

Pada masa ini, program pertama di UMT yang ditawarkan sepenuhnya secara ODL iaitu Program Sarjana Sains (Forensik Alam Sekitar) telah mendapat kelulusan Akreditasi Sementara daripada Malaysian Qualifications Agency (MQA) pada 26 November 2024 (MQA/PA 17953). Program ini dijangka ditawarkan pada Semester I 2025/2026.



PROGRAM & AKTIVITI TAHUN 2024

Pemeteraian MoU dan Perasmian 'UMT-CGS East Coast Trading Centre'

Pada 11 Oktober 2024, UMT melalui Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) telah mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama CGS International Securities, dan Malaysian Association of Technical Analysts (MATA). Melalui kerjasama ini, UMT bersama CGS International Securities telah menubuh dan melancarkan sebuah Makmal Simulasi Perdagangan Saham yang dinamakan UMT-CGS East Coast Trading Centre. Makmal ini dibangunkan untuk menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran di UMT selain memberi peluang kepada pelajar untuk mengalami simulasi perdagangan saham yang realistik dan praktikal. Melalui inisiatif ini juga, UMT dapat memperkukuhkan kerjasama dengan pihak industri, meningkatkan daya saing pelajar di pasaran kerja serta menyediakan sumber yang lebih berkualiti untuk pembangunan kemahiran dalam bidang kewangan dan perdagangan saham.





Virtual Culture, Language and Environment Programme (VCLEP 2024)

Virtual Culture, Language and Environment Programme (VCLEP 2024) merupakan satu program anjuran Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL), UMT. Program ini berlangsung secara dalam talian pada 30 November hingga 1 Disember 2024. Penyertaan VCLEP 2024 terbuka kepada semua pelajar sarjana muda dari dalam dan luar negara dan diadakan untuk memberikan pendedahan tentang budaya, bahasa dan alam sekitar Malaysia. Sepanjang program ini, peserta telah diberi peluang untuk mendalami beberapa topik menarik termasuk "To Know Malaysia is To Love Malaysia", "Insight



to Malaysian Culture", dan "Let's Learn Malay Language". Selain itu, program ini juga menyajikan pembelajaran tentang biodiversiti Malaysia melalui topik "Intro to Malaysia Biodiversity", pelancongan secara maya melalui "Terengganu Virtual Tour" dan persembahan seni tradisional, "Persada Tari: Traditional Dance". VCLEP 2024 memberi peluang terbaik untuk mengenali keindahan Malaysia melalui perspektif budaya, bahasa, dan alam sekitar, semuanya dalam suasana pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan.

5th Seminar on Biological Security and Sustainability 2024 (5th Seminar BIOSES24)

UMT melalui Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM) telah menganjurkan 5th Seminar on Biological Security and Sustainability 2024 (BIOSES 2024) yang diadakan secara dalam talian pada 28-29 Ogos 2024. Seminar ini merupakan wadah perkongsian ilmu pengetahuan, pengalaman serta perkongsian dapatan penyelidikan dalam meningkatkan pengetahuan berkaitan kelestarian alam sekitar dan keselamatan biologi. Selain itu, ia membuka potensi jalinan kerjasama antara penyelidik UMT bersama industri atau universiti luar dalam pembangunan penyelidikan bidang biologi.



Student Research Day (SRD) 2024

Program SRD merupakan platform kepada 1,544 orang pelajar program sarjana muda yang mengambil kursus Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) bagi membentangkan hasil kajian masing-masing di peringkat universiti secara berpusat dalam bentuk pembentangan poster. Pembentangan pelajar akan dinilai oleh penilai luar yang terdiri daripada penilai dari industri dan penilai IPTA luar. Bertemakan "The Fusion of IR 4.0 in Sustainable Blue Economy", program anjuran Fakulti Pengajian Maritim (FPM) ini buat julung kalinya dibuka penyertaannya kepada institusi luar UMT iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), TATI Universiti Kolej (TATIUC) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Dungun, Chendering dan Bukit Besi. Seramai 36 pelajar UMT yang terdiri daripada enam orang peserta terbaik mewakili setiap fakulti dan lapan peserta luar UMT telah menyertai program SRD pada kali ini.



Program Karnival Komuniti Madani Sedili 2024

Program Karnival Komuniti Madani Sedili, Kota Tinggi, Johor telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan Malaysia, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin. Program ini merupakan anjuran UMT dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Seramai 30 orang Pegawai Dalam Latihan (PDL) daripada PALAPES (L) UMT telah terlibat dengan program tersebut. Objektif program ini adalah untuk membentuk para PDL dengan keperibadian yang bertanggungjawab, serta memastikan mereka mampu berinteraksi secara positif dan konstruktif dengan masyarakat.





Program Survival dan Keselamatan Air (SKA)

Program Survival dan Keselamatan Air (SKA) merupakan program signature UMT khusus kepada pelajar baharu. Pada tahun 2024, program ini telah dilaksanakan secara berfasa bermula 22 April hingga 12 Jun 2024 di Stesen Penyelidikan Alami Biodiversiti (SPAB) UMT, Kenyir. Program yang melibatkan seramai 2,384 orang pelajar ini bertujuan untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran asas bagi menghadapi situasi kritikal serta menanamkan rasa tanggungjawab terhadap alam sekitar. SPAB UMT Kenyir dipilih sebagai tempat bagi menjalankan program SKA ini berdasarkan kelengkapan fasiliti dan kemudahan yang bersesuaian. Program ini merupakan salah satu inisiatif dan komitmen UMT dalam melahirkan graduan yang holistik, bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga mempunyai kemahiran hidup yang relevan.





SIL RESEARCH DAY

UMT melalui Pusat Asasi STEM (PASTEM) telah menganjurkan program Science in Life (SIL) Research Day pada 4 April 2024. Program tahunan ini adalah salah satu program bagi Subjek Sains Dalam Kehidupan atau lebih dikenali dengan Science in Life (SIL) yang memfokuskan kepada pembentangan mini projek inovasi setiap pelajar yang mengambil subjek ini. Program ini turut dihadiri oleh pelajar dan guru sekolah sekitar UMT.





PAMERAN PROJEK KEJURUTERAAN 2024

Pada 12 Jun 2024, UMT melalui PASTEM telah menganjurkan Pameran Projek Kejuruteraan 2024 di Dataran Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah. Pameran ini melibatkan penyertaan 253 pelajar Asasi STEM Kohort 6 serta warga UMT. Sebanyak 48 projek dipersembahkan oleh para pelajar, merangkumi lima bidang kejuruteraan iaitu perisian, kimia, elektrik, awam dan mekanikal. Antara projek yang dipamerkan termasuk Climb Ease Hydrolift, Wind O' Isolament, Agrimatic Gate, dan Hydraw-Bridge System. Pelajar diberikan tempoh dua bulan untuk menyiapkan projek kumpulan masing-masing di bawah seliaan pensyarah. Penganjuran pameran ini bertujuan untuk memupuk minat berterusan pelajar dalam bidang kejuruteraan serta memberikan asas yang kukuh sebelum mereka melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di UMT.





Kursus Santuni Komuniti

Kursus CCM3011- Santuni Komuniti merupakan kursus flagship teras universiti. Kursus ini membolehkan pelajar mencerna idea melalui penyediaan kertas cadangan untuk mengadakan program bersama komuniti mengikut elemen citra yang dipilih seperti kesukarelawanan, sukan dan rekreasi, keusahawanan, kepimpinan, pengucapan awam, kebudayaan dan kesenian, kerohanian serta kelestarian. Pelajar kemudiannya akan melaksanakan program tersebut di samping memindahkan ilmu kepada komuniti. Kursus ini juga berupaya meningkatkan kemahiran insaniah kendiri dalam berhadapan dengan komuniti setempat dalam menjayakan program secara berkumpulan.







LAMAN FPSM 2024

LAMAN FPSM 2024 anjuran Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM) bertujuan untuk memperkukuhkan fakulti dan pelajar, hubungan industri dan keterlibatan komuniti. Antara aktiviti utama termasuk Hari Terbuka Hatcheri, jualan produk makanan, pameran industri, sesi Bual Bicara Alumni, 3-Minute Expert Talk, ceramah dan forum pelajar. Program ini memberi pendedahan kepada pelajar dalam bidang keusahawanan, kepimpinan, pemikiran kritis, dan pembelajaran sepanjang hayat.





2nd Joint International Conference on Mathematics, Statistics & Engineering (J-CoMSE 2024)

Persidangan antarabangsa J-CoMSE 2024 merupakan kerjasama strategik antara Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), UMT dan Institut Kejuruteraan Matematik (IMK), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Persidangan ini telah diadakan pada 17-18 September 2024 di Universiti Malaysia Terengganu Convention Centre (UMTCC) bertujuan berkongsi ilmu khususnya dalam bidang Matematik, Statistik, Sains dan Kejuruteraan. Program yang mendapat penyertaan daripada penyelidik dalam dan luar negara ini berjaya menyerlahkan keterlihatan FSKM sebagai sebuah fakulti yang berperanan aktif dalam kecemerlangan bidang matematik dan statistik.









KESIMPULAN

Tahun 2024 telah menyaksikan peningkatan yang signifikan dalam kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran di UMT, dengan pelbagai usaha yang dilaksanakan untuk memastikan kualiti pendidikan terus berkembang. UMT bertekad untuk terus maju dalam menyediakan pengalaman pembelajaran yang berkualiti, selaras dengan hasrat untuk menjadi universiti yang diiktiraf sebagai pilihan utama bagi pelajar yang ingin melanjutkan pengajian. Melalui inisiatif-inisiatif baharu dan sokongan yang kukuh terhadap kemajuan akademik, UMT berusaha untuk mengekalkan kecemerlangan dan memenuhi keperluan pendidikan yang semakin berkembang.

FAKTA DAN ANGKA

6
fakulti

34
program prasiswazah

10,660
enrolmen pelajar

2,775
orang graduan

1,705
peserta kursus UMTMOOC





KEUNGGULAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI



PENGENALAN

UMT terus memperkukuh aktiviti penyelidikan dan inovasi dengan memberi tumpuan kepada bidang tujahan universiti, peningkatan keterlihatan penyelidik, serta pemantapan aktiviti harta intelek dan inovasi. Usaha ini membuahkan hasil apabila sesi audit dalaman MyRA pada April 2024 mengesahkan pencapaian penarafan 6 bintang buat pertama kali dan bakal diaudit secara rasmi pada Julai 2025. Bagi meneruskan momentum kecemerlangan ini, UMT menyalurkan dana khas berjumlah RM2 juta di bawah Skim Geran Dalaman UMT, selain melaksanakan pelbagai inisiatif sokongan bagi memastikan kualiti penyelidikan serta tadbir urus inovasi terus terjamin. Langkah ini berjaya meningkatkan impak penyelidikan UMT serta memperkukuhkan reputasinya sebagai pusat rujukan utama di peringkat nasional dan antarabangsa.

GERAN PENYELIDIKAN

Perolehan Geran Penyelidikan Tahun 2024

Pada tahun 2024, jumlah keseluruhan perolehan geran penyelidikan ialah sebanyak RM18,302,107.48 melibatkan 183 projek. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2023 (RM18,167,308.00 untuk 178 projek). Perolehan ini melibatkan pelbagai jenis geran termasuk geran swasta/industri melalui penyelidikan kontrak bernilai RM3,375,826.00, geran berdaftar di bawah Tabung Amanah PTj (INOS) bernilai RM200,000.00 dan geran berdaftar di bawah Pusat Pemindahan Ilmu, Jaringan Industri dan Masyarakat bernilai RM157,454.00.

Dari segi sumber dana, perolehan tertinggi datang daripada sumber kerajaan iaitu sebanyak RM10,524,767.30 (57.5%), swasta/industri sebanyak RM3,432,026.00 (18.8%), sumber antarabangsa sebanyak RM2,597,482.18 (14.2%) dan diikuti dengan dana universiti sebanyak RM1,727,832.00 (9.5%)

Bil.	Sumber Dana	Bil. Projek Diluluskan	Jum. Peruntukan Diluluskan (RM)
			2024
1	Universiti	50	1,747,832.00
2	Kerajaan	95	10,524,767.30
3	Swasta/ Industri	22	3,432,026.00
4	Antarabangsa	16	2,597,482.18
Jumlah Keseluruhan		**183**	**18,302,107.48**

UMT juga berjaya memperoleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) berjumlah RM4,659,951.00 melalui 30 projek yang telah diluluskan. Dalam kalangan universiti U15 (bukan universiti penyelidikan), UMT merupakan penerima dana FRGS 2024 tertinggi berdasarkan bilangan staf akademik. Selain itu, UMT turut berjaya memperoleh Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) bernilai RM250,000.00, yang diterima oleh salah seorang penyelidiknya iaitu Prof. Dr. Yeong Yik Sung.

Pada tahun 2024 juga, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah membuka dua skim geran penyelidikan Baharu iaitu Skim Geran Penyelidikan Penyelidik Muda (FRGS-EC) dan Skim Geran Penyelidikan Program Padanan Industri (IMaP). Bagi FRGS-EC, UMT berjaya memperoleh geran sebanyak RM590,310.00 (21 projek) manakala geran IMap sebanyak RM2,859,067.00 (12 projek).



Perincian keseluruhan perolehan geran mengikut kategori sumber dana


Bil.	Sumber Dana Penyelidikan	Nama Geran	Bilangan Geran Penyelidikan	Jum. Peruntukan Diluluskan (RM)
1	KERAJAAN	Jabatan Perikanan Malaysia	10	1,520,000.00
		Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan	2	230,000.00
		Jabatan Akauntan Negara Malaysia	1	38,000.00
		Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)	30	4,659,951.00
		Prototype Research Grant Scheme (PRGS)	1	250,000.00
		Majlis Biodiversiti Pahang	2	333,798.00
		Jabatan Kerja Raya Malaysia	1	314,521.00
		Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	1	8,000.00
		Skim Geran Penyelidikan Penyelidik Muda (FRGS-EC)	21	590,310.00
		Program Padanan Industri (IMaP)	7	1,955,651.80
		Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA)	1	5,000.00

		Kementerian Ekonomi	2	228,553.50
		Transdisiplinari - Strategik dan Berfokus (TRGS-SF)	1	97,560.00
		Jabatan Perairan dan Saliran Terengganu	1	30,000.00
		Institut Sumber Marin Asia Tenggara	1	60,000.00
		Jabatan Warisan Negara	1	49,000.00
		Public-Private Research Network (PPRN)	1	44,422.00
		ICUJPM Geran Sejati Madani	11	110,000.00
Jumlah Kelulusan Geran Kerajaan			**95**	**10,524,767.30**
2	UNIVERSITI	Inter Disciplinary Impact Driven Research Grant (ID^2RG)	6	600,000.00
		Matching Grant 1+3	4	187,100.00
		Strategic Research Grant (SRG)	1	100,000.00
		Research Interest Group (RIG)	1	100,000.00
		Postgraduate Research Grant (PGRG)	9	236,700.00
		Talent and Publication Enhancement Research Grant (TAPE-RG)	28	521,000.00
		Consultancy	1	3,032.00
Jumlah Kelulusan Geran Universiti			**50**	**1,747,832.00**
3	SWASTA/ INDUSTRI	RD Beauty	1	6,000.00
		D'aora Fitness Centre	1	7,500.00
		Private Partnership Research Grant	4	340,700.00
		The Habitat Foundation	1	35,000.00
		Kolej Islam As Sofa (KIS)	1	5,000.00
		Terengganu Strategic and Integrity Institute (TSIS)	1	20,000.00
		Royal Terengganu Institute for Historical and Legals Studies (R-TIHILS)	2	104,000.00
		Pusat Tuisyen Akademik Darul Bakti Kubang Pasu, Kedah	1	5,000.00
		Corteva Agriscience (M) Sdn. Bhd.	1	260,000.00
		Golden Highway Auto-City Sdn. Bhd.	1	12,000.00
		Terengganu Silica Consotium	1	74,400.00
		Petronas Research Sdn. Bhd.	1	1,614,800.00
		CNH Advantech Sdn. Bhd	1	52,600.00
		Chemsain Konsultant Sdn. Bhd	1	182,850.00

		Coenzyme Sdn. Bhd	1	25,000.00
		Petronas	1	450,276.00
		Yayasan Telekom Malaysia	1	136,900.00
		Contract Research	1	100,000.00
Jumlah Kelulusan Geran Swasta/Industri			**22**	**3,432,026.00**
4	ANTARABANGSA	Tree Research and Education Endownment Fund (Tree Fund)	1	36,890.16
		Watttime, Amerika Syarikat	1	333,700.00
		Algrow Global Services, Malang, Indonesia	1	5,000.00
		Beijing YMZY Technology Development Co. Ltd.	2	360,000.00
		Hainan University, China	1	126,639.05
		International Partnership Research Grant (IPRG)	4	347,256.10
		Asian Species Action Partnership (ASAP)	1	55,833.84
		Worldfish Filipina	1	586,002.90
		King Abdullah University of Science and Technology (KAUST), Saudi Arabia	1	659,339.57
		WWF Hong Kong	1	16,572.79
		British Society for Plant Pathology (BSPP), London	1	28,247.77
		Asia-Pacific Network for Global Change Research (APN)	1	42,000.00
Jumlah Kelulusan Geran Antarabangsa			**16**	**2,597,482.18**
Jumlah Geran Keseluruhan			**183**	**18,302,107.48**

Geran Penyelidikan Aktif Tahun 2024

Pada tahun 2024, secara keseluruhannya terdapat 725 projek yang masih lagi aktif dengan jumlah kelulusan adalah sebanyak **RM89,071,822.80**.



Projek Penyelidikan Yang Masih Aktif dan Jumlah Peruntukan yang disalurkan pada tahun 2024

Sumber Dana	Jumlah Projek	Jumlah Peruntukan Diluluskan (RM)	Jumlah Peruntukan Disalurkan Tahun 2024 (RM)
Antarabangsa	58	RM11,255,326.21	RM1,930,898.23
Kebangsaan	273	RM39,297,697.73	RM11,139,036.71
Swasta/Industri/NGO	86	RM28,066,981.86	RM3,215,938.28
Universiti	308	RM10,481,817.00	RM1,822,932.00
Jumlah Keseluruhan	**725**	**RM89,071,822.80**	**RM18,108,805.22**

PERTANDINGAN PAMERAN PENYELIDIKAN PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

Kejayaan Penyelidik dalam Pameran Penyelidikan

UMT mencatat pencapaian gemilang dalam pelbagai pertandingan berprestij sepanjang tahun 2024. Melalui Minggu Penyelidikan dan Inovasi (MPI) 2024, UMT telah menghantar sebanyak 119 produk inovasi dan meraih 86 pingat termasuk satu Anugerah Utama, satu Anugerah Khas serta 21 pingat emas, 36 pingat perak dan 29 pingat gangsa.

UMT juga berjaya membawa pulang pingat emas dalam Pertandingan Rekacipta (PEREKA) 2024 di Universiti Malaysia Sabah (UMS), dengan salah satu produk memenangi Winner of Cluster Best Innovation.

Selain itu, UMT turut memperoleh pingat emas dalam Carnival of Research & Innovation 2024 (CRI2024) anjuran Universiti Malaysia Kelantan (UMK), dengan salah satu produk dianugerahkan Best Cluster Award (Energy). Pencapaian ini membuktikan komitmen UMT dalam memperkukuhkan kedudukannya sebagai peneraju penyelidikan dan inovasi di Malaysia.

Penyertaan dan Pencapaian UMT dalam pertandingan

Pameran	Pencapaian				Jumlah Pingat dan Hadiah	Jumlah Penyertaan
	Emas	Perak	Gangsa	Anugerah Utama/Khas		
Peringkat Kebangsaan						
Minggu Penyelidikan Inovasi (MPI 2024)	21	36	29	1	86	**119**
2024 Institution of Chemical Engineers (Icheme) Malaysia				1	1	**1**
2024 Icheme Global Award				1	1	**1**
Pertandingan Rekacipta (PEREKA) 2024	2	0	0	1	3	**2**
Carnival of Research & Innovation 2024 (CRI2024)	2	0	0	1	3	**2**
Lain-Lain Pertandingan	15	15	8	0	38	**38**
Jumlah Keseluruhan	**40**	**51**	**37**	**5**	**132**	**163**







INOVASI, PENGKOMERSILAN PRODUK DAN PERUNDINGAN

Harta Intelek

Pada tahun 2024, UMT telah mencatat pencapaian membanggakan dengan memperoleh sebanyak 105 unit Harta Intelek (IP) termasuk tiga paten dan satu Utiliti Inovasi yang telah diluluskan. Pencapaian ini menjadi bukti keupayaan penyelidik UMT dalam menghasilkan penyelidikan yang inovatif, sekali gus menyumbang kepada pembangunan teknologi baharu yang berpotensi untuk pemindahan teknologi dan komersialisasi pada masa hadapan.

Senarai Harta Intelek

JUMLAH
105

Paten Diluluskan **3**	Paten Difailkan **5**	Utiliti Inovasi Diluluskan **1**	Utiliti Inovasi Difailkan **1**
Hakmilik **87**	Rahsia Dagangan **8**	Utiliti Inovasi (diluluskan) **1**	





Pengkomersialan Produk

Sepanjang tahun 2024, UMT telah mengkomersialkan sembilan produk penyelidikan dengan nilai hasil keseluruhan sebanyak RM876,814.64

Senarai Produk Dikomersialkan

R38
RM10,000.00

Wave Energy Converter
RM10,000.00

Cosmeceutical Composition Based on Melaleuca Cajuputi Essential Oil
RM10,000.00

Pouched Sardine Curry
RM10,000.00

Formulasi Ramuan Ad (Aideed), Ubatan Herba untuk Menurunkan Gula dalam Darah
RM20,000.00

Botanical Drink
RM10,000.00

Marine Vehicle Operation Simulator Within Mobile Enviroment
RM296,000.00

Malaysia Regional Ocean Model
RM468,665.50

Less Is Better: Noseed Solution For Seedless Fruit Production
RM42,149.14



Penubuhan Syarikat Pemula (Start-up Company)

Sejak tahun 2021, UMT telah berjaya menubuhkan sebanyak 11 syarikat pemula (start-up) bagi pengkomersialan produk penyelidikan UMT. Lebih membanggakan, terdapat beberapa syarikat pemula berjaya menjana pendapatan kasar pada tahun 2024 melalui aktiviti pengkomersialan masing-masing seperti syarikat Ocean Hydro Sdn. Bhd. (RM468,665), syarikat Conservation Management Solution (CMS) Sdn. Bhd. (RM375,047), syarikat VSG Labs Sdn. Bhd. (RM296,000) dan Syarikat Moment Alpha Sdn. Bhd (RM250,000). Jumlah keseluruhan pendapatan kasar yang direkodkan oleh syarikat pemula adalah sebanyak RM1,629,806.49.

Perundingan dan Perkhidmatan Profesional

Kepakaran penyelidik UMT dalam pelbagai bidang telah dijadikan rujukan oleh industri serta pelbagai agensi kerajaan. Sehingga akhir tahun 2024, jumlah terimaan projek perundingan UMT adalah sebanyak RM1,730,497.47.

Pusat Inovasi Strategik UMT-YPUT

Pusat Inovasi Strategik UMT-YPUT 2024 atau dikenali Strategic Innovation Centre (SIC) memainkan peranan penting sebagai pusat pemangkin inovasi, penyelidikan dan keusahawanan di Terengganu. Dengan fokus untuk memperkasakan sektor pertanian, makanan dan teknologi, pusat ini menjadi platform utama untuk kerjasama strategik antara universiti, industri dan komuniti tempatan. Aktiviti yang dilaksanakan adalah sejajar dengan usaha memperkasakan jaringan industri dan akademik, sekali gus menyumbang kepada pembangunan lestari di peringkat tempatan dan nasional.



Majlis Perasmian Pusat Pemprosesan Makanan Inovatif oleh Honey Melon World Sdn. Bhd.

Objektif:
Menunjukkan keupayaan dan teknologi terkini dalam pemprosesan makanan terutamanya produk tembikai madu dan hasil pertanian tempatan yang lain.

Rakan Kerjasama:
UMT - YPU - Honey Melon World



Pameran dan Promosi Produk Tembikai Madu di Karnival Jualan Belia (UBES DAY)

Objektif:
Mempromosi dan meningkatkan kesedaran jenama produk tembikai madu oleh syarikat pemula UMT Honey Melon World dalam kalangan belia dan komuniti tempatan.

Rakan Kerjasama:
UMT - YPU - KTCC Mall



Sesi Perbincangan Kerjasama antara Pusat Inovasi Strategik dan Byrinn Resources Company

Objektif:
Memperkukuhkan kerjasama antara SIC dan usahawan tempatan untuk menyokong inovasi dan pengembangan pasaran.

Rakan Kerjasama:
UMT - Byrin Resources



Jualan Raya Melon Manis Terengganu oleh Pusat Inovasi Strategik - Inisiatif DPUB2020-TERAJU-UMT

Objektif:
Mempromosi dan memasarkan Melon Manis Terengganu sebagai produk berkualiti tinggi yang dihasilkan oleh peserta projek DPUB2020-TERAJU-UMT.

Rakan Kerjasama:
FPSM - SIC - Honey Melon World



Majlis Pelantikan Rakan Industri untuk Pusat Inovasi Strategik UMT-YPUT 2024

Objektif:
Mengiktiraf dan melantik rakan industri untuk Pusat Inovasi Strategik UMT-YPUT serta mengiktiraf peranan utama rakan industri dalam menyokong penyelidikan, inovasi dan keusahawanan di Terengganu.

Rakan Kerjasama:
UMT - YPUT - Adeq Sue Resources - Kaprima Sdn. Bhd.



Seminar Ke Arah Pensijilan Halal: Memberdayakan Usahawan dan Penyelidik

Objektif:
Menyokong usahawan, penyelidik dan pelajar dalam industri Halal serta membekalkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran untuk membangunkan produk dan perkhidmatan yang mematuhi piawaian Halal.

Rakan Kerjasama:
UMT - JHEAT - FPSM



Bengkel Inovasi Snek Timun: Meningkatkan Potensi Produk Pertanian Terengganu

Objektif:
Menyokong perkembangan industri pertanian Terengganu dan menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian Terengganu dengan menggalakkan inovasi dan pengkomersialan hasil pertanian tempatan.

Rakan Kerjasama:
UMT - Peladangnita



Bengkel Latihan Praktikal Pemprosesan Pes dan Retort bersama MARDI

Objektif:
Dengan kerjasama MARDI, bengkel ini melatih peserta dalam teknik pemprosesan pes dan retort.

Rakan Kerjasama:
UMT - MARDI




Seminar Inovasi Pelabelan dan Reka Bentuk Pembungkusan Produk

Objektif:
Memberikan pendedahan kepada konsep pelabelan dan pembungkusan inovatif, meningkatkan kreativiti dan kemahiran reka bentuk pelajar, memperkenalkan teknologi dan trend terkini dalam industri pembungkusan serta memperkukuh jaringan antara pelajar dan pihak industri.

PENERBITAN

Sepanjang tahun 2024, ahli akademik UMT telah menerbitkan sebanyak 1,131 artikel jurnal terindeks. Jumlah ini mengekalkan nisbah artikel penyelidikan per staf pada kadar 1.83, sama seperti tahun sebelumnya. Dari segi kualiti penerbitan, peningkatan ketara dapat dilihat apabila nisbah sitasi per staf melonjak kepada 115.7 berbanding 85.1 pada tahun sebelumnya. Nisbah sitasi terkumpul per artikel jurnal turut menunjukkan peningkatan ketara, iaitu 11.8 berbanding 7.69 pada tahun 2023.

Selain itu, ahli akademik UMT telah menerbitkan sebanyak 505 artikel bagi kategori Q1/Q2 di bawah indeks Web of Science (WoS) pada tahun ini.



Jumlah Penerbitan UMT sepanjang tahun 2024

Jumlah Penerbitan Artikel Terindeks	
i) SCOPUS/WOS/ERA	1,131
ii) Konferens Prosiding	64
Nisbah Penerbitan Artikel Jurnal Terindeks Per Pensyarah	1.83
Jumlah Artikel Q1/Q2 WoS	505 (44.6%)
i. Jumlah & Peratus Artikel Q1 (WoS)	326
ii. Jumlah & Peratus Artikel Q2 (WoS)	179
Jumlah Sitasi Kumulatif (SCOPUS) (5 tahun ke belakang) :	71,332
i. Nisbah Sitasi Per Pensyarah	115.7
ii. Nisbah Sitasi Per Artikel	11.8
Peratus Penerbitan Artikel Jurnal Terindeks Dalam Bidang Nic Sumber Akuatik	24.6
Peratus Penerbitan Artikel Jurnal Terindeks Dalam Bidang Nic Sains Kelautan	6.18
Jumlah Penerbitan Secara Kolaborasi	
i) Kolaborasi Industri	38
ii) Kolaborasi Antarabangsa	693
iii) Kolaborasi Kebangsaan	484
Jumlah penerbitan artikel dan prosiding tidak terindeks	59
Buku Penyelidikan	16
Bab Dalam Buku Penyelidikan	65

PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN PENYELIDIKAN

Pelbagai inisiatif strategik yang dilaksanakan telah memperkasakan budaya penyelidikan dalam kalangan warga akademik sekali gus menghasilkan output yang signifikan seperti penerbitan jurnal berimpak tinggi, pencapaian geran penyelidikan kompetitif serta kolaborasi bersama rakan industri dan universiti ternama dunia. Pencapaian ini bukan sahaja mencerminkan komitmen UMT terhadap kecemerlangan akademik, malah menyumbang secara langsung kepada pemerkasaan ilmu pengetahuan dan pembangunan lestari negara.

UMT Melepasi Markah 6 Bintang Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA)

UMT telah berjaya mengekalkan penarafan 5 Bintang bagi Malaysia Research Assessment (MyRA), yang diaudit oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), bagi tiga tahun berturut-turut dari 2018 hingga 2020. Berdasarkan penilaian dalaman oleh juruaudit UMT, kecemerlangan penarafan 5 Bintang ini dijangka dapat dikekalkan untuk tahun 2021-2022, walaupun data akhir bagi tempoh tersebut masih menunggu pengesahan rasmi daripada pihak KPT.

Meneruskan momentum kecemerlangan ini, audit dalaman MyRA yang dilaksanakan pada April 2024 telah mengesahkan UMT berjaya mencapai penarafan 6 Bintang buat pertama kalinya dengan markah 106.57, tertakluk pengauditan rasmi oleh pasukan juruaudit MyRA KPT pada Julai 2025.

Majlis Pecah Tanah Pembinaan Projek CEFORE PETRONAS Kolaborasi Projek Inovasi Teknologi Tenaga Keterbaharuan (RE)

UMT telah memeterai perjanjian kolaborasi dengan PETRONAS Global Technical Solutions Sdn. Bhd. (PGTSSB) bagi pelaksanaan projek tenaga boleh baharu bernilai RM14.3 juta selama tiga tahun (2023-2026). Pada 19 September 2024, satu majlis pecah tanah telah diadakan untuk pembinaan stesen janakuasa turbin angin laut di Pantai Tok Jembal, Kuala Nerus di bawah inisiatif Centre for Offshore Renewable Energy (CEFORE), hasil kerjasama PETRONAS dan UMT.

Projek ini memberi kepercayaan kepada penyelidik UMT untuk membangunkan teknologi tenaga boleh diperbaharui menggunakan gelombang ombak laut yang akan memberi manfaat kepada komuniti setempat khususnya nelayan melalui bekalan elektrik percuma untuk kemudahan sejuk beku dan penghasilan ais. Di samping itu, ia berpotensi merancakkan sektor edu-pelancongan dan membuka peluang pekerjaan baharu di Terengganu. CEFORE merupakan inisiatif PETRONAS yang melibatkan kerjasama strategik bersama UMT, Arema Energies, Schneider Electric, Citaglobal dan Honeywell sejajar dengan Strategi Peralihan Tenaga PETRONAS dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR).


Speech
Malaysia Terengganu


Project
CEFORE
Groundbreaking Ceremony
Welcoming Remarks
by Ir Mohd Yusri Mohamed Yusof
Senior Vice President
Project Delivery & Technology
PETRONAS


OfficialUMT
MEDIA KREATIF
UMT


Project
CEFORE
Groundbreaking Ceremony
UMT



Penghasilan Benih Ketam Bakau Berkualiti Tinggi - Produk Penyelidikan HICoE AKUATROP

KPT telah menetapkan bidang nic HICoE AKUATROP sebagai Future Food dengan tema penyelidikan “Sustainable Shellfish Aquaculture”, sejajar dengan kepakaran AKUATROP dalam akukultur dan perikanan. Antara program utama yang dijalankan adalah Program Kelestarian Sumber yang menumpukan kepada pemuliharaan sumber perikanan melalui penghasilan dan pelepasan benih ketam bakau berkualiti tinggi.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 55,000 crablet bersaiz C4 dan tiga juta larva telah dilepaskan ke perairan semula jadi di Sedili Kecil, Johor dan Merchang, Terengganu bagi memulihkan populasi ketam bakau. Selain itu, 20,000 crablet turut dihasilkan untuk tujuan ternakan akuakultur di Kertih, Terengganu. Inisiatif ini bukan sahaja menyumbang kepada pemuliharaan ekosistem marin, tetapi juga menyokong pembangunan industri akuakultur dan ekonomi komuniti setempat. UMT terus komited sebagai peneraju dalam memastikan keseimbangan antara pemuliharaan sumber dan pembangunan industri perikanan negara.



Inovasi Pembangunan Sistem Ternakan (LB-Ponic)

Di bawah dana Pendayaan Komuniti Universiti Awam, Komuniti@Unimadani Kementerian Kewangan (MOF) Fasa 2 tahun 2024, UMT telah memperkenalkan sistem ternakan akuaponik kos rendah, LB-Ponic, yang dibangunkan oleh Dr. Hidayah binti Manan dari AKUATROP. Sistem yang mesra alam dan eco-friendly ini mengolah sisa najis ikan menjadi baja organik untuk pertumbuhan sayuran di samping menjimatkan penggunaan tanah, ruang dan air. Sebanyak 10 sistem LB-Ponic berkapasiti 4 tan telah dibangunkan untuk ternakan ikan tilapia merah melibatkan 20 peserta dari komuniti sekitar Kuala Nerus.

Projek ini bertujuan meningkatkan pendapatan dan sosioekonomi komuniti setempat. Pada 7 November 2024, projek ini dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti, YH Dato Indera AB Rahim bin AB Rahman. Sistem LB-Ponic ini sesuai untuk ternakan ikan air tawar seperti tilapia, keli, patin dan puyu serta menghasilkan produk ikan dan sayuran organik tanpa penggunaan racun perosak atau bahan kimia.



Pembukaan Pusat Pemprosesan Makanan Inovatif

Pada 31 Januari 2024, Majlis Pembukaan Pusat Pemprosesan Makanan Inovatif milik Honey Melon World di Kompleks Usahawan Terengganu dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu, Puan Afnida Aini binti Alwi. Projek ini adalah hasil kolaborasi antara Honey Melon World, sebuah syarikat pemula UMT dan Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPUT) bagi menghasilkan produk makanan berasaskan Melon Manis Terengganu seperti Lasagna Daging, jus dan aiskrim.

Kerjasama ini bertujuan mempergiatkan pengeluaran produk inovatif dalam industri makanan dan memperkasa keusahawanan di Terengganu. UMT akan menyumbang kepakaran dalam bidang keusahawanan dan pengkomersialan produk penyelidikan. Pembukaan pusat ini dijangka memberi manfaat besar kepada usahawan IKS, belia, pelajar dan komuniti tempatan di Terengganu.





TERAJU Sokong Produk Penyelidikan UMT Melalui Dana RM2.384 Juta

Inisiatif merakyatkan ilmu penyelidikan sebagai pemangkin pengupayaan ekonomi komuniti merupakan kerjasama strategik antara UMT, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu, Big Bee Honey Sdn. Bhd. dan Honey Melon World Sdn. Bhd. Melalui TERAJU, UMT menerima dana sebanyak RM2.384 juta bagi melaksanakan projek Empowering Marginalized Communities Socio-Economy Through Sustainable Cultivation of Melon Manis Terengganu (MMT UMT). Projek ini bertujuan meningkatkan sosioekonomi komuniti B40 di Terengganu khususnya di Marang, Kuala Nerus, Kuala Terengganu dan Merchang melalui pembangunan ekosistem penanaman MMT secara menyeluruh hingga penghasilan produk hiliran seperti madu kelulut Akasia, lasagna, aiskrim dan jus MMT untuk pasaran tempatan.



Teknologi Rapid Biofloc Dalam Ternakan Ikan Talapia Diperkenal

UMT melalui syarikatnya, UMT Holdings Sdn. Bhd. memeterai perjanjian persefahaman dengan Persatuan Nelayan Terengganu (PENENTU) dan SABASUN HYPERRUNCIT Sdn. Bhd. bagi memasarkan produk ternakan ikan tilapia menggunakan teknologi inovatif Rapid Biofloc. Teknologi hasil penyelidikan Prof. Madya Ts. Dr. Nor Azman bin Kasan ini mempercepatkan pembentukan biofloc kepada hanya 10 hari, mengurangkan kos makanan sehingga 30%, ikan tidak berbau tanah/hanyir, meningkatkan kepadatan ikan sehingga 200% tanpa memerlukan pertukaran air sepanjang kitaran ternakan. Kolaborasi ini menyokong model 'contract farming' yang membolehkan penternak menumpukan kepada aspek teknikal pembesaran ikan, manakala PENENTU dan SABASUN mengurus pemasaran. Inisiatif ini dijangka meningkatkan pendapatan penternak dan memperkukuh kelestarian industri akuakultur, khususnya bagi komuniti penternak kecil.





Inovasi Rawat Luka Guna Madu

Pasukan penyelidik UMT yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Khairul Anuar bin Mat Amin telah berjaya mencipta produk inovatif untuk rawatan luka berasaskan madu sebagai bahan utama. Produk tersebut dikenali sebagai MediMadu Paste dan HoneyGel, sejenis pembalut luka. Penyelidikan selama 10 tahun dijalankan sebelum kedua-dua produk ini berjaya dihasilkan, dengan penekanan kepada penggunaan madu asli yang berkualiti tinggi. Kedua-dua produk ini memberi potensi besar dalam bidang kesihatan, khususnya dalam rawatan luka secara semula jadi dan berkesan. Produk ini telah dikomersialkan oleh Bee Lab Sdn. Bhd., sebuah syarikat pemula UMT yang diasaskan oleh Prof. Madya Dr. Khairul sendiri. Antara pencapaian utama Bee Lab Sdn. Bhd. ialah kejayaan memperoleh geran pembangunan bernilai RM100,000 daripada Cradle Sdn. Bhd. bagi mengembangkan produk penyelidikan tersebut ke peringkat pasaran.



UTUSAN MALAYSIA

29 Mei 2024

Inovasi rawat luka guna madu

MADU terbukti mempunyai 1,001 peranan kepada kesihatan tubuh badan.

Memanfaatkan anugerah alam itu, penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menghasilkan produk inovasi yang menggunakan madu sebagai bahan utama.

Ketua kumpulan, Dr. Khairul Anuar Mat Amin berkata, produk itu ialah MediMadu Paste dan pembalut luka, HoneyGel.

Tempoh hampir 10 tahun diambil bagi membuat penyelidikan sebelum menghasilkan kedua-dua produk berkenaan.

Menariknya, pemilihan madu yang digunakan adalah daripada madu asli dan bermutu tinggi.

Tambahnya, kedua-dua produk itu menjanjikan manfaat yang besar dalam bidang kesihatan, terutama dalam penggunaannya sebagai pembalut luka.



KHAIRUL Anuar Mat Amin melakukan kajian hampir 10 tahun sebelum menghasilkan produk kesihatan berasaskan madu.

disokong oleh Bee Lab Sdn. Bhd. iaitu syarikat pemula yang diasaskan oleh penyelidik UMT.

Syarikat itu juga aktif dalam menyampaikan berita-berita berkaitan dengan industri madu, kesihatan, serta perkembangan terkini dalam penyelidikan dan inovasi.

Dengan menyokong penggunaan produk-produk berasaskan madu seperti MediMadu Paste dan HoneyGel, masyarakat berpeluang menikmati manfaat kesihatan yang ditawarkan oleh madu dan produk-produk berkaitan.

Sebagai rancangan masa depan, fokus Dr. Khairul Anuar kini adalah untuk mendapatkan dana daripada



INFO

- Madu merupakan sejenis makanan yang dihasilkan oleh lebah menggunakan nektar daripada ribuan bunga.
- Madu asli datang daripada sarang lebah yang ditapis secara minimum untuk memastikan kandungannya 100 peratus asli.
- Madu digunakan sejak zaman purba sebagai sumber makanan tenaga yang penting.

Penubuhan Syarikat Spin-Off Pertama UMT: Pasarkan Produk Inovasi JSORB Oil Sorbent daripada Kekabu

UMT telah menubuhkan syarikat spin-off pertama, JSORB Spill Tech Sdn. Bhd., yang mana 60% ekuitinya dimiliki oleh UMT Holdings Sdn. Bhd., manakala 40% lagi dimiliki oleh dua penyelidik UMT, Profesor Madya Ts. Dr. Lee Oon Jew dan Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Sabri bin Mohd Ghazali. Syarikat ini ditubuhkan untuk memasarkan produk inovasi JSORB Oil Sorbent, penyerap minyak yang diperbuat daripada isian kekabu tempatan. Ia direka dengan teknologi 3-dalam-1 yang memudahkan pembersihan tumpahan minyak, menyerap minyak dengan efisien sambil menolak air serta memastikan minyak dapat diperoleh semula. JSORB juga menawarkan kelebihan boleh guna semula, biodegradasi, dan keapungan. Ia mempercepatkan proses pembersihan, mengurangkan kos pelupusan sisa serta membantu mengurangkan impak alam sekitar dan jejak karbon di samping menyokong industri pertanian tempatan.

JSORB™





Pelancaran OptiFeed Produk Inovatif Pemakanan Akuakultur

UMT melancarkan OptiFeed, produk makanan akuakultur inovatif yang dirumus khas dengan kandungan nutrien seimbang untuk menyokong pertumbuhan dan kesihatan spesies akuatik seperti tilapia merah, guarami (kaloi), udang galah dan zebrafish. Rumusan khas itu mengandungi protein, lipid, vitamin dan mineral penting yang direka khas khusus untuk keperluan biologi spesifik setiap spesies. Hasil kajian diketuai Dr. Aidilla Mubarak bersama pasukan penyelidik dari pelbagai fakulti ini dibiayai dengan geran RM102,180.

OptiFeed bukan sahaja meningkatkan kadar pertumbuhan ternakan, malah mengurangkan sisa makanan dan menyumbang kepada kelestarian ekosistem. Pelancarannya pada 18 Disember 2024 dijangka memberi impak positif kepada industri akuakultur tempatan, mengurangkan kebergantungan kepada makanan import, serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya dalam keselamatan makanan dan kelestarian sumber akuatik.













HICoE AKUATROP diberi Penarafan Sebagai HICoE FASA II

Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP) telah ditauliahkan sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) oleh KPT pada tahun 2021. Sebagai HICoE, AKUATROP telah diberikan mandat untuk menerajui pembangunan penyelidikan negara dalam bidang Future Food, dengan tema Kelestarian Akuakultur Shellfish. Menerusi dana HICoE berjumlah RM7.5 juta, AKUATROP berjaya mencapai kesemua Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan sepanjang tempoh pelaksanaan HICoE Fasa I (2021–2023). Pada tahun 2024, AKUATROP telah melalui beberapa siri auditan dan penilaian oleh panel HICoE KPT. Berdasarkan kecemerlangan dalam pencapaian penyelidikan, AKUATROP telah diberi penarafan untuk meneruskan ke HICoE Fasa II bagi tempoh empat tahun bermula 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2028 dengan peruntukan dana KPT sebanyak RM2 juta bagi dua tahun pertama Fasa II.






MOSTI Beri Dana RM1.1 juta bagi Mengetuai Projek Konservasi Gamat Emas

Kecemerlangan HICoE AKUATROP terus mendapat pengiktirafan apabila berjaya memperoleh dana berjumlah RM1,145,900.00 daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) bagi pelaksanaan Program Rehabilitasi dan Konservasi Gamat Emas di Langkawi. Projek ini diketuai oleh Prof. Dr. Muhammad Ikhwanuddin bin Abdullah. Kajian ini merangkumi dokumentasi taburan dan biodiversiti Gamat Emas serta beberapa spesies terpilih lain, termasuk pemerhatian habitat semula jadi gamat di pulau-pulau sekitar Kepulauan Langkawi. Beberapa lokasi berpotensi dikenal pasti bagi tujuan pemulihan habitat, di mana pemerhatian secara berkala akan dijalankan.










NRES Beri Pengiktirafan Kepada Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan (RRC)

UMT melalui Pusat Rujukan & Repositori Laut China Selatan (RRC) sedang memperkasa pangkalan data alami marin yang telah diiktiraf sebagai rujukan dan repositori negara, serta diiktiraf oleh badan-badan antarabangsa. Usaha ini telah mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui penyaluran dana sebanyak RM30,000.00 bagi pelaksanaan projek nasional pengurusan spesimen dan kemasukan data ke Sistem Maklumat Biodiversiti Malaysia (MyBIS) bagi tempoh 2023–2024, di bawah Program Inventori Koleksi Saintifik Biodiversiti Kebangsaan (PIKS-BIOD).

Sebagai pusat rujukan kepada NRES, RRC telah menerima penghargaan atas sumbangannya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti Malaysia, khususnya melalui penyumbangan data ke sistem MyBIS. UMT kekal komited untuk bekerjasama dan menyokong matlamat NRES dalam penyelidikan marin dan kelautan, termasuk dalam aspek data ramalan lautan, adaptasi hidupan laut terhadap perubahan iklim, serta pengumpulan spesimen biodiversiti Laut China Selatan di RRC UMT. Inisiatif ini bukan sahaja menyumbang kepada penyelesaian pelbagai isu industri, komuniti dan negara, malah turut menyokong agenda United Nations Decade of Ocean Science for Sustainable Development 2030.





Spesies Baharu Lumut Hati Dinamakan Sempena Tokoh Biodiversiti Negara

Spesies baharu lumut hati, Mastigopelma latiffiana, telah ditemui di Mossy Forest, Cameron Highlands semasa Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi pada Mac 2023. Spesies ini dinamakan oleh Prof. Madya Dr. Lee Gaik Ee (UMT) sebagai penghargaan kepada Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdul Latiff bin Mohamad, tokoh terkemuka dalam bidang pemuliharaan dan biodiversiti negara, yang turut mengetuai ekspedisi tersebut.

Latiffiana ditemui pada batang pokok di ketinggian 1,900 meter dari paras laut dan menjadi simbol penghormatan atas sumbangan besar Abdul Latiff dalam bidang penyelidikan biodiversiti. Beliau yang pernah berkhidmat sebagai Ahli LPU UMT telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti pada Majlis Konvokesyen UMT ke-21 Tahun 2023.



Fig. 1. Mastigopelma latiffiana G. E. Lee, E. Pesiu et X. L. He, sp. nov. – A = habit; B = plant in ventral view; C = median leaf cells; D = basal leaf cells and nodular trigones; E = part of the plant in dorsal view; F–G = underleaves; H = androecial shoot; I–K = leaves. All from the holotype. Scale bars: A–B, 3 mm; C–D, 50 µm; E, H, 0.4 mm; F–G, 100 µm; I–K, 200 µm



Penyelidik UMT Terima Anugerah Antarabangsa "Oil and Gas Award"

Dua orang penyelidik UMT, Prof. Madya Ts. Dr. Lee Oon Jew dan Prof. Madya Ts. Mohd Sabri bin Mohd Ghazali bersama Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Malaysia berjaya memenangi kategori Oil and Gas Award pada Majlis Anugerah Institute of Chemical Engineers (IChemE) Global Awards 2024 di Manchester, United Kingdom pada 28 November 2024.



Pusat Selam Skuba UMT Anjur Program RHB-UMT Bidong Summit 3.0

Pusat Selam Skuba UMT yang beroperasi di Stesen Penyelidikan Alami Marin Pulau Bidong (SPAM) merupakan fasiliti penting dalam penyelidikan marin. Pada 4 September 2024, RHB Islamic Bank Berhad sekali lagi bekerjasama dengan Pusat Selam Skuba UMT melalui penganjuran program kerjasama RHB-UMT Bidong Summit 3.0 (2024). Pada siri kali ini, RHB-UMT mencipta rekod Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai "Titik Datum ATM Bawah Air Pertama" di Malaysia yang menjadikan mesin ATM lupus sebagai tukun tiruan di Pulau Bidong.

RHB komited terhadap kempen memelihara khazanah marin dan biodiversiti serta konsisten menyokong usaha UMT sebagai sebuah universiti peneraju ilmu kelautan yang memelihara ekosistem biodiversiti marin. Program ini turut membolehkan penyelam meneroka ekosistem terumbu karang di perairan seluas 203 hektar di Laut China Selatan. Selain itu, program Bidong Merdeka Dive meraikan bulan kemerdekaan dengan mengibarkan Jalur Gemilang gergasi di permukaan air turut dilaksanakan.


Sinar harian

Terokai misteri dunia dasar laut



Makmal UMT Terima Anugerah Status Makmal Bionexus Partners

Institut Adaptasi Iklim dan Bioteknologi Marin (ICAMB), UMT telah dianugerahkan status Makmal BioNexus Partners (BNP) oleh Malaysian Bioeconomy Development Sdn. Bhd. (Bioeconomy Corporation) di bawah MOSTI sempena Pameran dan Persidangan Bioekonomi Kebangsaan 2024 (NBiOSHOWCASE 2024). Anugerah ini turut melibatkan 38 makmal dari seluruh negara termasuk institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan, syarikat berkaitan kerajaan dan makmal swasta.



Makmal BNP menyediakan sokongan teknikal, fasiliti, latihan serta kepakaran untuk penyelidikan dan pengkomersialan dalam bidang bioteknologi. Ia membantu usahawan dan syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) membangun dan menambah baik produk, dengan jaminan kualiti melalui pelbagai akreditasi tempatan dan antarabangsa termasuk Amalan Makmal Baik (GLP), Analisis Bahaya dan Kawalan Titik Kritikal (HACCP) serta Amalan Pembuatan Baik (GMPO). Inisiatif ini menyokong Dasar Bioteknologi Negara 2.0 (DBN 2.0) dalam melahirkan usahawan inovatif tempatan.





Majlis Serahan Tukun Rig-to-Reef daripada IPC

International Petroleum Corporation (IPC) telah menyerahkan struktur tukun Rig-to-Reef kepada UMT sebagai sokongan kepada usaha penyelidikan dan pemuliharaan ekosistem biologi marin. Penyerahan ini merupakan lanjutan daripada perjanjian geran industri antara IPC dan HICoE Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS).

UMT amat menghargai sokongan IPC, salah satu kontraktor utama di bawah naungan PETRONAS, dalam merealisasikan projek penyelidikan bertajuk "Marine Biology Conservation and Restoration Towards Sustainable Ecosystem". Melalui projek ini, sebuah struktur tukun diperbuat daripada High Tensile Steel seberat enam tan metrik telah dilabuhkan di perairan Terengganu. Projek lima tahun ini diketuai oleh Profesor Dr. Zainudin bin Bachok bertujuan menyokong pemuliharaan serta pemulihan habitat marin ke arah ekosistem yang lebih lestari.





Majlis Perasmian Pameran 3D Realiti Terimbuh Khazanah Kapal Karam Dasar Laut Pulau Bidong

Galeri Penyelidikan UMT dengan kerjasama Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dan syarikat industri Digital Geoscience Global (DGEG), telah menganjurkan pameran bertajuk "3D Realiti Terimbuh Khazanah Kapal Karam Dasar Laut Pulau Bidong." Pameran ini menampilkan penggunaan teknologi canggih seperti Augmented Reality (AR) dan dipamerkan di Galeri Penyelidikan INOS, UMT. Sebanyak 10 koleksi artifak daripada bangkai kapal karam di dasar laut Pulau Bidong, Terengganu telah direka semula menggunakan teknik pengimbasan 3D. Artifak ini didokumentasi dan disimpan bagi tujuan inventori, pemuliharaan serta penyelidikan lanjutan. Majlis perasmian pameran telah disempurnakan oleh YBhg. Ts. Hj. Mohammad Hazani, Ketua Eksekutif MTDC pada 2 September 2024 bertempat di Auditorium INOS.










Penyelidik UMT Menghasilkan Kamus Dwibahasa Kepelbagaian Biologi: Kamus Pertama Seumpamanya di Malaysia

Prof. Madya Dr. Lee Gaik Ee, pakar dalam taksonomi tumbuhan dengan lebih 12 tahun pengalaman, telah menghasilkan Kamus Dwibahasa Kepelbagaian Biologi, yang pertama seumpamanya di Malaysia. Kamus ini mengambil masa tujuh tahun untuk disiapkan dengan kerjasama 22 penyelidik pelbagai bidang. Mengandungi lebih 500 istilah biodiversiti serta lebih 70 gambar dan rajah, kamus setebal 254 muka surat ini disasarkan kepada penyelidik, pensyarah dan pelajar yang ingin memahami biodiversiti Malaysia.






PENGIKTIRAFAN PENERBITAN BUKU TERBITAN PENERBIT UMT

UMT sentiasa komited dalam menghasil dan menerbitkan karya berkualiti dan berimpak tinggi. Hasilnya pada tahun 2024, UMT telah menerima beberapa pengiktirafan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.


Penarafan oleh Web of Science Book Citation Index (BkCi)

Empat buku terbitan UMT telah terindeks oleh pihak Clarivate Web of Science.



Judul Buku:
Grey-Internal Type-2 Fuzzy Logic System and Its Application in Forecasting CO_2 Emission
eISBN 978-967-2939-69-6

Pengarang:
Prof. Dr. Mohd Lazim bin Abdullah
Dr. Herrini binti Mohd Pauzi



Judul Buku:
Islamic Attributes of Destination in Malaysia
ISBN 978-967-2939-97-9

Pengarang:
Prof. Madya Dr. Azizul Yadi bin Yaakop
Siti Aishah binti Ismail
Prof. Madya To' Puan Dr. Marhana binti Mohamed Anuar
Dr. Siti Nor Adawiyah Azzahra binti Kamaruddin



Judul Buku:
Merchang Lagoon Coastal Resources and Social Economy
ISBN 978-967-2939-96-2

Penyunting:
Prof. Madya Dr. Mohd Hanafi bin Idris
Prof. Dr. Najiah binti Musa
Prof. Madya Dr. Rumeaida binti Mat Piah
Dr. Wan Mohd Rauhan bin Wan Hussin
Dr. Emienour Muzalina binti Mustafa
Dr. Alfian Zein



Judul Buku:
Udang Galah (Giant Freshwater Prawn) Treasures of Terengganu River
ISBN 978-967-2939-49-8

Penyunting:
Prof. Dr. Mhd Ikhwanuddin bin Abdullah
Prof. Madya Dr. Liew Hon Jung
Suhairi bin Mazelan



Majlis Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2024 - Hadiah Karya Ilmiah Terbaik 2021/2022

Kategori Anugerah:
Sains dan Teknologi

Penerima:
Prof. Dr. Shamsul Bahri bin Abdul Razak
(membawa pulang RM10,000.00 dan Sijil Penghargaan)

Tajuk Buku:
Kelulutologi: Merungkai Misteri Kelulut, Alam dan Kehidupan

Penganjur:
Kerajaan Negeri Perak dan Dewan Bahasa dan Pustaka





Majlis Anugerah MAPIM-KPT Kali Ke-15 - Anugerah Penulis Prolifik Terbaik (Penghargaan)

Penerima:
Prof. Dr. Shamsul Bahri bin Abdul Razak
(membawa pulang Trofi dan Sijil Penghargaan)

Penganjur:
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Anugerah Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) 2024 - Hadiah Sanjungan

Penerima:
Prof. Dr. Mohd Lazim bin Abdullah
Dr. Noor Azzah binti Awang
(membawa pulang Sijil Penghargaan)

Tajuk Buku:
Decision-Making Trial and Evaluation Laboratory-Based Methods

Penganjur:
Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA)






Pelancaran Buku sempena Putrajaya Festival of Idea

Tajuk Buku:
Fishes of Kenyir

Pengarang:
Dr. Mohamad Akmal-Naser
Dr. Amiruddin bin Ahmad





Pelancaran Buku Sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024

Tajuk Buku:
Hana dan Dunia Nanas

Pengarang:
Prof. Dr. Fadzillah@ Adibah binti Abdul Majid





PENGANJURAN FORUM KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

UMT Hos Bersama Seminar Maritim TLDM/ UMT 2024 Sempena Hari Hidrografi Sedunia 2024

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan UMT telah menganjurkan Seminar Maritim TLDM/UMT 2024 sempena Hari Hidrografi Sedunia pada 3 Julai 2024 di Ibu Pejabat Pusat Hidografi Nasional (PHN) Klang. Seminar bertemakan "Malaysia Negara Maritim: Memartabat Sumbangan Pemegang Taruh" ini dianjurkan oleh PHN dan Pusat Strategi Maritim dan Sejarah (PUSMAS), TLDM bersama UMT dan dirasmikan oleh YBhg. Laksma Dr. Najhan bin Md Said. Ia dihadiri oleh 70 pegawai daripada 24 agensi dan institusi pengajian tinggi serta pegawai kanan TLDM termasuk Kept Lukman Hanafiah.





UMT Anjur NEXSUM 2024, Angkat Isu Kelestarian Global

UMT melalui HICoE AKUATROP menganjurkan persidangan antarabangsa Nexus Summit: Sustainability in a Changing World (NEXSUM 2024) buat julung kalinya pada 24-27 Julai 2024. Persidangan hibrid ini menghimpunkan lebih 100 peserta dari pelbagai negara termasuk Rusia, United Kingdom, China, Singapura, Kanada, Iran dan Malaysia. Penganjuran NEXSUM 2024 melibatkan kerjasama rakan antarabangsa UMT seperti University of Saskatchewan (USask) dan Scotland Rural University College (SRUC) serta institusi lain seperti Dublin City University, Ireland dan Chinese Academy of Agricultural Sciences, China. Persidangan ini turut menyaksikan pelancaran rasmi Pejabat Editorial Antarabangsa Biochar dan Penyelidikan Karbon oleh Profesor Dr. Hailong Wang. NEXSUM 2024 memberi tumpuan kepada isu global seperti pelepasan karbon, perubahan iklim, tenaga, teknologi hijau, makanan dan alam sekitar sekali gus menjadi platform penting dalam mencari penyelesaian mampan untuk masa depan dunia.



TOMSY 2024 Kukuhkan Kerjasama Penyelidikan Oseanografi dan Sains Marin

UMT melalui INOS dengan kerjasama Xiamen University, China telah menganjurkan Tropical Ocean and Marine Sciences International Symposium (TOMSY) 2024 pada 28-29 Oktober 2024 di Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT). Persidangan dwitahunan ini dihadiri hampir 100 peserta dari pelbagai universiti dan agensi tempatan serta antarabangsa, termasuk dari China dan Indonesia. TOMSY 2024 menjadi platform penyelidik berkongsi dapatan kajian dalam bidang oseanografi dan sains marin. Antara pembentang utama termasuk Prof. Dr. Luky Adrianto (IPB, Indonesia) dan Prof. Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar (ICAMB, UMT), selain sesi plenari oleh pakar dari INOS dan industri. Seminar turut menampilkan perkongsian eksklusif Misi OceanX Malaysia oleh Prof. Madya Dr. Maizah binti Mohd Abdullah, menjadikan TOMSY 2024 acara berimpak tinggi dalam memperkukuh jaringan penyelidikan kelautan tropika.



UMT Anjur Konferensi Antarabangsa Bioteknologi Marin (iCoMB 2024)

Konferensi Antarabangsa Bioteknologi Marin (iCoMB 2024) diadakan pada 24-26 September 2024 di UMT. Acara ini turut dihadiri oleh Duta Besar Peter Van Acker dari Kedutaan Belgium, Profesor Firdaus dari Kedutaan Indonesia serta delegasi Kesatuan Eropah dan peserta dari pelbagai negara seperti Indonesia, China dan Thailand. Dengan tema "Advancing Marine Biotechnology for Ecosystems and Societal Well-Being", iCoMB 2024 membincangkan peranan bioteknologi marin dalam memelihara ekosistem dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Sebanyak 17 institusi terkemuka turut serta, manakala penganjur bersama program ini termasuklah UPM, UMS, NIBM, OUC, JOU, UGent, BRIN, UNDIP dan Bioeconomy Corporation. Konferensi ini menampilkan penceramah jemputan dari dalam dan luar negara yang membincangkan penyelidikan terkini dalam bidang bioteknologi marin.





KOLABORASI PENYELIDIKAN PERINGKAT ANTARABANGSA

Genap 10 Tahun HICoE INOS Laksana Program Antarabangsa TROPIMUNDO

HICoE INOS mengekalkan peranan sebagai rakan kongsi penuh Université Libre de Bruxelles (ULB) dalam program antarabangsa MSc Erasmus Mundus dalam Biodiversiti Tropika dan Ekosistem (TROPIMUNDO) sejak 2014. Tahun 2024 merupakan tahun ke-10 penganjuran program ini dan dilaksanakan secara bersemuka dengan penyertaan 19 pelajar antarabangsa dari 11 negara antaranya Belgium, Perancis, Filipina, Jepun, USA, Filipina dan Sepanyol. Pelajar menjalani pengajian dan kerja lapangan selama lima bulan di UMT dengan fokus kepada botani, zoologi dan ekosistem integratif.

UMT sebagai salah satu daripada 13 rakan institusi akademik TROPIMUNDO memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengantarabangsaan universiti. UMT berusaha untuk menjadi institusi pemberi ijazah bersama dalam program ini melalui kerjasama dengan ULB yang dijangka dapat menarik lebih ramai pelajar antarabangsa dan mengukuhkan kedudukan penyelidikan UMT di peringkat global.









Duta Besar Belgium Lakukan Lawatan Kerja ke UMT Teroka Kerjasama Akademik EU-ASEAN

Duta Besar Belgium ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Peter Van Acker, telah mengadakan lawatan kerja ke UMT pada 17-22 Mei 2024 bagi meneroka potensi kerjasama akademik antara ASEAN dan rakan Eropah di bawah Inisiatif Gerbang Global EU-ASEAN seperti pertukaran fakulti, penyelidikan bersama, projek akademik dan pertukaran pelajar dalam bidang akuakultur.

Sepanjang berada di UMT, TYT Peter Van Acker turut melawat Stesen Penyelidikan Alami Marin UMT di Pulau Bidong dan berjaya mendapat lesen menyelam skuba terbuka bersama Unit Skuba UMT. Lawatan ini memperkukuh hubungan akademik antara UMT dan institusi antarabangsa serta menonjolkan kepakaran UMT dalam bidang marin dan akuakultur.







UMT Perkukuh Kerjasama Penyelidikan Perubahan Iklim dengan The Lancet Countdown

UMT menandatangani Memorandum Persefahaman dengan The Lancet Countdown di London, disaksikan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi, untuk memperkukuh kerjasama dalam penyelidikan perubahan iklim fokus marin dan sumber akuatik. UMT adalah satu-satunya universiti awam Malaysia yang bekerjasama dengan The Lancet di Asia Tenggara. The Lancet merupakan jurnal perubatan terkemuka antarabangsa yang membincangkan pelbagai isu merentasi topik kesihatan kanak-kanak dan remaja, kesihatan global, pemanasan iklim global, pemakanan, alam sekitar dan awam. Majlis turut dihadiri oleh Dr. Marina Romanello, Executive Director of the Lancet Countdown, Senior Research Fellow (Lancet Countdown), University College London (UCL) dan Professor Dr. Hugh Montgomery, Order of British Empire, Chair of Intensive Care Medicine, University College London (UCL).



UMT Jalin Kerjasama Strategik dengan Charoen Pokphand Group dalam Sektor Akuakultur

Seiring dengan perkembangan pesat sektor akuakultur di Malaysia dan inisiatif penyelidikan UMT untuk meningkatkan keterjaminan bekalan makanan negara, UMT telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Charoen Pokphand (CP) Group Co. Ltd., sebuah konglomerat terkemuka dari Thailand. Majlis menandatangani MoU berlangsung di Canselori UMT dan fokus utama kerjasama adalah dalam bidang pembiakbakaan haiwan terutamanya krustasia serta kelestarian perikanan. Kerjasama ini juga menyokong usaha memenuhi tuntutan Keterjaminan dan Keselamatan Makanan Dunia selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Kolaborasi ini diharap dapat memperkukuh sektor akuakultur dan keselamatan makanan global.





UMT-Indonesia Network Perkukuh Kerjasama dalam Bioteknologi Marin dan Sumber Akuatik

UMT telah menganjurkan program Regional Leadership and Research Partnership in Marine Biotechnology and Aquatic Resources (UMT-Indonesia Network). Program ini dihadiri oleh Prof. Dr. Muhammad Firdaus, Ketua Pendidikan dan Kebudayaan dari Kedutaan Republik Indonesia, serta Prof. Dr. Ocky Karna Radjasa, Ketua Organisasi Riset Kebumian dan Maritim, Badan Riset dan Inovasi Nasional (BRIN). Program ini merangkumi Rangka Kerjasama Satelit UMT bersama BRIN dalam bioteknologi marin dan sumber akuatik serta pertukaran perjanjian Memorandum Perjanjian (MoA). Kerjasama strategik ini bertujuan memperkukuh pertukaran akademik, penyelidikan dan inovasi dalam bidang sains marin dan bioteknologi, sekali gus mempererat hubungan diplomatik antara Malaysia dan Indonesia.








UMT Perkukuh Kerjasama Antarabangsa dengan Lawatan Rasmi ke China

Delegasi UMT, diketuai oleh Naib Canselor UMT telah mengadakan lawatan rasmi ke China untuk memperkukuh kerjasama antara UMT dan Ocean University of China (OUC) serta Tianjin University of Science & Technology (TUST) melalui pelanjutan MoU. Kunjungan ini juga merupakan sebahagian daripada Rangkaian Pendidikan Perikanan ASEAN dan Simposium Pemimpin 2024, bersempena sambutan 100 tahun OUC. Selain itu, delegasi UMT turut mengambil kesempatan untuk memperkukuh kepakaran dalam bidang artemia dan akuakultur melalui lawatan industri ke Bohai Seafood Group di Shandong serta TUST.





UMT Berjaya Tawarkan Program International Research Joint-PhD Pertama Bersama Universiti Ghent, Belgium

Lawatan kerja ke Universiti Ghent, Belgium diwakili oleh Profesor ChM. Dr. Marinah binti Mohd Ariffin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan Pengarah ICAMB, Prof. Dr. Yeong Yik Sung telah menyaksikan pemeteraian tiga perjanjian kerjasama antara ICAMB dan beberapa fakulti di Universiti Ghent, iaitu Fakulti Sains, Fakulti Kejuruteraan Biosains, dan Fakulti Sains Veterinar. Perjanjian ini merangkumi Program akademik Ijazah Bersama Doktor Falsafah Penyelidikan (International Joint-PhD) dalam bidang Bioteknologi. Semasa lawatan tersebut, dua profesor pelawat UMT, Prof. Dr. Yves Van De Peer dan Prof. Dr. Hans Nawynck turut dilantik semula. Turut diadakan, perbincangan khusus bersama Prof. Dr. Yves Van De Peer, Pengarah Pusat Biologi Sistem Tumbuhan VIB-UGent mengenai kerjasama penyelidikan dalam biologi sistem tumbuhan dan bioteknologi. Delegasi juga turut berpeluang menghadiri LARVI 2024: Simposium Akuakultur Ikan & Kerang Laut Ke-8 untuk membincangkan cabaran dan inovasi dalam akuakultur.








SUMBANGAN PENYELIDIKAN KEPADA AGENSI KERAJAAN, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN PIHAK INDUSTRI

UMT Tandatangani MoU dengan SEAFDEC untuk Kerjasama Akuakultur dan Perikanan

UMT menandatangani MoU dengan Southeast Asian Fisheries Development Centre (SEAFDEC). MoU ini ditandatangani oleh Dr. Suttinee Limthammahisorn, Ketua Setiausaha SEAFDEC dan Naib Canselor UMT disaksikan oleh En. Abd. Haris Hilmi bin Ahmad Arshad, Ketua SEAFDEC/MFRDMD, dan Timbalan Pengarah AKUATROP UMT. Kerjasama ini bertujuan untuk memperkukuh penyelidikan dan pembangunan dalam bidang akuakultur dan perikanan, dengan penekanan kepada kelestarian, inovasi dan pembangunan kapasiti. MoU ini sejajar dengan matlamat strategik untuk menyumbang kepada usaha serantau dan global dalam perikanan lestari.







UMT Membantu Kerajaan Kedah dalam Bidang Pertanian dan Keterjaminan Makanan

UMT telah menandatangani MoU dengan Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. (KLPK). Kerjasama ini melibatkan syarikat pemula UMT, Bee Lab Sdn. Bhd. dalam usaha membangunkan ladang kelulut di Kedah. Usaha ini memberi peluang kepada pelajar dan penyelidik UMT untuk mengaplikasikan teori dalam persekitaran sebenar, sekali gus merangsang pertukaran pengetahuan, teknologi dan sumber. Kerjasama ini juga dijangka menyumbang kepada pembangunan ekosistem pertanian yang mampan dan inovatif serta mencerminkan komitmen UMT terhadap kemajuan pendidikan dan industri pertanian negara.



Seminar dan Perbincangan MSP: Memperkasa Perancangan Spatial Marin di Malaysia

UMT melalui Centre for Ocean Governance (COG) telah menganjurkan Seminar Tadbir Urus Perancangan Spatial Marin (MSP) di UMT. Seminar hasil kerjasama strategik antara PLANMalaysia dan UMT ini bertujuan memperkukuhkan pelaksanaan Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara Ke-2 (RFZPPN2). Syarahan Utama telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa, Datuk TPr. Dr. Alias bin Rameli, diikuti pembentangan kertas kerja oleh pelbagai agensi.

Selain itu, perbincangan Kumpulan Berfokus Malaysia Marine Protected Area (MyMPA) Blueprint dan Marine Spatial Planning (MSP) turut diadakan di The Everly Hotel, Putrajaya, melibatkan pelbagai agensi termasuk Jabatan Perikanan Malaysia (DOF),

Ministry of Natural Resources & Environmental Sustainability (NRES), dan PLANMalaysia. Fokus utama adalah untuk membincangkan perancangan dan pelaksanaan kawasan perlindungan marin serta mendapatkan input mengenai komitmen negara dalam Convention on Biological Diversity bagi menetapkan 10% kawasan perairan dan pesisir pantai negara sebagai kawasan yang dilindungi.







UMT dan NAHRIM Jalin Kerjasama Penyelidikan Alam Sekitar

Pada 13 Ogos 2024, UMT dan Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) menandatangani MoU untuk menjalankan penyelidikan bersama berkaitan alam sekitar khususnya kualiti air. Majlis berlangsung di kampus UMT dengan penyertaan Naib Canselor UMT dan Ketua Pengarah NAHRIM. Kerjasama ini bertujuan memperkukuh kelestarian alam sekitar melalui penyelidikan saintifik dan inovasi teknologi. Gabungan kepakaran UMT dan NAHRIM dijangka menghasilkan penyelesaian berkesan terhadap cabaran alam sekitar serta pemuliharaan sumber air negara.


BERITA HARIAN

MoU UMT, NAHRIM pulihara sumber air



UMT dan NEST Perkasa Komuniti Pedalaman Melalui Pencerapan Burung

UMT melalui Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari (IBTPL) telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Pertubuhan Kelestarian Ekosistem Alam (NEST) bagi meningkatkan sosioekonomi komuniti pedalaman melalui aktiviti pencerapan burung. Menerusi pemeteraian MoU, program pembangunan modal insan dirangka bagi melahirkan pemandu pelancong tempatan, terutamanya di kawasan seperti Tasik Kenyir. Kerjasama ini juga melibatkan pemindahan ilmu berkaitan biodiversiti seperti pengecaman spesies burung dan aktiviti lapangan. Dalam majlis tersebut, turut dilancarkan Bengkel Pencerapan dan Penyelidikan Burung yang berlangsung pada 3-5 Mei 2024 di Stesen Penyelidikan Alami Biodiversiti UMT, Tasik Kenyir. Program ini memberi manfaat kepada pelajar, penyelidik, saintis masyarakat dan pencinta alam seterusnya menyokong pembangunan mampan dan pemerkasaan komuniti setempat.



PENYELIDIK UMT SEBAGAI ADVOKASI ILMUWAN KEPIMPINAN MASYARAKAT

NRES-YPASM-UMT Berganding Bahu dalam Kempen Kelestarian Alam

Kajian menunjukkan menjelang 2050, jumlah sampah sarap di lautan akan melebihi berat ikan, dengan sisa plastik menjadi salah satu penyumbang utama yang merosakkan ekosistem marin. Menurut Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Nik Azmi Nik Ahmad, yang turut hadir sempena Program Jelajah Kelestarian Alam di kampus UMT, kementeriannya sedang mengkaji langkah-langkah untuk menangani masalah ini, termasuk dasar 'zero single-use plastic' dan 'sustainable plastic road map'. Program Jelajah Kelestarian Alam dijalankan dengan kerjasama Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) dan UMT. Pada majlis tersebut, turut dilancarkan adalah Pertubuhan Lautan Mampan Malaysia (SOA), NGO yang fokus pada pemerkasaan masyarakat untuk mencapai lautan bebas sampah. Nik Azmi juga menyertai program beach clean up bersama pelajar, bagi menunjukkan sokongan terhadap usaha melestarikan lautan, serta turut terlibat sebagai panel dalam forum bertemakan "Memperkasa Generasi Pemangkin Kelestarian".





KESIMPULAN

UMT sebagai universiti berfokus telah menetapkan sasaran untuk melahirkan lebih ramai penyelidik yang diiktiraf sebagai peneraju penyelidikan dalam bidang Sains Marin dan Sumber Akuatik. Aspirasi ini selaras dengan hala tuju PSUMT 2023-2027, yang bertujuan menjadikan UMT sebagai pusat rujukan utama dalam bidang ini, baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Pelbagai inisiatif telah dirancang untuk memperkukuh aktiviti penyelidikan dan pengkomersialan. Hasilnya, output penyelidikan dan inovasi yang berimpak tinggi terus berkembang, dengan UMT meraih pelbagai pengiktirafan dalam dan luar negara. Pencapaian pada tahun 2024 juga menjadi pemangkin kepada UMT untuk terus maju dalam usaha mencapai matlamat menjadi sebuah universiti berfokus yang menghasilkan penyelidikan berkualiti dan berimpak tinggi khususnya dalam bidang tujahannya.

FAKTA DAN ANGKA

183
projek penyelidikan baharu

RM18,302,107.00
jumlah nilai kelulusan geran

1,131
penerbitan artikel terindeks

505
penerbitan artikel dalam WoS Q1/Q2

1.83
nisbah penerbitan artikel jurnal terindeks per pensyarah

71,332
jumlah sitasi (SCOPUS) bagi tempoh 5 tahun ke belakang

115.7
jumlah sitasi (SCOPUS) per pensyarah

8
produk telah dikomersilkan

105
harta intelek telah didaftarkan

3
paten telah diluluskan

RM2.597
juta kelulusan geran penyelidikan antarabangsa

RM3.432 juta
kelulusan geran penyelidikan swasta





PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI



PENGENALAN

UMT sentiasa komited dalam memastikan pembangunan pelajar melalui pelbagai inisiatif dalam segenap aspek seperti sahsiah, kepimpinan, kebajikan serta pembangunan akademik dan kokurikulum pelajar bagi melahirkan graduan yang berdaya saing, berinovasi dan berintegriti tinggi. Pelbagai program dan kemudahan disediakan bagi menyokong kesejahteraan pelajar seperti perkhidmatan kaunseling, bantuan kebajikan, pembangunan sahsiah dan kepimpinan serta peluang penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarelawan. Dengan pendekatan yang berorientasikan kebajikan dan kecemerlangan pelajar, UMT terus berusaha memastikan setiap mahasiswa mendapat pengalaman pembelajaran yang seimbang, dinamik dan menyeluruh untuk mempersiapkan mereka menghadapi cabaran dunia sebenar.

UMT CAKNA KEBAJIKAN PELAJAR

Bantuan dan Sumbangan

Kecaknaan kepada kebajikan pelajar UMT terutama pelajar yang berada dalam kategori berpendapatan rendah B40 sentiasa dipertingkat dan diperkasa. Pelbagai bentuk bantuan dan sumbangan telah disediakan bagi memastikan pemegang taruh utama UMT ini dapat menjalani kehidupan di kampus dengan baik dan sentiasa fokus kepada pelajaran. Sepanjang tahun 2024, seramai 564 orang pelajar UMT telah menerima manfaat daripada Tabung Amanah Pembangunan dan Kebajikan Pelajar berjumlah RM155,137.60.

Selain itu, UMT turut menerima sumbangan daripada pelbagai pihak luar seperti Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM), Yayasan Perkasa Siswa (YPS), Yayasan Pelajaran MARA (YPM) dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM).



SUMBANGAN LUAR RM446,340.00
MAIDAM RM235,840.00
YAPEIM RM110,000.00
YPM RM62,500.00
YPS RM38,000.00

Perolehan 31 Unit Rumah Residensi Tembesu Sebagai Inisiatif Penginapan Pelajar Luar Kampus

UMT melalui Kolej Kediaman telah mengambil langkah strategik dengan membeli 31 unit rumah Residensi Tembesu yang boleh memuatkan seramai 400 orang pelajar untuk dijadikan Kolej Kediaman Luar Kampus. Inisiatif ini bertujuan untuk menampung keperluan penginapan mahasiswa luar kampus yang semakin meningkat serta memastikan mereka memperoleh tempat tinggal yang selamat, selesa, dan kondusif. Residensi Tembesu dipilih berdasarkan lokasinya yang strategik serta kemudahan moden yang memenuhi keperluan pelajar termasuk ruang belajar, akses internet dan kawasan rekreasi. Dengan jarak yang dekat ke kampus utama, penginapan ini memudahkan pelajar berulang-alik menggunakan kemudahan pengangkutan yang disediakan oleh universiti.

Langkah ini juga selaras dengan usaha UMT untuk meningkatkan keselamatan mahasiswa luar kampus kerana unit-unit di Residensi Tembesu akan diuruskan sepenuhnya oleh pihak Kolej Kediaman. Penyediaan penginapan berkualiti ini bukan sahaja memastikan keselesaan mahasiswa, tetapi juga menawarkan kos yang lebih berpatutan berbanding pilihan komersial lain. Selain itu, penyelenggaraan yang sistematik oleh pihak universiti menjamin kebersihan, keselamatan, dan keadaan fasiliti yang sentiasa berada pada tahap terbaik.

Inisiatif ini membuktikan komitmen UMT dalam memastikan kebajikan mahasiswa kekal menjadi keutamaan selaras dengan visi melahirkan graduan yang bersedia menghadapi cabaran global.







Graduan Cemerlang Program SULUNG Terima Ijazah Kelas Pertama

Program Pembangunan Siswa SULUNG merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi membiayai yuran pengajian pelajar B40 yang merupakan anak pertama dalam keluarga menyambung pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di UMT. Pada tahun 2024, seramai empat pelajar SULUNG telah bergraduat dengan keputusan cemerlang kelas pertama dengan Gred Kumulatif Terkumpul (CGPA) 3.70 dan ke atas. Mereka merupakan antara 23 orang penerima program SULUNG yang bergraduat di Majlis Konvokesyen UMT Ke-22 yang berlangsung pada 22 hingga 24 Oktober 2024.



AFWAN HAZIQ BIN HAIROLLKAHAR
Sarjana Muda Sains Komputer
(Komputer Mudah Alih)
FSKM



AN-NURIZYAN BINTI MAZLAN
Sarjana Muda Sains
(Matematik Kewangan)
FSKM



SEE SU YING
Sarjana Muda Sains
(Sains Biologi)
FSSM



SITI NORFAZLIN BINTI ZULKIFLY
Sarjana Muda Pengurusan
(Pengajian Polisi)
FPEPS

KE ARAH PEMERKASAAN MAHASISWA

Majlis Anugerah Ikon Siswa 2024

Meneruskan tradisi tahunan, Majlis Anugerah Ikon Siswa (AIS) UMT tahun 2024 telah diadakan pada 16 November 2024 di UMT. Majlis ini telah menjulang bakat terbaik mahasiswa dan mahasiswi UMT yang telah menunjukkan kecemerlangan secara holistik. Bertemakan "Mengiktiraf Bakat, Mencarta Keunggulan", AIS UMT 2024 telah disempurnakan oleh Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha KPT.

Sebanyak 16 anugerah telah dipertandingkan di bawah lima kluster iaitu Kluster Kepimpinan Pelajar, Pembangunan

Sosial, Kesukarelawanan, Pembangunan Akademik dan Intelektual serta Khas Pasukan. Selain itu, tiga anugerah utama sempena AIS UMT 2024 turut disediakan. Anugerah Bingkas Timbalan Naib Canselor (HEPA) dirangkul oleh Saudari Alina A/P Pannirselvam, yang merupakan Pengarah Program Newcasting and Hosting Competition 2.0 dan Nautical Industry and Community Engagement 2024. Anugerah U&Me Together Naib Canselor pula diberikan kepada Kelab Kebudayaan Baratham yang telah berjaya menganjurkan program Natyamela 7.0: Aazhi The Splash of Rhythm peringkat antarabangsa serta program Lahara: The Tidal Tales of Triumph peringkat kebangsaan. Manakala Anugerah Ikon Siswa UMT 2024 berjaya dirangkul oleh Timbalan Yang Dipertua Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman Sesi 2023/2024, Saudara Muhammad Aqasha Mukris bin Zainuri.

AIS UMT 2024 turut menyaksikan peluncuran Modul Bakat Bingkas dan Garis Panduan Program Mikro Kredit Siswa (PEMERKASA) yang menjadi dokumen terujuk dalam menjana kepemimpinan dan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa UMT.







ESG Global Young Leaders Summit 2024

UMT melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) buat julung kalinya menganjurkan Program ESG Global Young Leaders Summit 2024 (ESG 2024) dengan tema "Nurturing Future Leaders for Ocean and Environmental Stewardship". ESG 2024 memberi fokus kepada tiga agenda global utama iaitu kelestarian alam sekitar, sosial dan tadbir urus (Environmental, Social, and Governance).

Program yang berlangsung pada 22 - 25 Ogos 2024 ini menghimpunkan seramai 200 orang mahasiswa terdiri daripada kepimpinan mahasiswa seluruh IPTA termasuk mahasiswa antarabangsa. Selain itu, program ini turut mendapat penglibatan rakan-rakan strategik dari industri. Majlis perasmian ESG 2024 ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha bin Sakmud, dan turut dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMT, Prof. Dr. Mohamad Salmi bin Mohd Sohod.

Resolusi program ESG 2024 berhubung isu dan strategi pelaksanaan ESG dalam kalangan generasi muda khususnya di institusi pengajian tinggi disampaikan kepada kerajaan.







Kem Bina Bakat Mengasah Kepemimpinan Mahasiswa

Kem Bina Bakat Siswa merupakan satu inisiatif penting dalam membangunkan potensi kepimpinan dan kemahiran mahasiswa khususnya pelajar tahun pertama sebagai persediaan untuk menjadi pemimpin masa hadapan.

Kem Bina Bakat Siri 1 telah diadakan pada 25 - 27 Februari 2024 dengan penyertaan hampir 100 orang pelajar tahun pertama. Program ini dimulakan dengan pendakian ke Bukit Maras yang memberi peluang kepada peserta untuk melakukan refleksi kendiri di puncak bukit diikuti sesi *ice breaking* serta slot Penyelesaian Masalah dan Konflik yang mencabar pemikiran kritikal peserta.

Manakala Kem Bina Bakat Siri 2 pula telah berlangsung pada 1 - 4 Mei 2024 di Stesen Penyelidikan Kenyir (SPAK) dan kampus UMT dengan penyertaan 88 orang pelajar tahun pertama. Selain melalui beberapa aktiviti menguji minda dan fizikal, pelajar juga diberi pendedahan kepada tanggungjawab sosial melalui aktiviti khidmat komuniti di Kampung Basung menerusi Program Siswa Masuk Kampung (SMK).

Secara ringkas, Kem Bina Bakat ini memberi peluang kepada peserta untuk meneroka potensi diri, membina kemahiran insaniah seperti komunikasi, kerjasama dalam kumpulan serta daya tahan mental dan fizikal.



Pilihan Raya Kampus 2024 dan Majlis Watikah Pelantikan MPP Sesi 2024/2025

UMT telah mengadakan Pilihan Raya Kampus 2024 pada 14 November 2024 bagi memilih Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2024/2025. Ia turut mencatat sejarah sebagai pilihan raya kampus pertama menggunakan sistem pengundian dalam talian sepenuhnya melalui laman sesawang "UMT Memilih". Melalui sistem ini, seramai 6,823 orang pelajar atau 66.7% telah melaksanakan tanggungjawab memilih tanpa perlu hadir ke pusat mengundi.

Seramai 26 orang calon telah bertanding dalam pilihan raya kali ini bagi merebut 18 kerusi MPP. Majlis Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2024/2025 telah diadakan di UMTSEA, Petaling Jaya, Selangor dan telah disempurnakan oleh Setiausaha Politik Menteri Pendidikan Tinggi, Tuan Akmal Zharif bin Ahmad Kamal bersama Naib Canselor UMT, Prof. Ir. Ts Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim serta Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMT, Prof. Dr. Mohd Izani bin Mohd Zain.





Sesi "In Person with Doc Zam: Freshies: Are You Ready?"

Sesi khas bersama Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir telah diadakan pada 3 Oktober 2024 sempena Minggu Jalinan Mesra (MJM) Sarjana Muda sesi 2024/2025.

Seramai 4,000 orang pelajar baharu menzahirkan rasa keterujaan apabila buat kali pertama berpeluang mendekati dan mengenali sosok menteri dengan lebih dekat. Kehadiran figura hebat ini telah disambut meriah oleh pelajar bersama barisan kepimpinan pelajar dua buah UA berjiran iaitu UMT dan UniSZA serta pihak pengurusan.

Sesi ini telah berlangsung selama lebih dua jam dihoskan oleh pengacara selebriti Fizo Omar. Warga UMT dan UniSZA terutamanya para pelajar baharu telah diberi rangsangan motivasi dan pelbagai tips untuk menjadi mahasiswa yang holistik dan cemerlang.

Bersempena dengan program ini Menteri Pendidikan Tinggi juga telah menyampaikan bantuan Pendidikan RM1,000 kepada tiga orang pelajar UMT daripada keluarga berpendapatan rendah. Bantuan Pendidikan ini merupakan inisiatif yang dilancarkan oleh Yayasan Perkasa Siswa (YPS) bagi membantu pelajar baharu menyambung pengajian ke UA.







Program Misi Sejuta Harapan: JPKK Terokai Bumi Nusantara

Program kemasyarakatan dan pemerkasaan mahasiswa oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej Kediaman (JPKK) telah diadakan di Surabaya, Indonesia. Program ini dilaksanakan dengan penerapan beberapa Matlamat Pembangunan Lestari atau Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG 1 (tiada kemiskinan), SDG 2 (kelaparan sifar), SDG 3 (kesihatan baik dan sejahtera), SDG 4 (pendidikan berkualiti), SDG 5 (kesaksamaan jantina), SDG 15 (kehidupan di darat) serta SDG 17 (kerjasama demi matlamat).

Antara aktiviti yang dijalankan ialah penanaman sebanyak 300 anak pokok bakau oleh wakil dari Universitas Airlangga (UNAIR), badan eksklusif UNAIR dan penduduk kampung sekitar tajaan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), mendaki Gunung Bromo serta menyantuni dan menghulurkan sumbangan kepada kanak-kanak Taska Aisyiyah.

Delegasi seterusnya melawat Universitas Pembangunan Nasional Veteran Jawa Timur (UPNVJT) dengan merasai pengalaman di lima buah laboratorium utama bertaraf dunia bagi ilmu komunikasi iaitu laboratorium *cyber public relation*, laboratorium *expose*, laboratorium *kinne*, laboratorium *creating* dan laboratorium *broadcasting*. Delegasi turut mengunjungi Panti Asuhan Muhammadiyah Surabaya bagi melaksanakan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong royong dan penyampaian sumbangan.



Program Wonder of Indonesia: Student Representative Delegation

Program antarabangsa di Bandung dan Jakarta, Indonesia ini melibatkan delegasi seramai 12 orang ahli Jawatankuasa Perwakilan Luar Kampus, seorang felo dan seorang pegawai pengiring. Delegasi memulakan program di Bandung dengan lawatan ke Universitas Padjadjaran. Di sini, peserta delegasi menghadiri sesi suai kenal, perkongsian budaya, lawatan kampus dan aktiviti seni tradisional seperti mencanting batik. Delegasi turut mengunjungi Istana Yatim Daarul Adzkar bagi menjalankan aktiviti gotong-royong, mengecat dinding dan makan tengah hari bersama anak-anak yatim. Manakala di Jakarta pula, delegasi mengadakan lawatan ke Universitas BINUS diikuti lawatan ke Kedutaan Malaysia di Jakarta.

Program ini dapat memperkukuh hubungan antarabangsa antara UMT dan institusi pendidikan di Indonesia sekali gus mempromosikan budaya Malaysia dan memperluas pengetahuan pelajar tentang kepelbagaian budaya dan sistem pendidikan antarabangsa. Secara keseluruhan, program ini berjaya meningkatkan kemahiran kepimpinan, komunikasi dan pemikiran global dalam kalangan mahasiswa UMT di samping mempersiapkan mereka untuk menjadi graduan holistik yang mampu menyumbang kepada komuniti tempatan dan antarabangsa.





KEUSAHAWAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN

MyNEXT IMW X CESF'24

UMT melalui Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (UMT-GEM) telah menganjurkan MyNext Internship Market Week X Career Entrepreneurship and Skills Festival (MyNEXT IMW X CESF'24) pada 9 - 11 Oktober 2024 bertempat di UMT. Program yang pertama kali mendapat kerjasama daripada TalentCorp ini turut melibatkan penyertaan 44 buah agensi dan industri yang menawarkan lebih 1,000 peluang pekerjaan khususnya kepada bakal graduan UMT dan komuniti setempat. Antara rakan strategik UMT yang menyertai program ini ialah CelcomDigi, PETRONAS, LinkedIn, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), RHB Bank Berhad, Blue Archipelago Berhad dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Program ini juga menyaksikan pra-pelancaran Program Mikro Kredit Siswa (PEMERKASA) iaitu skim pembiayaan tanpa faedah kepada pelajar untuk menjalankan perniagaan semasa tempoh pengajian dengan jumlah sebanyak RM1,000.00 setiap seorang dan terbuka kepada 20 usahawan pelajar yang berkelayakan.

PEMERKASA
Program Mikro Kredit Siswa





Pelantikan Felo Bersekutu dan Karyawan Tamu Pelawat Memperkasa Keusahawanan Mahasiswa

Bagi membimbing dan membuka ruang kepada pelajar menceburi dunia keusahawanan, dua orang figura telah dilantik sebagai Felo Bersekutu Keusahawanan dan Karyawan Tamu Pelawat.



Felo Bersekutu Keusahawanan

Dr. Yusnita binti Hamzah
Pensyarah, Fakulti Perikanan dan Sains Makanan (FPSM)

- Juga merupakan Ketua Pegawai Operasi Pusat Inovasi Strategik (UMT-Yayasan Pembangunan Usahawan)
- Kepakaran dan penglibatan signifikan beliau dalam Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu memberi peluang kepada pelajar untuk aktif dalam perniagaan dan keusahawanan.



Karyawan Tamu Pelawat

Marham bin Yusof / Marbitter
Youtuber / Pereka Kandungan Digital

- Pengalaman dan jaringan luas, beliau berperanan membimbing pelajar menjalankan perniagaan dalam tempoh pengajian di samping membantu membina rangkaian dan jaringan keusahawanan UMT dengan agensi pemberi dana.

Program Celik Usahawan 1.0

Program Celik Usahawan 1.0. telah diadakan bertujuan untuk mengumpul maklumat perniagaan pelajar yang dijalankan semasa dalam tempoh pengajian. Program yang diadakan pada 17 Disember 2024 ini menyasarkan pelajar yang mengambil kursus Asas Keusahawanan (MPU3223). Melalui program ini, para pelajar telah dibimbing secara langsung tentang kaedah mengisi perincian maklumat perniagaan yang diusahakan. Program yang disertai seramai 995 orang pelajar ini turut diisi dengan slot perkongsian oleh Ikon Usahawan Siswa UMT, Pengerusi Koperasi Mahasiswa (KOSISWA) UMT Berhad dan pihak RHB Bank Kuala Terengganu. UMT akan meneruskan Celik Usahawan sebagai program tetap tahunan sejajar ikhtiar meligat ekosistem keusahawanan siswa menerusi transformasi keusahawanan dan kebolehpasaran graduan.



Keusahawanan Pelajar

Serambi Niaga@Kolej Kediaman merupakan satu inisiatif strategik UMT bertujuan untuk memperkasakan budaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dengan menyediakan platform praktikal sebagai hub inkubator keusahawanan. Melalui projek ini, mahasiswa diberi peluang untuk meneroka bidang perniagaan dalam persekitaran kampus yang terkawal tetapi realistik, sekali gus membantu mereka memahami elemen penting seperti inovasi, pengurusan risiko, dan pembelajaran daripada kesilapan. Setakat ini, tiga projek utama telah dilaksanakan di bawah Serambi Niaga iaitu penternakan kelulut, penternakan akuaponik, dan fertigasi tanaman sayur-sayuran. Projek-projek ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan tetapi juga mengembangkan pemikiran kritis dan kreatif mahasiswa dalam menghadapi cabaran dunia perniagaan sebenar.

Sejajar dengan agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015–2025, Serambi Niaga adalah usaha penting untuk menjadikan Kolej Kediaman sebagai platform pembelajaran kedua yang menyokong pembentukan mahasiswa holistik, termasuk dalam aspek kemahiran insaniah dan sahsiah. Dengan pendekatan ini, UMT bukan sahaja memperkasakan mahasiswa, tetapi juga menyumbang kepada aspirasi negara untuk melahirkan modal insan berkualiti yang menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.



Kajian Kebolehpasaran Graduan 2024

KPT telah memperkenalkan penggunaan operasi definisi (OD) baharu **Kadar Bekerja Graduan atau Graduate Employment (GE)** di samping operasi definisi **Kadar Kebolehpasaran Graduan atau Graduate Marketability (GM)** berdasarkan data yang diperoleh melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG).



Kadar Bekerja Graduan / Graduate Employability (GE)

- Perkadaran graduan bekerja kepada bilangan graduan dalam tenaga buruh
- Merangkumi graduan dengan status bekerja dan belum bekerja
- Graduan yang berada di luar tenaga buruh iaitu graduan yang melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran, menunggu penempatan pekerjaan dan lain-lain tidak diambil kira dalam pengiraan tersebut

94.0%

Kadar Bekerja Graduan 2024



Kadar Kebolehpasaran Graduan / Graduate Marketability (GM)

- Keupayaan graduan untuk dipasarkan dalam industri, mempunyai kecekapan mendapatkan pekerjaan dan mengekalkan pekerjaan yang sesuai.
- Merangkumi status graduan bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan.

93.2%

Kadar Kebolehpasaran Graduan 2024 (Mengatasi sasaran GM nasional 86.4%)

Status Pekerjaan Berdasarkan GM

Bekerja
2,218 (80.9%)

Melanjutkan pengajian
263 (9.6%)

Meningkatkan kemahiran
23 (0.8%)

Menunggu penempatan pekerjaan
49 (1.8%)

Belum bekerja
187 (6.8%)

Jumlah
2,740 (100.0%)



Anugerah Graduate Employability (AGE) 2023

Buat julung kalinya, Anugerah Graduate Employability (AGE) 2023 telah dilancarkan pada MyNEXT IMW X CESF'24 bagi memberi pengiktirafan kepada fakulti dan institut yang telah membantu peningkatan peratusan kebolehpasaran graduan sebanyak 91.5% pada tahun 2023. Sebanyak tujuh anugerah berprestij telah disampaikan kepada fakulti dan program pengajian yang mengungguli dan memenuhi kriteria penilaian.

Semua pemenang bagi AGE 2023 telah membawa pulang sijil dan trofi tajaan CU Malaysia manakala pemenang bagi Anugerah Utama Kebolehpasaran Graduan (Pencapaian GE) telah menerima hadiah tambahan berbentuk Dana Kebolehpasaran Graduan (GE) bernilai RM5,000.00 tajaan Talentbank.

- Anugerah Kebolehpasaran Graduan Tertinggi (Sains Sosial)
- Anugerah Kebolehpasaran Graduan Tertinggi (Sains & Teknologi)
- Anugerah Kebolehpasaran Graduan (Bekerja Dalam Bidang)
- Anugerah Kebolehpasaran Graduan (Usahawan)
- Anugerah Kebolehpasaran Graduan (Gaji Premium Tertinggi)
- Anugerah Khas Kebolehpasaran Graduan UMT (Piala Pusingan)
- Anugerah Utama Kebolehpasaran Graduan (Pencapaian GE).







SUKAN DAN REKREASI

Menyinar di Persada Antarabangsa

Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2024, Indonesia (25 Jun – 6 Julai 2024)



Afiq Danish bin Zapri
Pingat Emas
Acara Judo



Muhammad Shahrul Imran bin Mohammad Nasir
Pingat Gangsa
Acara Silat Olahraga



Nurul Ain Husna binti Ghazali
Pingat Gangsa
Acara Judo

Kejohanan Sukan Tahunan Universiti Malaysia-Thailand (MASTHAI) Ke-16 Thailand (5 – 10 Mei 2025)



Nurul Azira binti Abdullah
Wakil Malaysia
Acara Bola Tampar Wanita

Cemerlang di Pentas Kebangsaan

Temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2024
Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah
6 – 14 Disember 2024

1. Pencak Silat Putra
2. Pencak Silat Putri
3. Renang Wanita

- 1 Pingat Emas
- 1 Pingat Perak
- 2 Pingat Gangsa

Kejohanan Berbasikal Jalanraya Kebangsaan 2024
Kuala Kubu Baru, Selangor
8 – 9 Mac 2024

1. Berbasikal Jalanraya

- Juara Kebangsaan

Karnival Sukan MASUM 2024
Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah
6 – 12 Mei 2024

1. Taekwondo
2. Boling Padang
3. Karate Kumite
4. Karate Kata

- 3 Pingat Perak
- 2 Pingat Gangsa

Sukan Malaysia (SUKMA 2024)
Sarawak
17 – 24 Ogos 2024

1. Berbasikal Pasukan Lelaki
2. Judo
3. Karate Kumite (Berkumpulan)
4. Karate Kumite (Individu)

- 3 Pingat Emas

Meluncur Pelayaran untuk Semua



FISU World University Championship (Sailing), Italy
6 – 10 Jun 2024, Desenzano Del Garda, Itali

- Penglibatan 100 orang atlet universiti pelbagai negara.
- Pasukan UMT terdiri daripada enam orang pelajar dan dua orang staf.
- Menggunakan bot jenis Dolpin 81.
- Pasukan UMT memperlihatkan kebolehan bersaing di peringkat dunia.





20th Royal Langkawi International Regatta 2024
15 – 20 Januari 2024, Royal Langkawi Yatch Club, Kedah

- Penyertaan oleh 250 orang pelayar seluruh dunia dengan 33 buah bot.
- Pasukan UMT1 dan UMT2 terdiri daripada lapan orang pelayar baharu yang pertama kali menyertai pertandingan antarabangsa.
- Pasukan UMT menyertai pertandingan bagi kelas Sportboat dan berjaya menduduki tempat ketiga keseluruhan.
- 14 orang pelajar UMT turut diberi kepercayaan menjadi Sukarelawan Pegawai Teknikal bagi membantu menguruskan acara ini.





Kapas Island Sailing Expedition 2024
29 Jun – 2 Julai 2024, Pulau Kapas, Terengganu

- Program jelajah pelayaran disertai oleh 27 orang pelajar, tiga orang staf dan tiga orang jurulatih.
- Menggunakan kapal layar Foundation 36 yang pernah digunakan dalam Kejohanan Monsoon Cup.
- Bertujuan mengaplikasikan pengetahuan teori pelayaran kepada amali pelayaran dan memberi pendedahan cabaran serta rintangan yang perlu diharungi.





PROGRAM UMT SAILABILITY 2024

5 – 6 September 2024, UMT Community Sailing Clubhouse, Duyong Marina & Resort, Kuala Terengganu.

- Melibatkan seramai 16 orang peserta terdiri daripada Komuniti OKU, pelajar UMT, UiTM, IPG dan Kolej Komuniti.
- Fokus kepada pemberdayaan komuniti rentan terutamanya golongan Orang Kelainan Upaya (OKU).
- Memberi pendedahan, meningkatkan keyakinan diri untuk berdikari dan mengubah persepsi masyarakat terhadap golongan OKU.





Program Pelayaran U & Me Together 2024

17 – 19 Disember 2024, UMT Community Sailing Clubhouse, Duyong Marina & Resort

- Menjadikan pelayaran sebahagian dari jati diri warga UMT dan seterusnya memupuk nilai kebersamaan melalui aktiviti pelayaran
- Platform untuk staf mempamer bakat dan keupayaan
- Disertai oleh 13 pasukan dalam kalangan 100 orang warga UMT pelbagai PTj



Pantai Teluk Ketapang Saksi Kejayaan International Monsoon Beach Challenge 2024 (IMBC24)

Kejohanan International Monsoon Beach Challenge 2024 (IMBC24) telah berlangsung pada 1 – 2 November 2024 di Pantai Teluk Ketapang, Kuala Nerus, Terengganu. Kejohanan ini mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), Koperasi Homestay Teluk Ketapang, Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Kuala Nerus, Institut Koperasi Malaysia, Tourism Malaysia Wilayah Timur, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Yayasan Perkasa Siswa (YPS).

Sambutan penyertaan IMBC24 amat menggalakkan terutamanya bagi acara bola tampar pantai dan bola sepak pantai. Penyertaan bola tampar pantai kategori antarabangsa melibatkan sembilan pasukan dari Thailand, Indonesia, Pakistan, Bangladesh, Algeria, Nigeria dan Ghana. Kategori terbuka pula merekodkan penyertaan penuh pasukan dari Kuala Lumpur, Selangor, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Manakala acara bola sepak pantai pula menerima penyertaan sebanyak 36 pasukan yang terdiri daripada komuniti setempat.

Penganjuran IMBC24 memberi peluang kepada pelajar mengurus dan melaksanakan acara di peringkat antarabangsa sekali gus memperkasa mahasiswa melalui aktiviti sukan.







Kolaborasi UMT dan MAXIS: Transformasi Teknologi dalam Arena Sukan

UMT melalui Pusat Sukan dan Rekreasi (PSR) telah memeterai MoU bersama Maxis Broadband Sdn. Bhd. pada 20 November 2024 bertempat di Menara Maxis, KLCC. Majlis ini disempurnakan oleh Naib Canselor UMT, Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim bersama Encik Patrick Er yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif Maxis. Pemeteraian MoU ini bakal membuka dimensi baharu teknologi dalam pembangunan sukan di UMT sekali gus memberi impak besar kepada UMT dalam merintis hala tuju cemerlang dalam industri sukan di peringkat institusi pendidikan tinggi.








KAUNSELING DAN KESEJAHTERAAN PELAJAR

Perkhidmatan Kaunseling Pelajar

Kesejahteraan emosi dan minda pelajar merupakan antara perkara penting yang sentiasa diberi perhatian oleh UMT kerana ia turut menjadi asas kepada kejayaan seseorang pelajar. Justeru, UMT melalui Pusat Kaunseling dan Kesejahteraan Mahasiswa (PKKM) menawarkan khidmat kaunseling bagi membantu pelajar dalam menangani pelbagai isu seperti kesihatan, pengajian, peribadi, sosial, kerjaya, kewangan, keluarga dan lain-lain. Sebanyak 425 sesi telah dilaksanakan secara dalam talian manakala selebihnya secara bersemuka.



Seminar Kasih Kaunseling@Advokasi Antigangguan Seksual

Seminar Kasih Kaunseling@Advokasi Anti Gangguan Seksual telah diadakan pada 14 – 15 Januari 2024 bertempat di Auditorium Mahyuddin. Seminar ini dijalankan bertujuan sebagai wadah penyampaian maklumat bantuan kepada masyarakat sekiranya berhadapan dengan perkara yang tidak diingini terutamanya gangguan seksual. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Polis Terengganu, DCP Datuk Mazli bin Mazlan.

Slot 1: Apa Itu Gangguan Seksual Dr. Ummi Habibah binti Abdul Rani, Pegawai Psikologi, Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah PDRM Bukit Aman	**Slot 2: Kesan Gangguan Seksual kepada Individu** Dr. Geshina Ayu binti Mat Saat, Pakar Kriminologi, USM
Slot 3: Aplikasi Teori Kaunseling dalam Menangani Gangguan Seksual Profesor Datin Dr. Ruhani binti Mat Min, Pensyarah Kaunseling, UMT	**Slot 4: Peranan dan Tanggungjawab Diri Menurut Perspektif Islam** Tuan Mohd Fadhli bin Othman, Pengasas modul "Goodbye Pornography"
Slot 5: Aplikasi Terapi Seni Dalam Menangani Kes Gangguan Seksual Dr. Rafidah binti Kastawi, Pengasas Modul Nurani REST	**Slot 6: Dia Bukan Milikku** Dr. Nor Salimah binti Abu Mansor, Pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA







Pertandingan Ikon Motivator UMAC 2024 (Piala Timbalan Naib Canselor HEPA)

Seramai enam orang finalis telah berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir Pertandingan Ikon Motivator UMAC 2024 (Piala Timbalan Naib Canselor HEPA) yang telah diadakan pada 25 Oktober 2024. Pertandingan yang menguji kepetahan pelajar dalam pengucapan awam ini membawa tema "Mahasiswa Sejahtera, Mahasiswa Berdaya Tahan".

Pentas akhir pertandingan ini telah diadili oleh juri dalam pelbagai bidang, antaranya Timbalan Pengarah Pengurusan, Hospital UniSZA, Tuan Ahmad Tarmizi bin Ab Aziz, Timbalan Pengarah Kebudayaan dan Keseniaan Negeri Terengganu, Tuan Zahari bin Mat, pempengaruh dan juga karyawan Tamu UMT-GEM, Marbitter serta Pengurus JMG Consultant Malaysia, Tuan Mohd Fadly bin Samin selaku ketua juri.

Juara pertandingan diraih oleh Nur Miza Fathiah binti Ahmad Husni, pelajar tahun tiga, Fakulti Pengajian Maritim manakala naib juara disandang oleh Nur Amani binti Saidin, pelajar tahun satu, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial.









Program Sayangi Diri: Fikir Sebelum Bertindak

Program Sayangi Diri: Fikir Sebelum Bertindak merupakan sebuah program yang dijalankan sebagai medium untuk berkongsi informasi mengenai tanda-tanda kemurungan yang boleh membawa kepada tingkah laku bunuh diri. Program ini merupakan kerjasama antara PKKM dan Jabatan Psikiatri, Hospital Sultanah Nur Zahirah.

Slot pertama bertajuk "Sakit Mental tu Normal?" disampaikan oleh Pakar Psikiatri Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Dr. Lim Xue Bin. Slot kedua disampaikan oleh Pegawai Perubatan HSNZ, Dr. Muhammad Abdul Rashid bin Ab Razak dengan tajuk "Adakah saya seorang anxiety?" dan slot terakhir dengan tajuk "Bahaya Tren Self-Harm bagi Remaja" disampaikan oleh Pegawai Perubatan Sarjana HSNZ, Dr. Wan Hanie Rasyida Wan Hashim.










Program Walkabout Merdeka dan Kibaran Jalur Gemilang

Program Walkabout Merdeka dan Kibaran Jalur Gemilang merupakan program komuniti yang dianjurkan PKKM dengan kerjasama KRT Kampung Teluk Ketapang sebagai usaha mendekati masyarakat serta menyemai sifat kerjasama dan bantu-membantu kepada golongan yang memerlukan. Pihak PKKM juga berpeluang menyampaikan perkhidmatan kaunseling berkonsepkan *mobile counselling* kepada komuniti.

Selain itu, program ini juga menerapkan sifat perpaduan dan jati diri dengan mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang lawatan rumah ke rumah. Pihak PKKM serta pihak KRT Teluk Ketapang telah memberikan bantuan berupa alatan persekolahan serta kit makanan kepada golongan asnaf dan memerlukan.

Program ini dapat mengeratkan perpaduan dengan keterlibatan bersama wakil Jabatan Perpaduan Negeri (cawangan Kuala Nerus), Jabatan Belia Kuala Nerus dan Pejabat KEMAS Kuala Nerus.













Program Recharge and Reform SMK Matang 2024 (Komuniti Madani)

Seramai 30 orang pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Matang, Kuala Berang, Terengganu telah menyertai program komuniti MADANI. Program ini meliputi enam siri slot berkonsepkan kaunseling kelompok serta satu slot motivasi.

Program ini dilaksanakan untuk membantu remaja khususnya pelajar dalam proses penetapan matlamat dan hala tuju selepas menamatkan pengajian di sekolah. Selain itu, sesi kelompok yang dijalankan dapat meningkatkan motivasi dalam kalangan pelajar sebelum menghadapi peperiksaan SPM 2024. Program ini dikendalikan oleh enam orang pelajar Sarjana Muda Kaunseling yang berperanan sebagai ketua kelompok dan fasilitator.

Perasmian penutup program ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah (Sektor Perancangan), Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Terengganu, Encik Mohd Ariffin bin Ismail.







MENGAKAR BUDAYA, MENZAHIR SENI

Program Sayap Seni Wau UMT 2024; Memartabat Seni Permainan Tradisional Wau Tegak

Program Sayap Seni Wau 2024 telah dianjurkan oleh Kolej Kediaman UMT menerusi Jawatankuasa Perwakilan Luar Kampus (JPLK) UMT yang diadakan pada 22 Jun 2024.

Program ini mengumpulkan para mahasiswa UMT bersama-sama komuniti sekitar khususnya pemain dan penggiat wau yang sinonim dengan negeri Pantai Timur menerusi Pertandingan Wau Tegak. Seramai 50 peserta pertandingan daripada pelbagai lapisan umur telah mengambil bahagian dan tiga pemenang telah dipilih berdasarkan ketinggian maksimum setiap wau yang dinaikkan. Turut diadakan bersempena program ini adalah Pertandingan Mencanting Batik yang disertai oleh warga mahasiswa UMT dan orang ramai yang hadir.

Program ini juga berpotensi untuk diperluaskan skop pelaksanaannya sama ada sebagai acara tahunan atau penganjuran di peringkat IPT di pantai timur.





Sayembara Puisi Tari Antarabangsa 2024: Menjulang Keunikan Seni dan Budaya

Sayembara Puisi Tari Antarabangsa 2024 telah berlangsung dengan penuh gemilang pada 9 November 2024 di UMT. Program yang menjadi medan pertemuan bakat seni dari seluruh dunia ini merupakan kerjasama strategik UMT bersama pelbagai badan seni dan budaya tempatan serta antarabangsa. Sayembara ini menampilkan lapan penyertaan pertandingan deklamasi puisi tari oleh institusi pendidikan tinggi serta pendeklamator antarabangsa dari Rusia, Thailand, Indonesia dan Singapura.



Juara bagi Sayembara Puisi Tari Antarabangsa dirangkul oleh kumpulan Gemala Rentak Buana dari UiTM Shah Alam sekali gus membawa pulang hadiah bernilai RM2,000.00. Tempat kedua pula dimenangi oleh kumpulan Kesenian Persadatari dari UMT yang membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000.00. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh kumpulan Gapuri Suria dari Sekolah Seni Malaysia, Johor yang membawa pulang hadiah wang tunai RM700.00. Program ini telah dirasmikan oleh Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Seri Profesor Emeritus Dr. Awang bin Sariyan.



Bicara Semarak Jiwa Merdeka 2024 - "Jiwa Merdeka: Perjuangan yang Belum Selesai?"

UMT melalui Pusat Kebudayaan dan Kesenian telah menganjurkan Bicara Semarak Merdeka bertajuk "Jiwa Merdeka: Perjuangan Yang Belum Selesai?" pada 4 September 2024 bertempat di UMT. Bicara Semarak Jiwa Merdeka ini telah dihadiri seramai 600 orang pelajar sekolah, warga UMT, mahasiswa dari universiti awam dan swasta, agensi kerajaan, penggiat seni dan komuniti setempat.

Antara panel yang terlibat dalam program ini ialah pengacara BERNAMA TV, Datuk Sherkawi Jirim, Pegawai Khas (Hubungan Antarabangsa) Kepada Timbalan Perdana Menteri II, Encik Neow Choo Seong, Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Pembangunan Sosial UMT merangkap Felo Bersekutu HEPA, Profesor Madya Dr. Muhammad Abi Sofian bin Abdul Halim, dan pelajar Kelab Kebudayaan Baratham, Saudara Easwary a/p Kodiswaran. Bicara ini dikendalikan oleh moderator Encik Nazri Kahar, Editor Kanan ASTRO AWANI.



Kalam Seni Budaya

Program Kalam Seni Budaya telah dilaksanakan sebanyak dua siri bertujuan memartabat serta mengangkat tokoh seni yang diakui kepakaran dalam bidang mereka. Program ini merupakan platform untuk tokoh-tokoh ini berkongsi ilmu, cabaran, masa depan dan mengajak anak bangsa melakukan perubahan dalam kehidupan bermasyarakat hari ini khususnya melalui seni dan budaya. Antara panel yang diundang adalah En. Madzlan bin Abet, Pensyarah Kanan UNIMAS dan Dr. Nor Diana binti Ab Jabar, Pensyarah Kanan UMK.



Encik Madzlan bin Abet
Pensyarah Kanan UNIMAS
10 Oktober 2024
"Sentuhan Artistik dalam Kostum dan Tatarias untuk Produksi Teater"



Dr. Nordiana binti Ab Jabar
Pensyarah Kanan UMK
26 Disember 2024
"Integrasi Kecerdasan Buatan Dalam Pendokumentasian Tradisi Lisan : Peluang dan Cabaran"

LAHARA: The Tidal Tales of Triumph Diiktiraf Malaysian Book of Records (MBOR)

Program LAHARA: The Tidal Tales of Triumph merupakan satu inisiatif dari Kelab Kebudayaan Baratham bagi meningkatkan kepentingan usaha pemeliharaan penyu dalam kalangan warga UMT. Program ini telah mendapat pengiktirafan MBOR melalui lukisan gambar penyu terbesar berukuran 15 meter x 19 meter menggunakan cap tangan. Program ini menyerlahkan bakat pelajar seterusnya menyumbang kepada pemerkasaan mahasiswa yang berdaya saing dan bersahsiah tinggi.


National Record

VERIFIED ENTRY
MALAYSIA BOOK OF RECORDS

This Is To Certify That
KELAB KEBUDAYAAN BARATHAM (KKB), UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
Is Listed in
THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS
for completing the
BIGGEST PALM PRINT BANNER
Total : 14.54 M (L) X 19.30 M (H)
Date : May 21, 2024
Venue : Dataran PSNZ, UMT
LAHARA : THE TIDAL TALES OF TRIUMPH

TAN SRI DATUK DANNY OOI
DATO' SERI (DR) MICHAEL TIO

MEMPERKASA ALUMNI

Majlis Makan Malam Amal Perkukuh Jalinan Alumni Bersama Industri

UMT telah menganjurkan Majlis Makan Malam Amal di Concorde Hotel, Shah Alam pada 26 April 2024. Program ini dilaksanakan bagi meningkatkan kolaborasi antara alumni dan pelbagai rakan industri. Selain itu, ia juga merupakan salah satu inisiatif mengumpul dana melalui *crowd funding* bagi pembangunan serta pengurusan alumni. Hasil jualan meja disalurkan kepada Tabung Amanah Kebajikan dan Penyumbangan Kembali Alumni UMT bagi membantu alumni UMT yang ditimpa musibah dan memerlukan bantuan kewangan.







Syarahan Awam Kebitaraan Mahasiswa HEPA, UMT

UMT melalui Pusat Alumni telah menganjurkan Syarahan Awam Kebitaraan Mahasiswa HEPA UMT pada 28 Julai 2024 sempena Sambutan Hari Alumni UMT. Program ini menyediakan platform kepada Ahli Lembaga Pengarah UMT untuk berkongsi ilmu dengan pelajar serta memperkukuhkan hubungan antara pengurusan universiti dan pelajar.

Syarahan bertajuk "Sektor Perikanan dan Keterjaminan Makanan – Satu Perspektif" disampaikan oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti (Wakil Alumni), Dato' Adnan bin Hussain. Beliau yang juga alumni UMT berkongsi pengalaman dan pandangannya mengenai sektor perikanan dan isu keterjaminan makanan. Seramai 177 orang peserta telah hadir termasuk wakil daripada Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Program seumpama ini memberi inspirasi kepada pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang masing-masing.







Majlis Anugerah Ikon Alumni Universiti Malaysia Terengganu 2023 (MAIKA'23)

Majlis Anugerah Ikon Alumni UMT 2023 (MAIKA'23) edisi ketiga telah dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti (Wakil Masyarakat), Dato' Dr. Hj. Din bin Adam. Program ini bertujuan menghargai sumbangan cemerlang alumni dalam pelbagai bidang di samping menekankan kepentingan penglibatan alumni dalam aktiviti universiti.

Bertemakan "Back to School", program ini menampilkan calon anugerah MAIKA'23 dari seluruh Malaysia serta disiarkan secara langsung untuk tontonan alumni luar negara. Sebanyak 11 kategori anugerah dipertandingkan termasuk tiga kategori baharu iaitu Ikon Alumni Staf UMT, Ikon Alumni Dermawan dan Ikon Alumni Harapan.

Ikon Alumni Unggul (Utama)	Cheryl Rita Kaur A/P Dalbir Singh Ijazah Sarjana Muda Biologi Marin (Kepujian) kelas 2005 Felo dan Ketua Penyelidik, MIMA
Ikon Alumni Usahawan	Nor Hasnaa' Kamilah binti Mohd Dalim Sarjana Sains Pengajian Maritim kelas 2017 Pemilik, Sempurna A-Nad Marketing (Jenama Omaf)
Ikon Alumni Korporat	Dato' Asmawi bin Nordin Ijazah Sarjana Muda Sains Samudera kelas 1997 Pengurus Kanan, Kuantan Port
Ikon Alumni Sukarelawanan	Hashimi bin Ismail Ijazah Sarjana Muda Sains Samudera kelas 1997 Penolong Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Ikon Alumni Akademik	Profesor Madya Dr. Sakinah binti Ali Pitchay Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kejuruteraan Perisian) kelas 2005 Timbalan Dekan, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM
Ikon Alumni Antarabangsa	Maged Farouck Hanna Saad Doktor Falsafah Kepimpinan kelas 2019 Pengurus, Selem DMCC
Ikon Alumni Kakitangan Awam	Chin Han Kiat Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Perikanan) kelas 2007 Pegawai Perikanan
Ikon Alumni Sukan/ Kebudayaan	Nur Afiqah Zamia binti Sumeri Ijazah Sarjana Muda Perakaunan kelas 2017 Pembantu penyelidik, UTHM

Ikon Alumni Dermawan	Wan Mohd Wazir bin Wan Abdul Wahab Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat kelas 2021 Timbalan Ketua Pegawai Teknologi Maklumat, UMT
Ikon Alumni Staf	Kamal bin Talib Sarjana Pentadbiran Perniagaan kelas 2017 Penolong Pendaftar Kanan (Sukan), UMT
Ikon Alumni Harapan	Mohd `Ulul `Ilmie bin Ahmad Nazri Doktor Falsafah kelas 2021 Pensyarah Kanan, Asasi STEM UMT







Bual Bicara Alumni kepada Bakal Alumni

Program tahunan yang telah dilaksanakan ini adalah sejajar dengan teras Pembudayaan Alumni dan Penyumbangan Kembali Alumni yang terkandung dalam Pelan Hala Tuju Alumni 2023-2027 (PEHTA 2023-2027). Program bertemakan "Dari Universiti Ke Dunia Kerja: Persediaan Mahasiswa untuk Menyumbang kepada Polisi Kerajaan" ini berlangsung pada 14 November 2024 dengan penglibatan seramai 837 mahasiswa tahun akhir.

Objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk memberi mahasiswa pemahaman yang jelas mengenai realiti dan cabaran dalam dunia pekerjaan. Program ini juga menggalakkan alumni untuk berkongsi pengalaman, pengajaran dan kisah kejayaan yang dilalui sepanjang kerjaya mereka sebagai inspirasi kepada mahasiswa. Program bual bicara ini dikendalikan oleh seorang moderator dan tiga orang panel dalam kalangan alumni UMT.

Moderator	Dr. Siti Norbakyah binti Jabar • Pensyarah UMT • Alumni Sarjana Muda Sains Gunaan (Elektronik dan Instrumentasi) kelas 2009, Sarjana (Penyelidikan) Fizik kelas 2014 dan Doktor Falsafah (Penyelidikan) Fizik kelas 2019.
Panel 1	Encik Mazzaid bin Mazelan • Pegawai Psikologi dan Ketua Seksyen Usrah, Kaunseling & Kerjaya, Universiti Islam Selangor (UIS) • Alumni Sarjana Muda Kaunseling kelas 2013
Panel 2	Encik Mohamad Adam bin Zakria • Penolong Pengarah, Sektor Sumber Manusia, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis. • Alumni Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) kelas 2013
Panel 3	Encik Wan Muhd Azran bin Muhamad Zuki • Pegawai Penyelidik di Agensi Angkasa Malaysia (MYSA). • Alumni Diploma Perikanan kelas 2004 dan Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) kelas 2006









KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pembangunan pelajar di UMT memainkan peranan penting dalam membentuk mahasiswa yang holistik, berdaya saing, dan berkualiti. Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar dalam aspek akademik, malah turut membantu dalam pembangunan kendiri dan keterampilan mereka sebagai pemimpin masa depan. Dengan sokongan berterusan daripada pihak universiti, setiap mahasiswa UMT dapat memanfaatkan segala peluang yang disediakan bagi mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang serta bersedia menghadapi cabaran global.

FAKTA DAN ANGKA

RM155,137.50
bantuan pelajar sumbangan UMT

RM446,340.00
bantuan pelajar sumbangan agensi luar

31
unit penginapan pelajar luar kampus – Residensi Tembesu

16
anugerah ikon siswa UMT

93.2%
kadar kebolehpasaran graduan

6 Emas, 4 Perak, 6 Gangsa
pencapaian sukan pelajar

881
sesi kaunseling pelajar

Tempat Ke-2
sayembara puisi tari antarabangsa

Malaysian Book of Records
kelab kebudayaan Baratham – gambar penyu terbesar menggunakan cap tangan

11
kategori anugerah ikon alumni UMT



MEMACU PEMINDAHAN ILMU DAN JARINGAN INDUSTRI



PENGENALAN

UMT terus memperkukuhkan hubungan antara komuniti dan industri dengan pelaksanaan pelbagai program pemindahan ilmu dan jaringan industri dengan kerjasama universiti, kerajaan, komuniti, industri, NGO dan persekitaran. Program Pemindahan Ilmu UMT memberi tumpuan kepada penjanaan ekonomi, penghakupayaan komuniti, peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan sosial selari dengan fokus Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu pelaksanaan pendekatan baharu program pemindahan dan perkongsian ilmu dengan merakyatkan hasil penyelidikan dan inovasi universiti untuk manfaat komuniti. Manakala program jaringan industri UMT pula menumpukan kepada Environmental, Social and Governance (ESG), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), penyediaan bakat terbaik negara (industry-ready talent) dan 10 Lonjakan Pendidikan Tinggi Negara.

PEMINDAHAN ILMU DAN MASYARAKAT

Program Pendayaan Komuniti Universiti Awam (Komuniti@UniMADANI)

UMT melalui Program Komuniti@UniMADANI telah melancarkan 12 projek inovatif bagi meningkatkan pendapatan dan kemahiran komuniti setempat di Terengganu. Projek-projek ini merangkumi pelbagai bidang seperti inovasi bubu dan unjam, ternakan ikan air tawar (tilapia dan keli), akuaponik, ternakan tiram, teknologi makanan ikan, ternakan udang umpan hidup, ternakan kelulut, pembiakbakaan ratu kelulut secara in-vitro, penanaman rosel dan penanaman cendawan tiram.

Komuniti@UniMADANI

RM500 ribu
Dana Kementerian Kewangan

12
Projek Inovatif

123
Peserta

IMPAK

- Peningkatan pendapatan peserta antara RM500.00 hingga RM2,500.00 sebulan
- Pengurangan kos operasi
- Peningkatan produktiviti harian
- Akses pasaran produk
- Tingkat kesedaran komuniti tentang kepentingan pengurusan sumber alam lestari





Program Peningkatan Pendapatan Komuniti Menggunakan Sistem Akuaponik Kos Rendah untuk Ternakan Ikan Tilapia



Program Keusahawanan Cendawan Tiram



Program Inovasi Bubu dan Unjam untuk Meningkatkan Pendapatan Masyarakat Madani



Edu-Aqua Park: Penternakan Ikan Keli Komersial Secara Lestari Melalui Aplikasi "Rapid Biofloc" bagi Komuniti Kuala Nerus, Terengganu



Keusahawanan Melalui Inovasi Akuaponik Bersama KRT Telaga Batin, Terengganu



Program Keusahawanan Kelulut untuk Menjana Pendapatan Masyarakat Madani



Projek Pembiakbakaan Ratu Kelulut In-Vitro untuk Penternak Kelulut Terpilih Di Negeri Terengganu



Penuaian Roselle dan Penghasilan Produk



Inovasi Pemakanan dan Teknologi Makanan Ikan Kepada Penternak di Kampung Limau Nipis, Setiu, Terengganu



Pembangunan Projek Ternakan Udang Umpan Hidup



Projek Ternakan Ikan Tilapia untuk Peningkatan Pendapatan Komuniti Madani



Projek Penternakan Tiram Sebagai Sumber Pendapatan Komuniti Madani di Setiu/Marang, Terengganu

Program Sejati MADANI@KPT (Pembangunan Ekonomi Komuniti)

KPT telah merangka dan melaksanakan pendekatan baharu dalam merakyatkan hasil penyelidikan IPT melalui program pemindahan ilmu dengan memperkenalkan Program Sejati MADANI@KPT (Pembangunan Ekonomi Komuniti). Program ini merupakan kerjasama antara KPT dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Model pelaksanaan program ini adalah melalui KPT, yang berkolaboratif dengan semua universiti awam, politeknik dan kolej komuniti bagi memastikan keberkesanan serta penyampaian ilmu yang berkualiti kepada kumpulan sasaran.

Setiap IPT bertindak sebagai pembimbing yang akan membantu komuniti dalam pelaksanaan projek, memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar menerusi perkongsian ilmu dan teknologi serta memantau pelaksanaan bagi mencapai impak iaitu peningkatan pendapatan komuniti.

Ketua Projek	Nama Projek	Komuniti/Lokasi
Prof. Madya Dr. Liew Hon Jung	Akuakultur Integrasi Secara Produktif kepada Komuniti	Kg. Kubang Badak, Kuala Nerus
Profesor Ts. Dr. Lam Su Shiung	Penghasilan Arang Briket daripada Tempurung Kelapa	Kg. Alor Damat, Kuala Nerus
Dr. Tuan Zainazor bin Tuan Chilek	Memperkasa Komuniti JPKK Raja Tepoh, Kuala Nerus dengan Pengetahuan dan Kemahiran dalam Pengurusan Acara	JPKK Raja Tepoh, Kuala Nerus
Prof. Madya Ts. Dr. Amir Izzwan bin Zamri	Kilang Kerepek dan Makanan Gong Nangka	Kg. Gong Nangka, Marang
Dr. Nor Idzwana binti Mohd Idris	Projek Tanaman Fertigasi Gantung	Kg. Seberang Marang, Marang
Prof. Madya Dr. Liew Hon Jung	Projek Ternakan Ikan Tilapia dan Tanaman	Persatuan Penduduk Kampung Padang Limau Nipis, Marang
Prof. Madya Dr. Liew Hon Jung	Projek Ternakan Integrasi Ikan Air Tawar dalam Tangki	Persatuan Kebajikan Penduduk Kampung Padang Pak Wan, Marang
Prof. Dr. Shamsul Bahri bin Abd Razak	Penternakan Kelulut ke Arah Agropelancongan	Kg. Menerong, Ajil
Dr. Norhayati binti Ab Manaf	Projek Pembuatan Produk Kraftangan	Kg. Sungai Berua, Kuala Berang
Dr. Zuha Rosufila binti Abu Hasan	Projek Ekopelancongan Berasaskan Aktiviti Pesisir Pantai	Kg. Kuala Setiu, Setiu

Dr. Tuan Zainazor bin Tuan Chilek	Memperkasa Komuniti Pertubuhan Komuniti Cakna, Kg. Beting Lintang, Besut dengan Pengetahuan dan Kemahiran dalam Pengurusan Tempat Riadah dan Penganjuran Acara dalam Kalangan Komuniti bagi Menjana Pendapatan Tambahan	Pertubuhan Komuniti Cakna, Kg. Beting Lintang, Besut
Dr. Norhidayah binti Abdul Manan	Projek Penternakan Ikan Tilapia dan Keli untuk Peningkatan Pendapatan Komuniti Madani	Kg. Tualang, Kuala Terengganu

Program *Service Learning Malaysia - University for Society* (SULAM) Sesi 2 2024/2025

Program SULAM menggabungkan aktivti pembelajaran dengan khidmat komuniti bagi meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai pelbagai ilmu baharu. Sebanyak tujuh projek telah diluluskan dan dilaksanakan pada Semester 2 Sesi 2024/2025.



Eco-Bricks Plastik

Dilaksanakan oleh pelajar Kursus Alam Sekitar dan Manusia (MMS3033) dengan kerjasama Trash Heroes Chapter, Batu Buruk bagi menyumbang ke arah pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar bagi menjamin kelestarian alam sekitar pada masa akan datang.



Pemerkasaan Pemakanan Sihat Dalam Komuniti

Dilaksanakan oleh pelajar Kursus Pemakanan Komuniti (STM3533) di empat sekolah terpilih bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan pemakanan sihat dalam kalangan pelajar melalui ceramah pemakanan sihat, pengukuran BMI, aktiviti pemerkasaan pemakanan sihat dan pengukuran pengambilan makanan.



Konduktiviti Air Laut

Dilaksanakan oleh pelajar Kursus Fizik Marin (QFZ3113) kepada pelajar SMK Ibrahim Fikri bagi memberi pendedahan tentang ilmu sains fizik dengan membuat beberapa siri sambungan litar untuk menyalakan lampu LED (kuning, merah dan biru) dan menggerakkan motor kipas dengan menggunakan air laut dan air garam.



Hazardous Elicitation and Recovery Operation (HERO): Biodiesel for Sustainability (BEST)

Dilaksanakan oleh pelajar Kursus Pengurusan Sisa Berbahaya dan Terjadual (KAS4423), program ini bertujuan untuk menyebarkan maklumat dan teknologi penghasilan biodiesel daripada minyak masak terpakai dan menyokong untuk mencapai sisa sifar dan ekonomi kitaran.



'Jangang Tohok Minyok Masok, Kito Buat Sabung DIY': Kaedah Penyediaan Sabun Dari Minyak Masak Terpakai 2.0

Dilaksanakan oleh pelajar Kursus Oleokimia (AEC4163) dengan kerjasama bertujuan menyediakan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk komuniti sasaran dalam proses modifikasi minyak masak kepada sabun



Cyber Security Awareness Program

Dilaksanakan oleh pelajar Kursus Keselamatan Siber (CSF3233), program ini bertujuan menggalakkan komuniti menggunakan teknologi digital dengan lebih bertanggungjawab. Program kesedaran ini dilaksanakan melalui pembentangan poster, kuiz, video kreatif (demonstrasi serangan siber, bengkel ringkas) dan (permainan mudah alih).



Memperkasakan Nelayan dalam Keselamatan Pekerjaan di Kawasan Projek Tenaga Boleh Diperbaharui Luar Pesisir di Pantai Tok Jembal

Dilaksanakan oleh pelajar kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNA 3193), program ini bertujuan untuk memperkenalkan konsep tenaga boleh diperbaharui luar pesisir (seperti platform solar terapung dan sistem tenaga ombak) dan bagaimana ia mempengaruhi aktiviti perikanan tempatan.

Pelancaran The Women ICT Frontier Initiative (WIFIDX) di Malaysia

UMT menerima mandat daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menjadi peneraju dalam pelaksanaan program The Women ICT Frontier Initiative (WIFI) di Malaysia. Pengiktirafan ini bukan sahaja mengukuhkan kedudukan UMT sebagai institusi terkemuka, tetapi juga membuktikan komitmen universiti untuk memperkasakan wanita melalui peningkatan pengetahuan serta kemahiran ICT.

Program WIFI dijenamakan semula sebagai WIFIDX dipantau dan diurus oleh 'Asian and Pacific Training Center for Information and Communication Technology for Development (APCICT)' di bawah naungan PBB. WIFIDX Malaysia dilaksanakan oleh sekretariat khas WIFIDX UMT yang terdiri daripada ahli akademik pelbagai bidang kepakaran bagi menyumbang kepada pelaksanaan program ini.

Majlis pelancaran WIFIDX telah disempurnakan oleh Tuanku Canselor UMT, Sultanah Terengganu di Majlis Santapan Petang sempena Majlis Konvokesyen UMT Kali Ke-22 bertempat di Pusat Konvensyen, Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu pada 19 Oktober 2024.



Program Pemindahan Ilmu Sedili, Kota Tinggi, Johor

Melalui beberapa siri perbincangan, lawatan dan karnival yang telah diadakan, UMT telah melaksanakan tiga projek pemindahan ilmu kepada penduduk Sedili, Kota Tinggi, Johor. Ketiga-tiga projek tersebut ialah Projek Ternakan Kelulut, Penanaman Cendawan dan Penghasilan Sabun daripada Minyak Terpakai. Projek ini telah dibiayai oleh pihak KPT melalui Dana Khas Knowledge Transfer Programme (KTP) Kota Tinggi dan UMT berjumlah RM108,300.00. Projek-projek ini telah selesai dilaksanakan pada November 2024.



Projek Teras: Ternakan Kelulut

- Dana berjumlah RM50,020.00
- Ketua Projek: Prof. Dr. Shamsul Bahri bin Abd Razak
- 20 orang peserta golongan B40
- Kawasan Perumahan PPRT Sedili Kecil, Kota Tinggi, Johor



Projek Sokongan: Penanaman Cendawan Tiram

- Dana berjumlah RM39,290.00
- Ketua Projek: Prof. Madya Ts. Dr. Vigneswari a/p Sevakumaran
- 16 orang peserta (suri rumah dan warga Sekolah Rendah Sedili Besar, Kota Tinggi, Johor)





Projek Sokongan: Projek Penghasilan Sabun DIY dari Minyak Masak Terpakai

- Dana berjumlah RM18,990.00
- Ketua Projek: Prof. Madya Ts. Dr. Tuan Nurul Sabiqah binti Tuan Anuar
- 16 orang peserta (Persatuan Ibu Tunggal dan Suri Rumah)
- Tanjung Sedili, Kota Tinggi, Johor

Program Keusahawanan Kelulut Menjana Pendapatan Masyarakat Madani Pangkor, Perak

Pada 22 Oktober 2024, UMT telah memulakan projek rintis selama enam bulan di Pulau Pangkor dengan memperkenalkan Program Keusahawanan Kelulut untuk menjana pendapatan masyarakat Madani Pangkor, Perak melalui dana dalaman UMT yang dikendalikan oleh Penyelidik UMT iaitu Profesor Dr. Shamsul Bahri bin Abd Razak. Sebanyak 20 log kelulut telah ditempatkan di Kampung Tengah, Teluk Raja Bayang Pulau Pangkor yang merupakan lokasi strategik kerana terdapat sumber tumbuhan dari kawasan hutan simpan kekal berdekatan yang mampu menghasilkan madu kelulut dengan banyak dan berkualiti tinggi. Pada peringkat permulaan, seramai 10 orang peserta telah terlibat secara langsung dalam projek ini dan akan berakhir pada April 2025. Kawasan ini juga akan dikembangkan menjadi salah satu kawasan eko pelancongan di Pulau Pangkor pada masa hadapan.



PROGRAM UNIVERSITY CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (UCSR)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia - Bank Simpanan Nasional dengan Kerjasama UMT

Pada tahun 2024 salah satu Program University Corporate Social Responsibility (UCSR) yang telah dilaksanakan adalah program bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN). Sekolah Rendah Kebangsaan Pulau Redang, Terengganu telah terpilih sebagai lokasi program yang telah diadakan pada 15-17 Julai 2024. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan seperti penyerahan bantuan persekolahan kepada 40 pelajar asnaf oleh BSN, 100 kampit beras dan barang keperluan harian kepada penduduk setempat oleh Kelab KDRM Kuala Terengganu manakala UMT telah menyumbang keperluan buku untuk kegunaan perpustakaan sekolah. Selain itu, kerja-kerja pembaikian makmal sekolah juga turut dilaksanakan melalui sumbangan dana oleh BSN.








PROGRAM JARINGAN INDUSTRI 2024

Berdasarkan Lonjakan tujuh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025), untuk terus berkembang pesat, ekosistem ini memerlukan perkongsian kerjasama yang menggabungkan Universiti, Kerajaan, Komuniti, Industri dan Mampan (quandra helix).

Berdasarkan pencapaian Pelan Strategik UMT 2023-2027, sehingga akhir 2024, UMT telah menjalinkan sebanyak 97 jaringan industri baharu dengan pelbagai syarikat/agensi. UMT juga telah melaksanakan sebanyak 160 program bersama industri secara keseluruhan.



PEMETERAIAN MOU DAN MOA

Pada tahun 2024, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menandatangani 10 Memorandum Perjanjian (MoA) dan sembilan Memorandum Persefahaman (MoU) dalam negara serta tujuh MoA dan 16 MoU bersama rakan industri luar negara. Secara keseluruhan, sebanyak 42 MoU/MoA telah ditandatangani bersama rakan strategik dalam dan luar negara.




Blue Archipelago
KUANTAN PORT
celcomdigi
SEATECH
Trusted Solutions
EASTERN STEEL SDN. BHD.
VENATOR
HDC
OMAHAMS
ECER
DEVELOPMENT COUNCIL
CPF
PETRONAS
newell
BRANDS
PKT
SIRIM
PTP
RHB
SATU
FAMA
PRIGEL
NakTutor
TERENGGANU INC
UZMA
TDA
Aims-Global
CU
EPIC
TALENTBANK
GTR
TOURISM MALAYSIA
BANK ISLAM
CIMB
PROTON
LEMBAGA SUMBER AIR TERENGGANU
SMECORP
CME
TalentCorp
GROUP OF COMPANIES
SARAWAK
FORESTRY
THRDC
SSM
FGV
SALIHIN
PERKESO
grabpeladang
AL ISRA
TEKUN NASIONAL
TERENGGANU SILICA
hidrokinetik technologies
DGeG
EMZI
Kumpulan Syarikat EMZI
MTDC
KBC
ALLIANCE STEEL
Great Eastern
JSME
PETROSAINS
ONEXOX
Leave a Nest
LEDAKAN DIGITAL
emart24
TERENGGANU SKILLS
ACCA
coway
Micron
ZETY ROSES
alam
SOGO
TSIS
Radicare
KOSISWA
Neutragize
Your Water Expert
EMZI
Kumpulan Syarikat EMZI
aquaria
mapskart
REKA
IMAP2U
AmSpec
PAHANG SKILLS
ORtech:
ENTOMAL
OCEAN HYDRO
CBS LIGHTS
ERICSSON
AdeqSue
CGS
International
PUBLIC MUTUAL
alam
Alltech
AMIM
Yayasan PETRONAS
TLP
TLP Terminal
WWF
MiGHT
AKPK
SY
mabo
PETROLEUM
KRU
Mastra
KETENGAH
KHADIJAH INTERNATIONAL WAQF (L) FOUNDATION
ITBM
MIMA
TerraDrone
MIMOS
KONSORTIUM
MPC
PERMULA
CyberSecurity
MALAYSIA
NAHRIM
INCHCAPE
GWG
SWCorp
MARALINER

MALIM INDUSTRI UMT

Bagi memperkasa hubungan universiti-industri, UMT telah melantik 27 orang tokoh di Malaysia dalam pelbagai bidang sebagai Malim Industri bagi membantu melonjakkan citra UMT di peringkat nasional dan global. Pelantikan Malim Industri adalah penting bagi membantu UMT sebagai penasihat terhadap hala tuju dan perancangan strategik di antara UMT dengan industri serta membimbing dan memberi khidmat nasihat kepada pensyarah/penyelidik dalam meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran produk inovasi dan penyelidikan UMT.



Malaysia International Marine Expo (MIMEX) 2024

UMT terus menunjukkan komitmennya dalam bidang sains maritim dan kelautan melalui penyertaan aktif dalam Malaysia International Marine Expo (MIMEX) 2024 di Kuala Lumpur Convention Centre. Sebagai pempamer dan urusetia sesi *pocket talk*, UMT menonjolkan peranannya dalam menyumbang kepada pembangunan industri maritim negara.

UMT mempamerkan produk penyelidikan seperti model kapal, peralatan SCUBA, bioteknologi kelautan, dan teknologi lestari. Sesi pocket talk memberi peluang kepada pelajar dan penyelidik untuk berinteraksi dengan profesional industri serta mendapatkan maklum balas berharga. Kehadiran Naib Canselor sebagai Pengucap Utama dalam Forum Industri turut memperkukuhkan reputasi antarabangsa UMT.

Penyertaan UMT dalam MIMEX 2024 menegaskan keupayaannya menjalin hubungan erat dengan industri dan menyokong pembangunan lestari melalui inovasi teknologi. Ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi mampu menjadi pemangkin kepada penyelesaian praktikal bagi pertumbuhan ekonomi negara sambil memelihara sumber maritim.



Program Industry & Career Expo 2024 (ICE2024)

UMT melalui PPIJIM telah menganjurkan Industry & Career Expo 2024 (ICE2024) dengan tema "Building Tomorrow's Talent through Smart University-Industry Partnership".

Program ini merangkumi pelbagai aktiviti seperti pelantikan 27 Malim Industri UMT, forum, syarahan jemputan, career coaching, perkongsian ilmu dan teknologi, temuduga pelajar, serta pameran. ICE2024 merupakan gabungan UMT Industrial Week (UIW) dan Career, Entrepreneurship and Skills Festival (CESF) 2024, dengan sokongan fakulti serta institut di UMT.

Majlis ini turut menyaksikan peluncuran UMT Hub of Industry Visibility & Excellence (UMT HIVE), yang menampilkan sebuah papan tanda memaparkan logo syarikat rakan industri UMT sebagai penghargaan terhadap kerjasama mereka. Platform ini memperkukuhkan hubungan UMT dengan industri, sekaligus memperkasakan pembangunan bakat dan keterlihatan akademik dalam sektor profesional.



SOROTAN AKTIVITI JARINGAN INDUSTRI







Program Kunjungan Hormat Shin Yang Group Berhad ke UMT

4 Februari 2024 | Universiti Malaysia Terengganu





Program "Macroergonomics Workplace Assessment (MERWA) for Industrial Hygiene and Ergonomics Compliance"

20 Februari 2024 | Universiti Malaysia Terengganu





Program PKT's 50th Anniversary Maritime Night 2024

4 Februari 2024 | Petaling Jaya, Selangor





Majlis Pelantikan Rakan Industri Pusat Inovasi Strategik UMT

24 April 2024 | Universiti Malaysia Terengganu



International Logistics Symposium 2024 (ILS2024) & Logistics Industrial Forum 2024 (LIF2024)

27-29 April 2024 | The Ship Campus, Batu Kawan, Pulau Pinang





Program Lawatan Ke Royal Boat Hangar, Mersing, Johor

15 Mei 2024 | Royal Boat Hangar, Mersing, Johor





Perbincangan & Lawatan Ke Eastern Steel Sdn. Bhd.

16 Mei 2024 | Eastern Steel Sdn. Bhd., Kemaman, Terengganu





Perbincangan Kolaborasi Peluang Pekerjaan UMT-ECERDC-Encompass Industries Sdn. Bhd.

16 Mei 2024 | Encompass Industries Sdn. Bhd., Dungun, Terengganu





Lawatan dan Perbincangan Bersama Delegasi dari Engineering Technology Accreditation Council (ETAC)

28 Mei 2024 | Universiti Malaysia Terengganu





Perbincangan dan Lawatan ke Malaysia Rail Link Berhad

15 Julai 2024 | Malaysia Rail Link Berhad, Kuala Lumpur




Program Malaysian Maritime Week 2024

31 Julai – 2 Ogos 2024 | Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur




Kunjungan Hormat dan Perbincangan Kerjasama Ekonomi Biru Antara UMT-MIMA

18 Ogos 2024 | Universiti Malaysia Terengganu





Kunjungan Hormat Ketua Pegawai Eksekutif RHB Islamic Sdn. Bhd.

18 Ogos 2024 | Universiti Malaysia Terengganu




Kunjungan Hormat Delegasi Huawei Malaysia

27 Ogos 2024 | Universiti Malaysia Terengganu




Program Perbincangan Meja Bulat Ekonomi Biru
23 September 2024 | The Everly Hotel, Putrajaya




Perasmian UMT Hub of Industry Visibility & Excellence (UMT HIVE)
10 Oktober 2024 | Universiti Malaysia Terengganu




Perasmian Industri on Campus: UMT-CGS East Coast Trading
11 Oktober 2024 | Universiti Malaysia Terengganu





Kunjungan Hormat Ketua Pegawai Eksekutif CELCOMDIGI Berhad
4 November 2024 | Universiti Malaysia Terengganu





Kunjungan Hormat UMT ke Tekun Nasional

11 November 2024 | Ibu Pejabat Tekun Nasional, Kuala Lumpur





Malaysia Maritime Industry International Conference 2024

26 November 2024 | The Institution of Engineers, Malaysia (IEM), Petaling Jaya



KESIMPULAN

Komitmen UMT dalam memperkukuh pemindahan ilmu dan jaringan industri terus direalisasikan melalui pelbagai inisiatif dan program berimpak tinggi. Pelaksanaan pelbagai program dan kerjasama strategik dengan rakan industri bukan sahaja meningkatkan keterlihatan UMT dalam sektor akademik dan profesional, tetapi juga memastikan ilmu yang dihasilkan dapat diterjemahkan kepada aplikasi praktikal yang memberi manfaat kepada masyarakat dan industri.

Hubungan dengan industri diperkukuh bagi membangunkan modal insan yang berdaya saing serta menyumbang kepada ekosistem inovasi dan ekonomi negara. Inisiatif ini mencerminkan komitmen UMT dalam menjadikan pemindahan ilmu sebagai pemangkin pembangunan lestari, sejajar dengan aspirasi negara untuk mencapai kemajuan dalam ekonomi berasaskan pengetahuan. Dengan usaha yang berterusan dan kerjasama erat antara universiti, industri, dan masyarakat, UMT mampu menonjolkan peranannya sebagai institusi peneraju dalam bidang maritim dan kelautan di peringkat global.

FAKTA DAN ANGKA

12
projek inovatif
Program Komuniti @UniMADANI

7
projek program SULAM

12
projek program sejati
MADANI@KPT

RM108,300.00
dana Khas KTP Kota Tinggi

27
malim industri

97
jaringan industri baharu

160
program bersama industri

RM500,000.00
dana oleh Kementerian Kewangan



KETERLIHATAN GLOBAL



PENGENALAN

UMT komited untuk memperkukuhkan kedudukan dan keterlihatannya di peringkat antarabangsa melalui inisiatif yang berteraskan keterlihatan global. Selaras dengan Pelan Strategik UMT (PSUMT), teras ini bertujuan untuk meningkatkan reputasi universiti sebagai pusat kecemerlangan akademik dan penyelidikan bertaraf dunia. Fokus utama dalam keterlihatan global merangkumi kerjasama strategik antarabangsa, peningkatan penerbitan berimpak tinggi, penglibatan dalam jaringan akademik global, serta penarafan dan pengiktirafan antarabangsa. Melalui usaha ini, UMT berhasrat untuk menjadi hab ilmu yang diiktiraf di peringkat global dalam bidang sains marin dan sumber akuatik serta disiplin lain yang berkaitan. Melalui pelaksanaan strategi ini, UMT bertekad untuk terus meningkatkan pengaruh dan keterlibatan di peringkat global, sekali gus menjadikan universiti ini sebagai institusi pendidikan tinggi yang dihormati di arena antarabangsa.



Pelajar Antarabangsa

UMT terus gigih dalam menarik minat pelajar antarabangsa dari pelbagai negara untuk melanjutkan pengajian di UMT. Pada tahun 2024, seramai 988 orang pelajar antarabangsa dari 45 buah negara mengikuti pengajian di UMT. Daripada jumlah ini, seramai 626 orang adalah pelajar sepenuh masa manakala selebihnya merupakan pelajar non-graduating yang mengikuti program mobiliti berkredit berdurasi dua minggu dan ke atas.


Kemasukan pelajar antarabangsa memberikan impak positif yang signifikan kepada UMT. Kehadiran mereka dapat memperkayakan suasana pembelajaran dengan kepelbagaian budaya dan perspektif global. Di samping itu, jaringan hubungan antarabangsa yang terjalin melalui pelajar-pelajar ini membantu memperluas pengaruh UMT di arena global.

NEGARA	BILANGAN PELAJAR
Indonesia	284
Bangladesh	157
Jordan	138
Pakistan	69
Nigeria	49
China	45
Sepanyol	37
India	28
Yaman	25
Belgium	20
Uzbekistan	18
Thailand	17
Scotland	16
Jepun	15
Sudan	11
Mesir	7
Palestin	6
Iran	4
Algeria	3
Syria	3
Ghana	2
Iraq	2
Libya	2
Mauritius	2
Oman	2
Somalia	2
Taiwan	2
Tanzania	2
Tunisia	2
Amerika Syarikat	3
Kenya	1
Poland	1
Australia	1
Brunei	1
Kanada	1
Perancis	1
Jepun	1
Kazakhstan	1
Maldives	1
Namibia	1
Korea Selatan	1
Sri Lanka	1
United Kingdom	1
Vietnam	1
Cameroon	1
JUMLAH	**988**

Jaringan Antarabangsa

UMT terus memperkukuh jaringan antarabangsa melalui kerjasama strategik dengan pelbagai institusi luar negara. Usaha ini meningkatkan reputasi universiti serta membuka peluang dalam bidang akademik, penyelidikan, dan mobiliti pelajar.

Pada tahun 2024, UMT telah melaksanakan sebanyak 499 program bersama institusi luar negara dan secara kumulatif, UMT telah merekodkan sebanyak 87 MoU dan 21 MoA bersama pelbagai negara.



Bilangan MoU dan MoA aktif



Bilangan MoU aktif mengikut negara bagi tahun 2024



Bilangan MoA aktif mengikut negara bagi tahun 2024

Mobiliti Antarabangsa Pelajar

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh fakulti dan institut untuk memastikan pencapaian mobiliti *inbound* dan *outbound* selari dengan KPI yang ditetapkan. Pada tahun 2024, UMT telah menerima seramai 362 orang pelajar luar negara mengikuti program mobiliti *inbound* manakala seramai 463 orang pelajar UMT mengikuti program mobiliti *outbound* ke luar negara.

AKTIVITI BERIMPAK BERSAMA INSTITUSI ANTARABANGSA

12 Asean Workshop on Information Science and Technology (AWIST) 2024

UMT melalui Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) telah menjadi tuan rumah bagi 12th ASEAN Workshop on Information Science and Technology (AWIST) 2024 yang telah diadakan pada 11-13 Ogos 2024. Program ini dijayakan dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Japan Advanced Institute of Science and Technology (JAIST), Universitas Komputer Indonesia (UNIKOM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Selain mengukuhkan hubungan antara institusi-institusi tersebut, kerjasama ini juga membuka peluang bagi mobiliti pelajar ke Jepun pada tahun 2025 dan penyertaan pelajar JAIST dalam program FSKM Summer School 2025.

FSKM telah meraih Anugerah Penyampai Terbaik dalam AWIST 2024 yang bukan sahaja mengiktiraf kecemerlangan fakulti, tetapi juga memperkukuh reputasi FSKM di peringkat antarabangsa. Kerjasama ini dijangka menghasilkan memorandum persefahaman (MoU) antara FSKM dan JAIST, yang akan memperkukuhkan lagi hubungan akademik dan membuka lebih banyak peluang untuk penyelidikan bersama serta program mobiliti pelajar pada masa akan datang.



2nd International Conference on Emerging Technologies and Sustainability (ICETS 2024)

Persidangan 2nd International Conference on Emerging Technologies and Sustainability (ICETS 2024) telah berlangsung pada 31 Ogos hingga 1 September 2024 hasil kerjasama antara UMT, Universitas Pamulang (UNPAM) Indonesia dan Badan Riset dan Inovasi Nasional (BRIN) Indonesia. Persidangan ini juga merupakan inisiatif untuk membudayakan perkongsian hasil penyelidikan melalui pembentangan lisan dan penerbitan dalam kalangan penyelidik dari pelbagai bidang kepakaran.

Melalui kerjasama ini, Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani bersama lima universiti iaitu Universitas Telkom Bandung, Universitas Islam Bandung, Universitas Cendekia Abditama, Universitas Multimedia Nusantara, dan Universitas Yatsi Madani. Melalui MoU ini, kerjasama jangka panjang antara universiti dapat diperkukuhkan dengan membuka peluang penyelidikan bersama, mobiliti pelajar dan pertukaran staf akademik.



Kolokium Antarabangsa Pengajian Melayu

UMT melalui Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Universiti Fatoni, Thailand telah menganjurkan Kolokium Antarabangsa Pengajian Melayu (KAPM 2024) pada 10 September 2024. Program ini dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMT, Prof. Dr. Mohd Izani bin Mohd Zain manakala ucaptama program disampaikan oleh Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Haji Awang bin Sariyan. Tema yang dibawakan adalah "Memartabatkan Pengajian Melayu di Persada Antarabangsa".

Program ini membuka ruang perkongsian ilmu dan pemikiran antara pakar pengajian Melayu di peringkat antarabangsa. Ia menjadi platform kepada para akademik dan penyelidik untuk membincangkan pelbagai aspek pengajian Melayu selain memperkukuhkan kedudukan bahasa dan budaya Melayu di persada dunia.



Simposium Pendidikan dan Ketamadunan

Simposium Pendidikan dan Ketamadunan (SPK 2024) adalah sebuah program ilmiah yang menggabungkan dialog intelektual merentas pelbagai disiplin. Program yang bertemakan Ketamadunan dan Peradaban, Komunikasi dan Bahasa serta Pendidikan dan Agama ini telah berlangsung pada 16 Disember 2024 bertempat di Pusat Islam Sultan Mahmud, UMT.

Simposium ini dianjurkan secara bersama oleh UMT melalui PPAL serta Fakultas Dakwah dan Komunikasi, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Banda Aceh, Indonesia. Program ini juga menekankan matlamat pembangunan lestari melalui perkongsian ilmu yang selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) ke-4 iaitu Pendidikan Berkualiti, dan SDG ke-17 iaitu Kerjasama untuk Pembangunan Lestari.



Sedekad Program TROPIMUNDO UMT

Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), UMT sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) terus mengekalkan reputasi sebagai rakan kongsi penuh University Libere Brussels (ULB), Belgium bagi pelaksanaan program antarabangsa kursus MSc. Erasmus Mundus dalam Biodiversiti Tropika dan Ekosistem (TROPIMUNDO) sejak tahun 2014. Tahun ini merupakan tahun ke-10 penganjuran program TROPIMUNDO dan ia diteruskan melibatkan

19 orang pelajar antarabangsa dari 11 buah negara seperti Belgium, Perancis, Filipina, Jepun, Amerika Syarikat, Filipina dan Sepanyol. Pelajar TROPIMUNDO mengikuti pengajian termasuk menjalani kerja-kerja lapangan selama lima bulan di UMT dan memfokuskan kajian dalam penyelidikan bidang botani, zoologi serta ekosistem integratif.

Bagi meningkatkan keterlihatan global INOS selaku HICoE Negara dalam bidang oseanografi dan sains marin, INOS sedang dalam proses menaiktaraf UMT sebagai rakan institusi pemberi ijazah TROPIMUNDO. Inisiatif ini diharap akan dapat meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa pascasiswazah penyelidikan di samping menonjolkan kepakaran penyelidikan UMT di peringkat antarabangsa.



Program Mobiliti *Inbound* Berkredit Bersama Universitas Negeri Malang, Indonesia

Pada 13 Mei 2024 hingga 4 Jun 2024, UMT telah menerima seramai 10 orang pelajar Program Bioteknologi, Departemen Sains Gunaan, Universitas Malang, Indonesia untuk mengikuti Program mobility *inbound* berkredit. Program ini dilaksanakan bersama Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM), UMT melalui Program Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran).



Program Mobiliti *Outbound* Pelajar UMT di Nagasaki University, Jepun

Lima orang pelajar UMT telah terpilih untuk menjalani program mobiliti antarabangsa di Nagasaki Universiti, Jepun pada 5 April hingga 26 Jun 2024. Mereka terdiri daripada tiga orang pelajar program Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) dan dua orang pelajar program Sarjana Muda Sains Akuakultur. Selain UMT, program tajaan kerajaan Jepun di bawah inisiatif CAMPUS Asia Plus Project "Asia Fisheries and Marine Environment Leaders Program (AFIMA Leaders Program)" ini turut melibatkan pelajar daripada Pukyong National University (PKNU), Korea Selatan dan Ocean University of China (OUC), China. Kelima-lima orang pelajar ini juga melalui pengalaman menyambut Aidilfitri 2024 di perantauan semasa menjalani program mobilti ini.



Program International Math Aid+ Scholar

Program International Math Aid + Scholar telah dilaksanakan pada 24 Mac hingga 1 April 2024 oleh 16 orang pelajar Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM), UMT. Program ini telah diadakan di dua buah sekolah di Indonesia iaitu Madrasah Muallimin dan Madrasah Muallimat Muhammadiyah, Yogyakarta melibatkan seramai 100 orang peserta. Fakulti Sains Komputer dan Matematik adalah selaku urus setia bagi program ini. Aktiviti yang dijalankan bertujuan untuk memperkukuhkan lagi kerjasama serta memberi pendedahan kepada peserta dalam pelbagai bidang berkaitan.









KESIMPULAN

Melangkah ke hadapan, UMT terus berusaha memperluas jaringan antarabangsa dan memanfaatkan peluang kerjasama dengan institusi pengajian tinggi di luar negara. Kolaborasi ini merangkumi pelbagai aspek seperti pertukaran pelajar, program penyelidikan bersama, latihan akademik, serta penyertaan dalam projek dan aktiviti bertaraf antarabangsa. Melalui usaha ini, UMT bukan sahaja dapat meningkatkan kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran, malah mengukuhkan jaringan global yang memberi manfaat khususnya kepada pelajar dan pensyarah. Ini juga menunjukkan bahawa UMT peka terhadap perkembangan pendidikan global dan berusaha untuk memastikan pelajarnya memperoleh pendedahan serta pengalaman antarabangsa yang bernilai.

FAKTA DAN ANGKA

988
pelajar antarabangsa

87 MoU **21** MoA

488
program jaringan antarabangsa

825
pelajar mobiliti antarabangsa

10
tahun program TROPIMUNDO di UMT





PEMANTAPAN CITRA



PENGENALAN

UMT beriltizam untuk memperkukuh kedudukan sebagai sebuah universiti berfokuskan marin dan akuatik bertaraf dunia. Dalam landskap pendidikan tinggi yang semakin mencabar, keterlihatan UMT di pentas tempatan dan global menjadi kunci utama dalam melonjakkan reputasi universiti ini setanding dengan institusi terkemuka dunia. Menyedari hakikat ini, UMT komited melaksanakan langkah-langkah bersepadu dan strategik, dengan pendekatan inovatif dan berpaksikan kecemerlangan sejajar dengan visi sebagai Universiti Berfokus Marin Terunggul Dalam Negara dan Disegani di Peringkat Global. Dengan semangat kesepaduan seluruh warganya, UMT bersedia untuk terus mengorak langkah memperkukuh nama di persada antarabangsa.

PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

UMT telah mencapai beberapa pencapaian dan pengiktirafan penting dalam penarafan universiti. Kejayaan ini membuktikan bahawa UMT berada dalam landasan yang kukuh setanding dengan universiti terkemuka lain. Ini dapat dilihat melalui pencapaian UMT menerusi sistem penarafan universiti yang melonjakkan nama UMT ke peringkat global.

The World University Rankings 2024

UMT telah tersenarai pada kedudukan 1,001-1,200 universiti terbaik dunia berdasarkan penarafan oleh Times Higher Education (THE) World University Rankings 2024 yang merentasi 31 negara dan wilayah. Lebih membanggakan, UMT berada pada kedudukan 301-350 di Asia manakala dalam kategori THE Young University Rankings pula, UMT berada pada tangga 251-300. Selain itu, UMT juga mencatat pencapaian membanggakan melalui pengiktirafan beberapa subjek.



1,001-1,200



301-350



251-300



Physical Sciences

801-1,000



Life Sciences

801-1,000



Engineering

501-600



Business and Economics

401-500



Social Sciences

801+

QS World University Ranking

QS World University Ranking 2024 menampilkan pelbagai institusi merentasi 104 lokasi dan merupakan satu-satunya penarafan yang memberi penekanan kepada kebolehpasaran dan kemampanan. UMT tersenarai dalam QS World University Rankings pada kedudukan 1,001 — 1,200. UMT juga berjaya mengekalkan kedudukan dalam kelompok 200 universiti terbaik Asia melalui QS Asian University Rankings. Di samping itu, UMT berada pada kedudukan ke-554 dalam QS World University Ranking: Sustainability dan berada pada tangga ke-251-300 bagi QS World University Rankings by Subject: Agriculture and Forestry.

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS

1,001-1,200

QS UNIVERSITY RANKINGS ASIA

195

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS

Sustainability

554

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS by subject

Agriculture and Forestry

251-300

UI Greenmetric

UI Greenmetric merupakan indikator yang menilai usaha ke arah kelestarian dan mewujudkan kampus hijau di universiti. UMT telah menyertai penarafan UI Greenmetric sejak 2017 dan berjaya menduduki tangga ke-160 daripada 1,477 penyertaan dari seluruh dunia pada tahun 2024.



Sistem Pengumpulan Data Universiti Awam (MyMoheS)

Sistem Pengumpulan Data Universiti Awam (MyMoheS) merupakan sistem yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mengumpul data dari semua IPTA berkaitan staf, penyelidikan dan pembangunan, pelajar dan maklumat institusi serta disimpan dalam satu gudang data. Pada tahun 2024, UMT berjaya mencapai penarafan lima bintang dan menjadi satu-satunya universiti yang mendapat markah 100% bagi penilaian kualiti data yang menepati kriteria kualiti yang ditetapkan. Inisiatif ini meningkatkan kualiti dan kecekapan dalam pengurusan data bagi tujuan pelaporan MyMoheS.

MyMoheS

KETERLIHATAN UMT MELALUI PLATFORM DIGITAL

Seiring dengan keperluan masyarakat dan peredaran maklumat, UMT turut memperkemaskan media sosial dalam meningkatkan citra dan keterlihatan UMT mengikut keperluan semasa.

210,921 Followers	**24,118** Followers	**4,202** Followers	**7,277** Followers	**3,547** Followers	**10,500** Followers

PROGRAM PROMOSI DAN PUBLISITI 2024

UMT secara proaktif menganjurkan pelbagai program promosi dan publisiti bagi memperkukuh keterlihatan melalui penglibatan dalam pelbagai program seperti pemindahan ilmu kepada masyarakat dan promosi akademik kepada pelajar. Inisiatif promosi akademik merangkumi penyertaan dalam program anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu 'Jom Masuk U', Karnival Pendidikan Kerjaya di Kolej Matrikulasi, Program Outreach Bersama Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Politeknik, sekolah harian serta pelbagai aktiviti promosi lain melibatkan pelbagai agensi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Usaha ini bertujuan untuk menarik minat pelajar dan menjadikan UMT sebagai pilihan utama melanjutkan pengajian mereka.

Pameran	Jom Masuk U	Outreach SBP	Lawatan Sekolah	Matrikulasi
21	10	1	39	16

Jumlah **87**



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DAN MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA)

UMT sentiasa proaktif dalam menjalinkan kolaborasi akademik dan penyelidikan di peringkat antarabangsa mahupun kebangsaan bagi meningkat jalinan kerjasama pintar UMT dengan pelbagai agensi.

Pada tahun 2024, UMT telah memeterai sebanyak 42 MoU/MoA dengan sejumlah 25 daripadanya dimeterai bersama agensi antarabangsa manakala selebihnya bersama agensi dalam negara.



MoU/MoA Tempatan

- Balavat Bayu Sdn. Bhd.
- Rca-Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan
- Maritime Institute of Malaysia (MIMA)
- Nature Sustainable Ecosystem Society (NEST)
- Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)
- Nothern Kuala Lumpur International College
- Research Collaboration Agreement Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaysia Sabah
- Yayasan Inovasi Malaysia
- Ra-Nutritions Technologies Sdn. Bhd.
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- Collaboration Agreement – Malaysian Financial Planning Council (MFPC)
- Research Agreement – Abeadi Group Sdn. Bhd.
- Institut Kimia Malaysia
- RHB Islamic Bank Berhad
- Uniti Office Sdn. Bhd.
- Creative World Industries Sdn. Bhd.
- Idwal System Sdn. Bhd.

MoU/MoA Antarabangsa

- Universitas Ibnu Sina, Indonesia
- Research Organization for Earth Science and Maritime, The National Research and Innovation Agency, The Republic of Indonesia
- Ocean University of China
- National Kaohsiung University of Science and Technology, Taiwan
- Rca-Beijing Ymzy Technology Development Co. Ltd.
- National Academy of Marine Research, Taiwan
- Research Collaboration Agreement Tropical Futures Institute Limited, Singapore
- Institut Teknologi Sepuluh Nopember, Indonesia
- Charoen Pokphand Group Co. Ltd., Thailand
- King Mongkut Institute of Technology Ladkrabang, Thailand
- Changwon National University, Korea Selatan
- Inve Technologies Nv Belgium
- Tianjin University of Science and Technology, China
- University of The Philippines Visayas
- Southeast Asian Fisheries Development Center (Seafdec), Thailand
- University of Mataram, Indonesia
- Bogor Agricultural University, Indonesia
- Collaboration Framework: Lancet Countdown, The United Kingdom
- Tunghai University, Taiwan
- Universitas Karimun, Indonesia
- Agritec Plant Research Ltd. Czech Republic
- Universitas Jambi, Indonesia
- Fourth Institute of Oceanography (China-Asean Countries Joint Research and Development Center of Marine Science and Technology) Ministry of Natural Resources, China
- First Institute of Oceanography, Ministry of Natural Resources


UMT



MOU SIGNING CEREMONY
UMT & RHB ISLAMIC BANK
23 August 2024
RHB

Liputan UMT di Media Massa

Sepanjang tahun 2024, UMT telah mendapat sebanyak 1,313 liputan media massa merangkumi media cetak, elektronik dan secara dalam talian. Manakala bilangan Advertising Sales Rate (ASR) adalah sebanyak RM11,371,616.68.















PEMANTAPAN CITRA MELALUI PROGRAM BERIMPAK TINGGI

Makmal UMT Diiktiraf Badan Standard Negara


UMT terus mengukuhkan reputasinya sebagai universiti berfokus marin terunggul melalui pengiktirafan antarabangsa terhadap kemudahan makmal penyelidikannya. Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP) telah menerima akreditasi MS ISO/IEC 17025:2017 daripada Jabatan Standard Malaysia, menjadikannya makmal keempat UMT yang mendapat pengiktirafan tersebut. Akreditasi ini membuktikan keupayaan AKUATROP dalam menyediakan perkhidmatan ujian dan pengurusan makmal bertaraf antarabangsa, serta mengukuhkan statusnya sebagai Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (HICoE). Naib Canselor UMT, Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Zamri bin Ibrahim menegaskan komitmen UMT untuk terus memacu penyelidikan dan inovasi yang memberi manfaat kepada masyarakat serta menepati piawaian global.



UMT Anjur Karnival World Oceans Week 2024

Karnival World Oceans Week (WOW) diadakan setiap tahun sempena World Oceans Day (WOD) pada 8 Jun. UMT telah menjadikan sambutan WOW sebagai acara tahunan sejak 2012 dengan tujuan menghayati peranan laut dalam kehidupan. WOW 2024 bertemakan "Catalyzing Action for Our Ocean & Climate" telah diadakan pada 7 – 8 Jun 2024 di KTCC Mall, Kuala Terengganu. Karnival ini melibatkan pelbagai aktiviti berfokuskan laut dan marin serta penglibatan pelajar, staf, agensi dan komuniti tempatan serta kebangsaan. Salah satu acara utama iaitu Beach Clean Up, menyaksikan 180 peserta mengumpul satu tan sampah dalam masa satu jam. Karnival ini menjadi platform meningkatkan kesedaran sosial tentang pentingnya menjaga alam sekitar, memulihara biodiversiti marin dan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai peranan laut dalam kehidupan seharian.









UMT Usaha Tingkatkan Warisan Manuskrip Al-Quran Terengganu di Peringkat Antarabangsa

UMT telah memulakan usaha untuk mengangkat Manuskrip Al-Quran Terengganu sejak 2018. Manuskrip Al-Quran Terengganu diakui sebagai yang paling indah di Asia Tenggara kerana keindahan warna, motif unik pada iluminasi dan kaligrafi yang kekal utuh. Melalui kerjasama strategik dengan British Library, UMT telah menjalankan penyelidikan mendalam terhadap 55 manuskrip Al-Quran yang tersebar di Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, dan Qatar. Selain itu, UMT turut mendapatkan sokongan daripada Ericsson, syarikat telekomunikasi gergasi dari Sweden, untuk membangunkan Galeri Digital Warisan Budaya di UMT serta mendigitalkan enam manuskrip Al-Quran Terengganu menggunakan teknologi realiti terimbuh (Augmented Reality).

Inisiatif ini diperluas dengan kerjasama Digital Nasional Berhad (DNB), yang mempamerkan AR Manuskrip Terengganu di Portal My5G di Menara Exchange 106, Tun Razak Exchange (TRX), Kuala Lumpur. UMT menjadi satu-satunya universiti awam yang mempamerkan inisiatif penyelidikan manuskrip Al-Quran versi AR di TRX. Selain itu, YB Menteri Pendidikan Tinggi turut menyokong usaha UMT mencalonkan Manuskrip Al-Quran Terengganu sebagai Peringatan Dunia UNESCO (Memory of the World UNESCO). Sesi ini juga disertai oleh Dato' Dr. Annabel Teh Gallop, Ketua Seksyen Asia Tenggara British Library, yang juga penerima Ijazah Kehormat Doktor Kemanusiaan UMT. Usaha ini memperkukuhkan peranan UMT dalam memelihara dan mengangkat warisan ketamadunan Melayu dan Islam di peringkat global.





Penyelidik Wanita UMT Sebagai Ketua Saintis Pelayaran Saintifik OCEANX MALAYSIA

Keterlihatan UMT terus terserlah apabila Saintis dari UMT telah dijemput untuk menyertai Pelayaran Saintifik OceanX - Malaysia Mission 2024, satu kolaborasi dengan organisasi eksplorasi lautan bertaraf dunia, OceanX. Ekspedisi ini berlangsung dari 27 September hingga 13 Oktober 2024 menggunakan kapal OceanXplorer sepanjang 87 meter. Lebih membanggakan, Prof. Madya Dr. Maizah binti Mohd Abdullah dari UMT dilantik sebagai Ketua Saintis dan mengetuai 23 orang penyelidik termasuk dari UMT, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan New York University di Abu Dhabi.

Kajian memfokuskan kepada perairan Pahang termasuk Kawasan Pemuliharaan Marin Diraja Iskandar (RIMCA) dan Gugusan Pulau Redang dengan objektif memahami ekosistem laut, terumbu karang serta dinamik hidrografi dan ekologi perairan pantai. OceanX terkenal dengan teknologi penerokaan lautan termaju dan pernah menghasilkan dokumentari bersama National Geographic. Kapal OceanXplorer dilengkapi kapal selam laut dalam, empat makmal, stesen selaman dan studio media.





UMT Dianugerah 12 Projek Berimpak Tinggi Bernilai RM500,000

UMT terus melangkah ke hadapan dalam memperkasa komuniti dan menyokong pembangunan lestari melalui penerimaan dana sebanyak RM500,000 bagi pelaksanaan 12 projek berimpak tinggi di bawah inisiatif Komuniti@UniMADANI. Pemberian dana ini mencerminkan kepercayaan Kementerian Kewangan Malaysia kepada UMT dalam mengukuhkan hubungan universiti dengan komuniti melalui pelbagai inisiatif sosial.

Pelaksanaan projek-projek ini dilihat berupaya memberi impak positif, bukan sahaja dari segi peningkatan taraf hidup komuniti tetapi juga dalam menyokong agenda kelestarian negara. Inisiatif ini seiring dengan usaha UMT dalam mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan secara tidak langsung menyerlahkan kehebatan UMT di mata masyarakat.







UMT Sebar Kempen Pemuliharaan Ekosistem Marin

Memahami keperluan mendesak untuk melindungi ekosistem marin yang semakin terancam, kumpulan penyelidik Research and Education on Environment for Future Sustainability (REEFS), UMT telah mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan Program Pendidikan dan Kesedaran Marin REEFS 2024. Bertempat di Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu, program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya melindungi ekosistem marin yang menjadi khazanah alam semulajadi negara.

Program yang mendapat kerjasama The International SeaKeepers Society, Aquawalk Sdn. Bhd. dan Kapas Conservation Society ini menggabungkan elemen pendidikan, kesedaran dan libatsama komuniti khususnya pelajar sekolah. Kira-kira 200 orang pelajar dari 10 sekolah terpilih sekitar Terengganu turut serta dalam pelbagai aktiviti menarik seperti pertandingan "Waste to Wealth" bagi menguji kreativiti mereka untuk menukar sisa kepada produk berguna.





BERITA HARIAN

UMT bantu komuniti nelayan Kuala Kerteh

Kosmo!

UMT tanam pokok gelam demi kelestarian alam

UTUSAN MALAYSIA

Minda usahawan bentuk mahasiswa berkualiti

theSun

Migration of worms normal, says expert

BERITA HARIAN

UMT, NEST meterai MoU

Metro

Pengunjung dinasihat elak pegang ulat bulu laut

Sinar

Cuaca panas boleh 'bunuh' terumbu karang

THE EDGE

Dying corals and dwindling fish populations

UTUSAN MALAYSIA

Ratusan ubur-ubur api terdampar di

Kosmo!

UMT lancar projek bela tilapia dalam kanvas di 170 kampung

Sukarelawan

Metro

10 MALAM LANGIT MASIH MERAH

UTUSAN MALAYSIA

Ternakan ikan tilapia guna teknologi *Rapid Biofloc*

BERITA HARIAN

Semakin ramai wanita meminati sukan pelayaran

BERITA HARIAN

Bingkas Kasih ringankan beban pelajar B40

UTUSAN MALAYSIA

UMT wujud galeri artifak bawah air rentak tembolok pertama di Malaysia

THE EDGE

Star

'Monsoon may offer relief to severely bleached coral reefs'

theSun

16 Oktober 20

'Prioritise renewable energy in Budget 2025'

Essential to reduce carbon emissions that harm environment, says expert

UTUSAN MALAYSIA

Ternak ikan tilapia guna teknologi Rapid Biofloc

UTUSAN MALAYSIA

UMT, Yayasan Petronas, ECERDC bantu usahawan

BERITA HARIAN

UMT ambil peranan didik ilmu kelautan

UTUSAN MALAYSIA

LKIM, UMT tandatangan MoU, tingkat kerjasama akuakultur dan perikanan tangkapan

BERITA HARIAN

UMT bangunkan modul isu gangguan seksual

theSun

UMT unit collaborates with pitchIN to assist startups

BERITA HARIAN

UTUSAN MALAYSIA

Peserta OKU pekah tanam rosel tingkat pendapatan

BERITA HARIAN

Sinar

Universiti Malaysia Terengganu bantu tingkat kualiti hidup nelayan

BERITA HARIAN

UMT perluas projek tanam melon manis Terengganu

BERITA HARIAN

UMT terus unggul, kepakaran dapat pengiktirafan dunia

UTUSAN MALAYSIA

UMT bakal bangunkan *Marine Portal Database*

Star

Orang Asli handprints transform into stunning Jakar Gemilang

Metro

AKHIRNYA AKU DAPAT PhD!

Kosmo!

Bingkas Kasih ringankan beban pelajar baharu

BERITA HARIAN

Genggam PhD selepas 10 tahun

Sinar

Pencarian MH370 mungkin berhasil

BERITA HARIAN

Intervensi bersasar rapat jurang ekonomi bandar, luar bandar

Sinar

Kosmo!

BERITA HARIAN

Ampuh mental dan fizikal

BERITA HARIAN

Handal kendali layar di lautan

BERITA HARIAN

Penyelidik UMT hasilkan sate sayur

Metro

Dr Mohd Zamri Ibrahim dilantik jadi Naib Canselor UMT

BERITA HARIAN

UMT simpan 50,000 spesimen marin bernilai RM75 juta

UTUSAN MALAYSIA

BERITA HARIAN

Universiti perlumbakan pelbagai inisiatif bantu kewangan pelajar

Metro

25 peta



KESIMPULAN

UMT terus mengorak langkah cemerlang dalam merealisasikan visinya sebagai universiti berfokuskan marin terunggul di peringkat nasional dan disegani di peringkat global. Pencapaian membanggakan dalam ranking universiti dunia mencerminkan keberkesanan strategi inovatif dan bersepadu yang dilaksanakan. Kejayaan ini turut mendapat liputan meluas oleh media, sekali gus memperkukuh keterlihatan UMT di mata masyarakat. Selain itu, keterlibatan aktif dalam pelbagai program dan aktiviti berimpak tinggi serta pelbagai kejayaan yang dicapai telah menyerlahkan lagi citra UMT sebagai peneraju dalam bidang marin dan akuatik.

FAKTA DAN ANGKA

195
QS Asia University Rankings

1,001-1,200
QS World University Rankings
THE World University Rankings

167
UI Greenmetric World University Rankings

210,921
Followers Facebook Official UMT

42
MoU/MoA dimeterai

1,313
liputan media

RM11,371,616.00
Advertising Sales Rate (ASR)



KELESTARIAN DAN PENDIGITALAN KAMPUS



PENGENALAN

UMT komited mewujudkan sebuah kampus yang berdaya tahan, lestari dan berdaya saing melalui integrasi teras kelestarian dan pendigitalan. Inisiatif ini tidak hanya melibatkan pembangunan fizikal kampus, tetapi juga penambahbaikan sistem digital, pengurusan sumber ilmu yang lebih mudah diakses serta penekanan terhadap kesihatan dan keselamatan seluruh warga universiti. Inisiatif ini digembleng untuk memastikan kelestarian persekitaran kampus, memudahkan akses pendidikan serta menyediakan ekosistem yang selamat dan sihat kepada warga UMT.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

UMT sentiasa giat merancang dan melaksana projek pembangunan untuk memenuhi keperluan utama iaitu aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pembangunan di Kampus Induk, Kampus Bukit Kor dan stesen-stesen penyelidikan luar. Semua projek dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan dan mengurus yang telah disalurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Projek Pembangunan RMKe-11 dan RMKe-12

KPT telah meluluskan peruntukan pembangunan bagi lapan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi tahun 2016 – 2020 dengan kos keseluruhan peruntukan pembangunan sebanyak RM114,554,050.00. Manakala sebanyak enam projek baharu dan satu projek sambungan RMKe-11 diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi tahun 2021 – 2023 dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM54,983,100.00.

Projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe- 11)

Bil.	Projek	Peruntukan (RM)	Status
1.	Sistem Tebatan Banjir dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai	20,000,100.00	Dalam pelaksanaan. Dijangka siap sepenuhnya pada 28 Julai 2025
2.	Pembinaan Jalan dan Jambatan untuk Melengkapkan Lingkaran Jalan Kampus	8,112,000.00	Dalam pelaksanaan. Dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2026
3.	Pembinaan Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah	24,999,950.00	Siap sepenuhnya
4.	Pembinaan Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur	9,000,000.00	Siap sepenuhnya
5.	Pembinaan Stesen Penyelidikan Luar	3,000,000.00	Siap sepenuhnya
6.	Penggantian Peralatan Makmal Usang	20,000,000.00	Siap sepenuhnya
7.	Pembelian Peralatan Makmal untuk Melengkapkan Bangunan Baharu Makmal Sains Nautika, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	8,600,000.00	Siap sepenuhnya

8.	Pembelian Peralatan Makmal untuk Melengkapkan Bangunan Baharu Institut Bioteknologi Marin	10,842,000.00	Siap sepenuhnya
9.	Kemudahan Infrastruktur dan Infostruktur UMT IR 4.0	10,000,000.00	Siap sepenuhnya

Sistem Tebatan Banjir dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai

Agensi Pelaksana : Jabatan Pengairan dan Saliran
Kos Projek : RM40,000,000
Tarikh Jangkaan Siap : 28 Julai 2025











Pembinaan Jalan dan Jambatan untuk Melengkapkan Lingkaran Jalan Kampus Pantai

Agensi Pelaksana : Universiti Malaysia Terengganu
Kos Projek : RM8,112,000.00
Tarikh Jangkaan Siap : Jun 2026




Projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

Bil	Projek	Peruntukan (RM)	Status
1.	Sistem Tebatan Banjir dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai (* Projek sambungan RMKe-11)	19,999,900.00	Dalam pelaksanaan. Dijangka siap sepenuhnya pada 28 Julai 2025
2.	UMT- Menaiktaraf Infrastruktur Bangunan Sedia Ada Disebabkan oleh Mendapan Tanah	6,000,000.00	Dalam pelaksanaan. Dijangka siap sepenuhnya pada 14 Januari 2025
3.	UMT - Perolehan Peralatan bagi Melengkapkan Bangunan Baharu Stesen Penyelidikan Alami Tanah Bencah, Setiu	1,600,000.00	Dalam pelaksanaan
4.	UMT - Pembangunan Kompleks Akademia	15,000,000.00	Dalam pelaksanaan. Dijangka siap pada 30 April 2025

5.	UMT - Perolehan Peralatan dan Perabot bagi Melengkapkan Bangunan Baharu di Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur	2,121,200.00	Dalam pelaksanaan
6.	Perolehan Peralatan dan Perabot bagi Melengkapkan Bangunan Baharu di Pusat Penyelidikan Tasik Kenyir	6,262,000.00	Dalam pelaksanaan
7.	UMT - Perolehan Peralatan bagi Melengkapkan Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah di Kampus Bukit Kor, Marang, Terengganu, Universiti Malaysia Terengganu	4,000,000.00	Dalam pelaksanaan

UMT - Menaiktaraf Infrastruktur Bangunan Sedia Ada Disebabkan oleh Mendapan Tanah

Agensi Pelaksana : Jabatan Kerja Raya
Kos Projek : RM6,000,000
Tarikh Jangkaan Siap : 14 Januari 2025












Pembangunan Kompleks Akademia

Agensi Pelaksana : Universiti Malaysia Terengganu
Kos Projek : RM15,000,000
Tarikh Jangkaan Siap : 30 April 2025





EKOSISTEM DIGITAL

Pembangunan ekosistem digital menyediakan platform yang menghubungkan pelajar, pensyarah dan seluruh warga kampus dengan pelbagai sumber maklumat dan teknologi. Seiring dengan kemajuan pesat dunia digital, UMT komited membangunkan ekosistem digital yang mampu memenuhi keperluan pelajar dan staf, membolehkan mereka mengakses maklumat semasa, berinteraksi dalam persekitaran maya, serta memanfaatkan alat pembelajaran dalam talian yang inovatif. Ekosistem ini bukan sahaja memperkasa pengalaman pendidikan, malah turut mempersiapkan pelajar dengan kemahiran teknologi yang relevan untuk pasaran kerja masa depan.

Pembangunan dan Penambahbaikan Infrastruktur ICT

Pada tahun 2024, UMT telah melaksanakan kerja-kerja pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur rangkaian. Antaranya kerja-kerja pendawaian sistem nod rangkaian di Pusat Rujukan dan Repository Laut China Selatan, UMT Bursa Saham Malaysia di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS), Pejabat Pusat Kokurikulum dan Citra Pelajar (PKPC) dan penempatan luar kampus Residensi Tembesu.

Keperluan warga UMT terhadap perkhidmatan komunikasi yang mantap merupakan satu cabaran besar. Sehubungan itu, UMT komited memperkukuh prasarana sedia ada bagi memastikan setiap warga kampus menikmati capaian internet yang lebih efisien dan berkualiti.

Langganan *Google Workspace Education Plus*

KPT telah melanggan lesen Google Workspace Education Plus untuk kegunaan semua Universiti Awam selama empat tahun bermula 1 Mac 2024 hingga 29 Februari 2028. Google Workspace Education Plus menyediakan kemudahan aplikasi Gmail, Google Drive, Google Photo dan lain-lain aplikasi di bawah Google untuk keperluan warga universiti.



Pembangunan Aplikasi Baharu

Pada tahun 2024, UMT melalui Pusat Ekosistem Digital (PED) telah berjaya membangunkan sembilan aplikasi baharu menggunakan kepakaran staf sedia ada dan satu aplikasi dibangunkan secara khidmat luar. Aplikasi yang dibangunkan ini mampu menghasilkan penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif. Selain itu, UMT turut memantapkan operasi pembangunan aplikasi dengan menyediakan dokumentasi dan prosedur kerja menyeluruh bagi memenuhi keperluan standard pembangunan aplikasi berdasarkan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS).

Senarai Aplikasi Baharu Tahun 2024

Bil.	Nama dan Keterangan Aplikasi
1.	Modul Permohonan Geran Penyelidikan
2.	Microcredential Fasa II
3.	Pengurusan Kompetensi (Competency Management System-CMS)
4.	Tempahan Kolej Kediaman (e-Visit)
5.	Pengundian Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) (UMT Memilih). · Pembangunan oleh perkhidmatan syarikat luar
6.	Sistem Maklumat Pelajar Web Based · Aplikasi yang dimigrasi daripada client based kepada web based.
7.	Sistem Penjadualan Waktu Kuliah · Aplikasi yang dimigrasi daripada client based kepada web based.
8.	Sistem Penjadualan Peperiksaan · Aplikasi yang dimigrasi daripada client based kepada web based.
9.	Pengurusan Projek Aplikasi

Aplikasi Mudah Alih UMT

Aplikasi mudah alih UMT merupakan salah satu inovasi perkhidmatan yang bertujuan untuk mempelbagaikan saluran perkhidmatan melalui peranti pintar. Aplikasi mudah alih UMT boleh dimuat turun melalui Apple Store dan Google Play Store.

Aplikasi iStudent@UMT

Aplikasi untuk pelajar UMT yang terdiri daripada empat modul:

- Modul Kemaskini Maklumat Profil Pelajar
- Modul e-Sticker
- Modul e-Aduan (Kolej Kediaman)
- Modul Akses oleh Pengguna Luar UMT (Guest)

PENGURUSAN SUMBER ILMU

UMT komited dalam menyediakan persekitaran pembelajaran dan penyelidikan yang kondusif melalui akses kepada pelbagai sumber ilmu seperti perpustakaan digital, repositori institusi, pangkalan data dalam talian dan koleksi fizikal. Pengurusan sumber ilmu perlu dilaksanakan secara sistematik dan strategik bagi memastikan maklumat serta ilmu yang diperoleh dapat dimanfaatkan secara maksimum oleh warga universiti dan masyarakat umum. Dalam hal ini, UMT melalui Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) memainkan peranan penting dalam menyelaras dan mengurus bahan ilmiah bagi menyokong keperluan akademik dan penyelidikan universiti.



Koleksi Sumber Ilmu UMT

Sebagai pusat penyelidikan dan pembelajaran unggul dalam penerokaan ilmu serta teknologi baharu, UMT terus memperluaskan koleksi sumber ilmu bagi memastikan akses kepada maklumat terkini yang dapat menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan secara holistik. Pada tahun 2024, koleksi perpustakaan UMT mencatatkan sebanyak 4,014,809 judul (bersamaan 4,054,989 naskhah) merangkumi bahan bercetak, bahan tidak bercetak serta bahan dalam talian. Bagi memantapkan koleksi ini, UMT telah memperuntukkan sebanyak RM2,996,343.04 pada tahun 2024 untuk langganan pangkalan data dan pembelian buku bercetak serta elektronik.



Jumlah Keseluruhan Koleksi

4,014,809 Judul

4,054,989 Naskhah

Sumber Bercetak
- 97,461 Judul
- 133,720 Naskhah

Sumber Tidak Bercetak
- 8,722 Judul
- 12,643 Naskhah

Sumber Digital
- UMT-IR : 22,724 bahan
- Arkib Digital : 2,182 bahan

Sumber dalam Talian
- 13 Pangkalan Data : 4,264 jurnal, 3,812,623 e-tesis
- 19 Platform e-buku : 66,832 judul
- 1 Judul Jurnal : Nature

Selain sumber bercetak dan sumber tidak bercetak, UMT juga mempunyai sebanyak 3.8 juta koleksi dalam talian termasuk satu judul jurnal elektronik yang dilanggan. Koleksi dalam talian ini terkandung dalam 13 pangkalan data yang terdiri daripada enam pangkalan data jurnal, satu pangkalan data e-tesis, dua perisian penemuan penyelidikan (Research Discovery), satu perisian pengkatalogan, dan satu perisian pemeriksaan kesamaan (Similarity Checker). Selain itu, koleksi dalam talian ini juga boleh diakses melalui 22 platform buku elektronik langganan UMT serta dua pangkalan data langganan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Pangkalan Data (Jurnal)

1. Science Direct
2. American Chemical Society (ACS)
3. JSTOR
4. Clarkson Research: Intelligence Shipping Network
5. Nexis
6. Lawnet

Pangkalan Data (e-tesis)

1. ProQuest Dissertations & Theses Global

Pangkalan Data (Research Discovery Tools)

1. Web of Science (WoS)
2. Journal Citation Report (JCR)

Hasil Kolaborasi bersama Food and Agriculture Organization (FAO), UMT telah mendapat akses kepada ProQuest ASFA (Aquatic Sciences and Fisheries Abstracts), sebuah pangkalan data khusus yang memberi fokus kepada bidang sains akuatik, perikanan dan sumber marin. Platform ini menyediakan lebih empat juta abstrak dan indeks untuk pelbagai penerbitan akademik termasuk jurnal, laporan teknikal, prosiding persidangan, dan tesis berkaitan bidang akuatik dan perikanan.

Perisian Pengkatalogan	Perisian Pemeriksaan Kesamaan (Similarity Checker)	Pangkalan Data (Langganan KPT)
LC Classification Web	Turnitin	1. Emerald 2. Scopus

Platform Buku Elektronik

1. Astral
2. Bentham Sciences
3. CABI Digital Library
4. Cambridge Books
5. CRCnetBase
6. EBSCO
7. Elgar Online
8. Emerald Insight
9. GVRL
10. InfoSci®-Books
11. IOS Press
12. McGraw
13. Oxford Scholarship Online (Including BackFiles)
14. Proquest Ebook Central
15. Royal Society of Chemistry
16. Science Direct
17. SpringerNature EBook
18. Taylor & Francis
19. Wageningen Academic Publishers
20. Walter De Gruyter
21. World Scientific
22. Wiley Online

Pemerkasaan Repositori Institusi UMT (UMT-IR)

Repositori Institusi UMT berfungsi sebagai platform digital untuk mengumpul, menyimpan dan menyebarkan hasil penyelidikan serta karya ilmiah yang dihasilkan oleh warga UMT. Setakat 31 Disember 2024, sebanyak 22,724 bahan digital telah dimuat naik ke Repositori Institusi UMT.


Bil	Jenis Bahan	Jumlah bahan
1.	Tesis digital	1,772
2.	Laporan projek	5,165
3.	Kertas soalan peperiksaan digital	9,029
4.	Buku elektronik	1,020
5.	Koleksi MyRA	4,074
6.	Buku terbitan UMT	128
7.	Buku hasil sumbangan	27
8.	Bahan perikanan	1,333
9.	Bahan sumber media	176
	Jumlah Keseluruhan	**22,724**

Perpustakaan UMT turut menawarkan akses kepada bahan arkib digital melalui platform Arkib Digital UMT yang menyimpan koleksi gambar, peristiwa semasa dan dokumen berkaitan pencapaian dan aktiviti universiti.

Bil	Jenis Bahan	Jumlah bahan
1.	Keratan akhbar	1,706
2.	Koleksi gambar	132 program
3.	Minit mesyuarat	315
4.	Laporan Tahunan UMT	29
	Jumlah Keseluruhan	**2,182**

Perkhidmatan Pengguna

Sepanjang tahun 2024, PSNZ menerima 324,377 kunjungan secara fizikal dan maya. Jumlah ini meningkat sebanyak 2.01% berbanding tahun sebelumnya.



Aktiviti Bersama Pengguna

Sebagai entiti yang menguruskan sumber ilmu, PSNZ bukan sekadar gudang penyimpanan buku, tetapi juga berperanan sebagai pusat pembelajaran dan inovasi yang aktif dalam memastikan ilmu dapat diakses oleh semua pengguna sama ada secara fizikal atau digital. PSNZ juga berperanan meningkatkan literasi, budaya membaca serta membentuk masyarakat yang celik maklumat. Justeru, pelbagai aktiviti bersama pengguna, komuniti, agensi dan pelawat luar telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024.

65 Kelas Pendidikan Pelanggan 1,303 orang peserta	**4 Siri Library Outreach** 176 orang peserta
11 Program Pemindahan Ilmu dan Tanggungjawab Sosial 2,486 orang peserta	**47 Lawatan Bermaklumat** 22 agensi dan 23 buah sekolah 1,911 orang pelawat

Selain itu, program Sarapan Percuma kepada 100 pengguna terawal, Jom Baca Bersama 10 Minit, program Minggu Bersama Perpustakaan, PSNZ Open Day dan program promosi keahlian luar turut diadakan bagi menggalakkan kehadiran pengguna ke perpustakaan.

















PERSEKITARAN SIHAT DAN SELAMAT

UMT juga komited menyediakan persekitaran kampus yang sihat, selamat dan kondusif bagi menyokong kecemerlangan akademik, penyelidikan dan pembangunan holistik warga universiti. Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang progresif, aspek ini sentiasa dititikberatkan dalam setiap aktiviti dan operasi hariannya.

UMT melalui Pusat Kesihatan Universiti (PKU) bertanggungjawab dalam menyediakan rawatan dan fasiliti perubatan yang cekap dan berkesan di samping memupuk kesedaran warga mengenai gaya hidup dan minda yang sihat. Pelbagai program dilaksanakan bagi memastikan kesihatan warga berada pada tahap terbaik.





Program PKU Prihatin Kesihatan Staf (2PKW)

- Jerayawara Saringan Kesihatan ke setiap PTj. Seramai 704 orang menjalani saringan kesihatan.
- Pemeriksaan kesihatan secara komprehensif kepada staf berusia 40 tahun ke atas. Seramai 264 orang menjalani pemeriksaan ini.



Program Jom Sihat UMT

- Ceramah berkaitan kesihatan dan aktiviti fizikal secara berkala



Program Memupuk Minda Sihat, Hidup Sejahtera

- Ceramah kesedaran kesihatan mental kepada staf dan pelajar





Aktiviti Cakna dan Cegah

- Pemeriksaan Kebersihan Kafeteria dan aktiviti *fogging* mencegah denggi secara berkala





Selain itu, beberapa program berbentuk klinik seperti Klinik Diet, Klinik Terapi Berat Badan dan Klinik Berhenti Merokok/Vape turut dilaksanakan. Bagi menyokong perkhidmatan kesihatan, UMT telah menerima dua buah ambulan baharu yang dilengkapi peralatan terkini. Penerimaan ambulan ini merupakan salah satu inisiatif UMT dalam memastikan warga UMT mendapat perkhidmatan kesihatan terbaik dan sempurna.

Selain aspek kesihatan, aspek keselamatan juga sentiasa diberi perhatian tinggi. Perkhidmatan keselamatan UMT penting bagi memastikan persekitaran yang selamat dan menjamin kesejahteraan warganya. Perkhidmatan keselamatan kini kian berkembang merangkumi kawalan perimeter kampus, rondaan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan pelawat serta menguruskan ancaman gangguan hidupan liar.

Bagi tempoh tiga tahun terakhir, statistik jenayah dalam kampus menunjukkan trend menurun daripada 10 kes pada tahun 2022 kepada masing-masing sembilan kes dan lapan kes bagi tahun 2023 dan 2024. Pengurangan ini adalah hasil strategi keselamatan yang diperkasakan bagi mengekalkan kesejahteraan kampus.

Pelbagai operasi keselamatan telah dilaksanakan bagi memastikan tahap keselamatan kampus sentiasa berada pada tahap yang optimum. Selaian anggota keselamatan, operasi yang dilakukan turut melibatkan sukarelawan pelajar, staf dan pihak berkuasa tempatan seperti

Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT). Secara keseluruhan, sebanyak 32 operasi telah dijalankan sepanjang tahun 2024.







KESIMPULAN

Secara keseluruhan, usaha bersepadu UMT dalam mengintegrasikan elemen kelestarian dan pendigitalan merupakan langkah strategik ke arah pembentukan sebuah kampus yang lebih mampan, inklusif dan progresif. Pendekatan ini bukan sahaja memberi penekanan terhadap pembangunan infrastruktur dan sistem digital yang efisien, malah turut merangkumi aspek kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan warga kampus. Dengan inisiatif yang menyeluruh ini, UMT bukan sahaja memperkukuh kedudukannya sebagai institusi pendidikan tinggi yang unggul, tetapi juga menunjukkan komitmen jangka panjang dalam melahirkan graduan yang celik teknologi, peka terhadap isu kelestarian, dan bersedia menghadapi cabaran global masa kini dan akan datang.

FAKTA DAN ANGKA

7
projek RMKe-12 (2021-2023) dalam pelaksanaan

9
aplikasi baharu dibangunkan

4,014,809
judul koleksi sumber ilmu di PSNZ

RM2,996,343.00
nilai langganan pangkalan data/pembelian buku bercetak dan elektronik

22,724
bahan digital dalam repositori institusi UMT

704
orang staf menjalani program saringan kesihatan

32
operasi khas keselamatan kampus





KELESTARIAN KEWANGAN



PRESTASI KEWANGAN

Pendapatan keseluruhan kumpulan UMT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 berjumlah RM302.84 juta berbanding RM277.88 juta pada tahun 2023 iaitu meningkat sebanyak 8.98% atau RM24.96 juta. Manakala perbelanjaan keseluruhan kumpulan UMT pada tahun 2024 ialah sebanyak RM322.87 juta berbanding RM300.99 juta pada tahun 2023 yang mencatatkan peningkatan sebanyak 7.27% atau RM21.88 juta.

	2024 RM' juta	2023 RM' juta	Peningkatan/ (Penurunan) (%)
PENDAPATAN	302.84	277.88	8.98
PERBELANJAAN	322.87	300.99	7.27


Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan UMT bagi tempoh lima tahun dari tahun 2020 sehingga 2024 adalah sepertimana berikut:

	2024 RM' juta	2023 RM' juta	2022 RM' juta	2021 RM' juta	2020 RM' juta
PENDAPATAN	302.84	277.88	285.37	260.41	251.94
PERBELANJAAN	322.87	300.99	283.03	246.27	247.86
LEBIHAN/ (KURANGAN)	(20.03)	(23.11)	2.34	14.14	4.08

Pendapatan


Pendapatan keseluruhan kumpulan UMT pada tahun 2024 adalah sebanyak RM302.84 juta. Daripada jumlah pendapatan ini sebanyak RM246.86 juta (81.51%) merupakan hasil daripada urusniaga bukan pertukaran yang terdiri daripada pemberian geran mengurus kerajaan, geran tertunda direalisasi, pemberian sumbangan lain serta denda. Manakala sejumlah RM53.56 juta (17.69%) merupakan hasil daripada urusniaga pertukaran yang terdiri daripada yuran pengajian, faedah simpanan tetap, hasil sewaan, jualan produk dan perkhidmatan serta hasil pelbagai dan sebanyak RM2.42 juta (0.80%) adalah hasil daripada pendapatan operasi lain.

Berdasarkan jumlah pendapatan kumpulan UMT tahun 2024, sumber pendapatan utama merupakan pemberian kerajaan sebanyak RM189.13 juta (62.45%). Komponen kedua adalah pendapatan yuran berjumlah RM27.21 juta (8.98%) seterusnya geran tertunda direalisasi berjumlah RM50.87 juta (16.80%) dan pendapatan lain yang terdiri daripada pelbagai kategori pendapatan seperti faedah pelaburan, hasil sewaan, hasil aktiviti universiti dan sumbangan daripada individu serta agensi luar berjumlah RM35.63 juta (11.77%).



Perbelanjaan

Perbelanjaan Kumpulan pada tahun 2024 berjumlah RM322.87 juta. Daripada jumlah perbelanjaan ini, sebanyak RM157.82 juta (48.88%) adalah untuk perbelanjaan emolumen yang merupakan perbelanjaan utama universiti diikuti dengan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM117.76 juta (36.74%). Belanja susut nilai berjumlah RM28.90 juta (8.95%), pemberian dan kenaan tetap direkod sebanyak RM5.96 juta (1.85%) dan RM12.43 juta (3.85%) adalah untuk perbelanjaan lain.




Aset dan Liabiliti


Nilai keseluruhan Aset kumpulan UMT pada tahun 2024 adalah RM733.71 juta. Jumlah ini menurun sebanyak 1.40% atau RM10.45 juta berbanding tahun 2023. Manakala Liabiliti UMT adalah sebanyak RM127.67 juta meningkat sebanyak 7.96% atau RM9.41 juta berbanding 2023, RM118.26 juta. Secara keseluruhan, jumlah aset bersih UMT menurun sebanyak 3.17% atau RM19.86 juta pada tahun 2024 berbanding tahun 2023.

	2024 RM' juta	2023 RM' juta	Peningkatan/ (Penurunan) %
ASET	733.71	744.16	(1.40)
LIABILITI	127.67	118.26	7.96
ASET BERSIH	606.04	625.90	(3.17)


Perbandingan kedudukan aset dan liabiliti serta aset bersih UMT bagi tempoh lima tahun dari tahun 2020 sehingga 2024 adalah sepertimana berikut:



Kedudukan komponen aset dan liabiliti pada tahun 2024 berbanding tahun 2023 adalah sepertimana berikut:



Komponen Aset



Komponen Liabiliti

Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus

Pendapatan mengurus UMT bagi tahun 2024 berjumlah RM214.67 juta, meningkat sebanyak RM5.23 juta atau 2.50% berbanding RM209.44 juta tahun 2023. Daripada jumlah ini, RM187.89 juta adalah Pemberian Kerajaan dan selebihnya RM20.37 juta daripada Pendapatan Yuran dan RM6.41 juta adalah Pendapatan Lain.

Komponen Pendapatan	2024		2023	
	RM	%	RM	%
Pemberian Kerajaan	187,896,545	87.53	180,898,400	86.37
Yuran	20,370,094	9.49	20,587,446	9.83
Pendapatan Lain	6,406,862	2.98	7,958,945	3.80
Jumlah	**214,673,501**	**100**	**209,444,791**	**100**

Manakala perbelanjaan mengurus bagi tahun 2024 berjumlah RM252.51 juta, meningkat sebanyak RM12.48 juta atau 5.20% berbanding RM240.03 juta tahun 2023. Perbelanjaan Emolumen merupakan perbelanjaan tertinggi yang berjumlah RM156.26 juta atau 61.89%.

Komponen Perbelanjaan	2024		2023	
	RM	%	RM	%
Emolumen	156,265,245	61.89	150,062,649	62.52
Perkhidmatan & Bekalan	78,291,110	31.00	76,672,950	31.94
Pemberian & Kenaan	3,532,985	1.40	1,417,372	0.59
Susut nilai	5,361,848	2.12	5,614,379	2.34
Perbelanjaan Lain	9,060,711	3.59	6,260,118	2.61
Jumlah	**252,511,899**	**100**	**240,027,468**	**100**

Pendapatan dan Perbelanjaan Pembangunan

Pemberian kerajaan untuk belanja pembangunan bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM31.70 juta meningkat sebanyak 94.12% atau RM15.37 juta berbanding RM16.33 juta pada tahun 2023. Perbelanjaan pembangunan pula adalah sebanyak RM41.61 juta bertambah sebanyak 83.78% atau RM18.97 juta berbanding tahun sebelumnya RM22.64 juta.

Projek	2024		2023	
	RM	%	RM	%
RMKe-12				
Perolehan Peralatan bagi Melengkapkan Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah di Kampus Bukit Kor, Marang, Terengganu	81,607	0.20	482,900	2.13
Menaik Taraf Infrastruktur Bangunan Sedia Ada Disebabkan oleh Mendapan Tanah	3,746,659	9.00	685,501	3.03
Perolehan Peralatan dan Perabot bagi Melengkapkan Bangunan Baharu di Pusat Penyelidikan Tasik Kenyir	1,792,958	4.31	476,670	2.10
Perolehan Peralatan dan Perabot bagi Melengkapkan Bangunan Baharu di Kompleks Makmal Perikanan dan Akukultur	174,966	0.42	386,594	1.71
Pembangunan Kompleks Akademia	5,040,374	12.11	2,648,887	11.70
Perolehan Peralatan bagi Melengkapkan Bangunan Baharu Stesen Penyelidikan Alami Tanah Bencah, Setiu	82,088	0.20	973,101	4.30
Penggantian Peralatan Makmal Usang di Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan (AKUATROP) di Universiti Malaysia Terengganu, Kampus Mengabang Telipot, Kuala Nerus, Terengganu	1,422,109	3.42	-	-
Menaik Taraf Infrastruktur Awam, Mekanikal dan Elektrik Usang di Universiti Malaysia Terengganu, Kampus Mengabang Telipot, Kuala Nerus, Terengganu	2,177,067	5.23	-	-
Projek Penyelenggaraan Fasiliti IPTA Rolling Plan Keempat	2,417,811	5.81	-	-
RMKe-11				
Pembinaan Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah	27,200	0.07	2,394,235	10.57
Pembinaan Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur, PPSPA	120,517	0.29	25,868	0.11
Pembinaan Jalan dan Jambatan untuk Melengkapkan Lingkaran Jalan Kampus	124,740	0.30	-	-
Sistem Tebatan Banjir dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai	15,471,418	37.18	7,273,344	32.12
Penggantian Peralatan Makmal Usang	-	-	200,838	0.89
Kemudahan Infrastruktur dan Infostruktur IR 4.0 (Redesigning UMT'S Education for Industry 4.0)	97,492	0.23	8,440	0.04
Pembelian Peralatan Makmal untuk Kelengkapan Bangunan Baharu IMB	17,400	0.04	35,000	0.16
Pembelian Peralatan Makmal Sains Nautika, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	1,220,050	2.93	1,829,799	8.08

RMKe-10				
Pakej 2D (Bangunan Pusat Islam)	-	-	67,987	0.30
Perolehan Peralatan Makmal, Pengajaran dan ICT	215,000	0.52	-	-
Pembinaan Makmal Sains Nautika	22,354	0.05	-	-
Pembinaan Pusat Penyelidikan Tasik Kenyir	738,317	1.77	-	-
Baki/Penjimatan DE Projek RMLT	1,983,632	4.77	2,358,090	10.41
Projek Penyelenggaraan Fasiliti Universiti Awam RP3 Tahun 2023	4,632,942	11.14	2,795,765	12.35
Jumlah	**41,606,701**	**100**	**22,643,019**	**100**

KELESTARIAN KEWANGAN

Kelestarian kewangan merupakan tunjang utama dalam mendokong hasrat kerajaan mewujudkan sistem kewangan yang mampan untuk pendidikan tinggi Malaysia dan memastikan visi universiti tercapai. Strategi yang telah dilaksanakan untuk melestarikan kewangan dirangka dengan menumpukan kepada pemerkasaan penjanaan pendapatan dan pengurusan kewangan berhemah.

Inisiatif Penjanaan

Penjanaan pendapatan universiti dilaksanakan melalui pengukuhan anak syarikat dan mengoptimumkan penjanaan hasil melalui aset dan fasiliti yang dimiliki oleh universiti. Pelbagai program inisiatif penjanaan telah dilaksanakan pada tahun 2024, antaranya:



Penjanaan melalui penyediaan latihan dan pembangunan bertujuan untuk meningkatkan prestasi kerja dalam kepelbagaian tenaga kerja dan membantu perkembangan kerjaya individu/ organisasi.





Penjanaan melalui pelbagai pakej program menggunakan fasiliti universiti







Penjanaan melalui jualan produk dan cenderamata jenama rasmi UMT MARMORIS | SPUME



Penjanaan melalui sewaan bangunan dan ruang universiti

Bantuan Kewangan Pelajar

UMT sentiasa cakna dalam memastikan kesejahteraan dan kebajikan pelajar terpelihara. Pelbagai usaha dan saluran bantuan kewangan kepada pelajar UMT telah disediakan. Seperti Dermasiswa Endowmen UMT, Tabung Endowmen UMT, Zakat dan Wakaf.

Dermasiswa Endowmen UMT 2024

Dermasiswa Endowmen UMT merupakan salah satu kategori penajaan dana endowmen berbentuk bantuan kewangan minima sebanyak RM3,000.00 setahun. Bantuan ini ditawarkan kepada pelajar yang layak, bertujuan untuk membantu meringankan keperluan pembelajaran dan sara hidup pelajar sepanjang tempoh pengajian. Sumber kewangan dermasiswa ini adalah hasil sumbangan staf UMT yang sangat prihatin dengan kesusahan yang dialami oleh golongan pelajar yang kurang berkemampuan. Selain daripada staf, UMT juga menerima sumbangan dana daripada institusi kewangan dan perbankan serta sumbangan individu luar.

Tawaran Dermasiswa Endowmen UMT bagi sesi 2024/2025 telah dibuka pada bulan Oktober 2024 dan seramai 51 orang pelajar telah terpilih untuk sesi temu duga. Jumlah tawaran dana dermasiswa endowmen sesi 2024/2025 adalah sebanyak RM189,000.00 yang telah dimanfaatkan oleh 22 orang pelajar. Jumlah keseluruhan Dermasiswa Endowmen UMT yang telah diagihkan adalah sebanyak RM1.428 juta.



Sesi 2017/2018
RM63,000.00
8 Pelajar

Sesi 2018/2019
RM220,500.00
27 Pelajar

Sesi 2019/2020
RM268,500.00
40 Pelajar

Sesi 2020/2021
RM196,500.00
33 Pelajar

Sesi 2021/2022
RM145,500.00
21 Pelajar

Sesi 2022/2023
RM175,500.00
22 Pelajar

Sesi 2023/2024
RM169,500.00
22 Pelajar

Sesi 2024/2025
RM189,000.00
22 Pelajar

Jumlah Penerima:

195 orang

Tabung Endowmen UMT

Bagi memperkasa agenda endowmen/wakaf negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah memperuntukkan di bawah subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 bahawa sumbangan endowmen tunai layak diberi potongan cukai.

Sumbangan Endowmen UMT telah layak mendapat kelulusan Tolakan Cukai di bawah subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada 17 Disember 2024.





Zakat

Sebanyak RM1,467,135.00 sumbangan zakat telah diterima oleh UMT sehingga akhir tahun 2024. Antara penyumbang utama adalah Etiqa Family Takaful Berhad (RM365,400), Lembaga Tabung Haji (RM350,000.00), Maybank Islamic Berhad (RM192,400.00), Malaysia Building Society Berhad (MBSB) sebanyak RM174,000.00 dan Pulangan 2/8 Zakat Pendapatan Staf UMT melalui MAIDAM sebanyak RM287,214.00.

Pada tahun 2024 juga agihan zakat berbentuk skim sukarelawan asnaf telah berjaya menarik minat penyumbang. Peratusan sumbangan dana zakat bagi Program Asnaf to Asnaf (A2A) telah meningkat sebanyak 197% iaitu daripada RM122,900.00 kepada RM365,400.00. Terdapat program sukarelawan asnaf baharu yang diperkenalkan iaitu Program Go Green yang mendapat tajaan penuh dari Maybank Islamic Berhad sebanyak RM152,400.00.



Wakaf

Wakaf Tunai UMT telah layak mendapat kelulusan Tolakan Cukai bagi Wakaf di bawah subseksyen 44(11D) Akta Cukai Pendapatan 1967 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada 1 Oktober 2023. Komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh warga UMT selepas kejayaan ini jelas terbukti melalui peningkatan kutipan dana Wakaf Ilmu secara tunai menerusi sumbangan potongan gaji.

Kempen "Gelombang Wakaf" yang dilaksanakan kepada warga UMT telah membuahkan hasil yang memberangsangkan dengan peningkatan kutipan sebanyak 238%, iaitu daripada RM38,214.00 pada tahun 2023 menokok kepada RM129,123.00. Seramai 478 orang kini menjadi penyumbang tetap wakaf tunai berbanding hanya 95 orang pada tahun sebelumnya.

Sejarah baharu juga telah tercipta apabila Wakaf Ilmu menerima sumbangan aset wakaf berupa tanah dan rumah daripada Prof. Emeritus Dr. Faizah Mohd Sharoum. Beliau telah mewakafkan aset berharga ini untuk dimanfaatkan dalam kebajikan, penyelidikan dan perkembangan ilmu di UMT.





KESIMPULAN

Kelestarian kewangan di UMT bukan sahaja menjadi tonggak utama dalam memastikan kelangsungan operasi dan pembangunan institusi, malah mencerminkan keupayaan universiti dalam merancang serta melaksanakan strategi kewangan yang mampan. Usaha seperti pemerkasaan inisiatif Wakaf Ilmu, peningkatan kutipan dana dalaman melalui kempen "Gelombang Wakaf", serta sokongan berterusan warga universiti menunjukkan komitmen menyeluruh ke arah pembiayaan alternatif yang lestari. Kejayaan memperoleh kelulusan tolakan cukai wakaf juga membuka ruang lebih luas bagi memperkukuh sumber kewangan universiti. Justeru, pendekatan inovatif dan kerjasama pelbagai pihak akan terus memainkan peranan penting dalam memastikan UMT kekal berdaya saing serta mampu melonjakkan kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan pada masa hadapan.

FAKTA DAN ANGKA

RM302.84 juta
jumlah pendapatan

RM322.87 juta
jumlah perbelanjaan

RM733.71 juta
nilai aset

RM31.70 juta
pemberian kerajaan untuk belanja pembangunan

RM189,000.00
agihan manfaat dermasiswa endowmen

RM1,467,135.00
sumbangan zakat diterima



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2024

KETUA AUDIT NEGARA

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 47.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] serta Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Terengganu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] serta Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Terengganu atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Malaysia Terengganu atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] dan Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 11 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Universiti Malaysia Terengganu hendaklah memberi perhatian kepada perkara berikut:

a. Memuktamadkan kadar Sumbangan Membantu Kadar dengan pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu bagi memastikan jumlah sebenar perbelanjaan agar pelaporan dalam Penyata Kewangan dinyatakan dengan lebih tepat.

b. Mendapatkan penilaian semula oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) terhadap dua bidang tanah iaitu Lot 2820, Mukim Pantai dan Lot 61108, Mukim Rusila yang diterima tanpa kos daripada Kerajaan Negeri bagi memastikan pelaporan dalam Penyata Kewangan menggambarkan nilai yang lebih tepat.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Terengganu berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] serta Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
18 OGOS 2025

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **PROFESOR DR. MOHAMAD SALMI BIN MOHD SOHOD** dan **PROFESOR IR. TS. DR. MOHD ZAMRI BIN IBRAHIM** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Universiti Malaysia Terengganu pada 31 Disember 2024 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : **MOHAMAD SALMI BIN MOHD SOHOD**

GELARAN : **PROFESOR DR.**

TARIKH : 06 AUG 2025

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : **MOHD ZAMRI BIN IBRAHIM**

GELARAN : **PROFESOR IR. TS. DR.**

TARIKH : 06 AUG 2025

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Saya, **AZIZAH BINTI HASAN (No.KP: 770401-11-5732)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya }
diakui oleh penama di atas iaitu }
AZIZAH BINTI HASAN
di Kuala Terengganu } .....
di Negeri Terengganu
pada 05 AUG 2025 } **BENDAHARI**

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
T 094
ROSLINA BINTI GHAZALI
PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
01.01.2025 - 31.12.2027
MALAYSIA

.....
PESURUHJAYA SUMPAH

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG
Aras 2, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus
Terengganu

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2024

	NOTA	KUMPULAN 2024 RM	KUMPULAN 2023 RM DINYATAKAN SEMULA	UNIVERSITI 2024 RM	UNIVERSITI 2023 RM DINYATAKAN SEMULA
ASET					
Aset Semasa					
Tunai di tangan dan di bank	4	11,207,549	9,270,346	8,838,831	8,360,160
Simpanan Tetap (Al-Mudharabah)	5	200,939,968	230,750,799	200,939,968	230,750,799
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	6	10,060,710	9,926,449	5,954,995	7,163,027
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	7	1,945,292	2,244,063	1,945,292	2,244,063
Lain-Lain Belum Terima	8	691,458	900,369	691,458	900,369
Wang Cagaran dan Prabayar	9	1,566,003	1,904,849	1,215,628	1,660,136
Percukaian		-	-	-	-
Jumlah Aset Semasa		**226,410,980**	**254,996,875**	**219,586,172**	**251,078,554**
Aset Bukan Semasa					
Aset Cukai Tertunda	10	647,241	263,520	-	-
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	7	9,779,149	9,621,905	9,779,149	9,621,905
Lain-Lain Belum Terima	8	1,798,208	1,974,000	1,798,208	1,974,000
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	11	-	-	992,958	1,125,674
Saham Keutamaan Boleh Tebus	12	-	-	400,000	400,000
Pelaburan Lain	13	-	117,356	-	-
Hartanah, Loji Dan Peralatan	14	450,911,944	449,559,582	446,725,847	446,062,806
Aset Tak Ketara	15	3,664,566	5,375,599	3,661,704	5,373,030
Pembinaan Dalam Kemajuan	16	40,506,914	22,256,751	40,506,914	22,256,751
Jumlah Aset Bukan Semasa		**507,308,022**	**489,168,713**	**503,864,780**	**486,814,166**
JUMLAH ASET		**733,719,002**	**744,165,588**	**723,450,952**	**737,892,720**
LIABILITI					
Liabiliti Semasa					
Urusniaga Pertukaran Belum Bayar	17	17,542,492	11,571,810	11,649,825	7,455,138
Lain-Lain Belum Bayar	18	10,986,816	9,328,772	12,192,476	9,328,772
Amaun Kasar Terhutang Kepada Pelanggan	19	3,131,874	-	-	-
Pinjaman Bank	20	95,442	99,262	-	-
Liabiliti Pajakan Kewangan	21	19,525	-	-	-
Manfaat Pekerja	22	2,406,227	1,112,663	2,406,227	1,112,663
Percukaian		159,379	-	-	-
Jumlah Liabiliti Semasa		**34,341,755**	**22,112,507**	**26,248,528**	**17,896,573**
Liabiliti Bukan Semasa					
Pinjaman Bank	20	1,955,103	2,054,355	-	-
Liabiliti Pajakan Kewangan	21	176,460	-	-	-
Manfaat Pekerja	22	9,404,227	7,506,119	9,404,227	7,506,119
Geran Tertunda	23	81,756,453	86,588,589	81,756,453	86,588,589
Liabiliti Cukai Tertunda	10	40,398	-	-	-
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		**93,332,641**	**96,149,073**	**91,160,680**	**94,094,708**
JUMLAH LIABILITI		**127,674,396**	**118,261,580**	**117,409,208**	**111,991,281**
ASET BERSIH		**606,044,606**	**625,904,008**	**606,041,744**	**625,901,439**
ASET BERSIH/EKUITI					
Kumpulan Wang	24	608,748,786	628,475,765	606,041,744	625,901,439
Lebihan Terkumpul Entiti Yang Dikawal		(2,704,180)	(2,571,757)	-	-
JUMLAH ASET BERSIH/EKUITI		**606,044,606**	**625,904,008**	**606,041,744**	**625,901,439**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	NOTA	KUMPULAN 2024 RM	KUMPULAN 2023 RM DINYATAKAN SEMULA	UNIVERSITI 2024 RM	UNIVERSITI 2023 RM DINYATAKAN SEMULA
PENDAPATAN					
Urus Niaga Pertukaran	25	53,561,367	48,899,562	44,204,744	44,498,745
Urus Niaga Bukan Pertukaran	26	246,861,624	228,005,950	246,858,912	228,005,950
Lain-lain Pendapatan	27	2,414,847	970,391	2,315,444	985,829
JUMLAH PENDAPATAN		**302,837,838**	**277,875,903**	**293,379,100**	**273,490,524**
PERBELANJAAN					
Emolumen	28	157,824,175	151,101,433	156,265,245	150,063,816
Perkhidmatan, Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	29	41,316,434	42,404,018	40,973,872	42,462,600
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		12,788,032	13,858,150	13,957,766	13,841,913
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	30	63,653,868	55,934,342	55,011,691	51,928,065
Biasiswa dan Dermasiswa		3,242,409	2,713,988	3,242,409	2,713,988
Pemberian Bantuan Aktiviti Pelajar		2,719,732	638,470	2,729,222	638,470
Ganjaran		53,560	52,468	53,560	52,468.00
Gantian Cuti rehat		4,379,081	2,984,006	4,379,081	2,984,006
Bayar Balik dan Hapus Kira		2,843,941	863,786	2,843,941	863,786
Kenaan Cukai dan Duti		1,225,866	1,367,983	1,201,852	1,346,380
Perbelanjaan Lain		3,832,103	1,961,619	3,694,410	1,743,817
Susut Nilai dan Pelunasan	14 & 15	28,898,950	26,949,769	28,721,110	26,892,115
Hutang Ragu	6	89,956	124,383	49,851	114,383
Kerugian Atas Pelaburan Anak Syarikat	11	-	-	132,716	836,368.00
Kerugian Atas Penilaian Hartanah Pelaburan		-	35,620	-	-
JUMLAH PEBELANJAAN		**322,868,107**	**300,990,035**	**313,256,726**	**296,482,175**
(Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan Sebelum Cukai		(20,030,269)	(23,114,132)	(19,877,626)	(22,991,651)
Percukaian	31	152,936	121,143	-	-
(Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		**(19,877,333)**	**(22,992,989)**	**(19,877,626)**	**(22,991,651)**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

KUMPULAN

		Kumpulan Wang								
		Mengurus	Pembangunan	Penyelidikan	Khas	Amanah dan Endowmen	Kolej Kediaman	Wakaf	Syarikat Subsidiari	Jumlah
2024		RM	RM	RM	RM	RM	RM			RM
Pada 1 Januari 2024		17,077,746	420,929,111	18,259,018	107,090,336	44,958,238	20,159,158	2,158	(2,571,757)	625,904,008
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		(37,838,397)	17,538,917	(4,933,626)	8,909,809	(2,564,718)	(964,870)	107,975	(132,423)	(19,877,333)
Pelarasan Dalam Tahun	33	3,413	(25,867)	-	-	-	40,385	-	-	17,931
Pindahan Antara Kumpulan Wang		20,603,554	-	5,064,636	(25,494,185)	(227,444)	-	53,439	-	-
Baki Pada 31 Disember 2024		**(153,684)**	**438,442,161**	**18,390,028**	**90,505,960**	**42,166,076**	**19,234,673**	**163,572**	**(2,704,180)**	**606,044,606**
2023										
Pada 1 Januari 2023		39,832,006	379,662,600	14,749,804	126,849,356	44,939,910	7,628,978	31,550	(1,734,051)	611,960,153
Pelarasan Tahun Lepas		(4,451,161)	40,781,900	-	-	-	-	-	-	36,330,739
Pada 1 Januari 2023 (seperti dinyatakan semula)		35,380,845	420,444,500	14,749,804	126,849,356	44,939,910	7,628,978	31,550	(1,734,051)	648,290,892
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan (seperti dinyatakan semula)		(30,582,677)	484,611	203,909	9,129,132	(1,485,046)	124,180	(29,392)	(837,706)	(22,992,989)
Pelarasan Dalam Tahun		800	-	605,305	-	-	-	-	-	606,105
Pindahan Antara Kumpulan Wang		12,278,778	-	2,700,000	(28,888,152)	1,503,374	12,406,000	-	-	-
Baki Pada 31 Disember 2023		**17,077,746**	**420,929,111**	**18,259,018**	**107,090,336**	**44,958,238**	**20,159,158**	**2,158**	**(2,571,757)**	**625,904,008**

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

UNIVERSITI

		Kumpulan Wang							
		Mengurus	Pembangunan	Penyelidikan	Khas	Amanah dan Endowmen	Kolej Kediaman	Wakaf	Jumlah
2024		**RM**	**RM**	**RM**	**RM**	**RM**	**RM**	**RM**	**RM**
Pada 1 Januari 2024		17,077,746	420,929,111	18,259,018	104,516,010	44,958,238	20,159,158	2,158	625,901,439
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		(37,838,397)	17,538,917	(4,933,626)	8,777,093	(2,564,718)	(964,870)	107,975	(19,877,626)
Pelarasan Dalam Tahun	33	3,413	(25,867)	-	-	-	40,385	-	17,931
Pindahan Antara Kumpulan Wang		20,603,554	-	5,064,636	(25,494,185)	(227,444)	-	53,439	-
Baki Pada 31 Disember 2024		**(153,684)**	**438,442,161**	**18,390,028**	**87,798,918**	**42,166,076**	**19,234,673**	**163,572**	**606,041,744**
2023									
Pada 1 Januari 2023		39,832,006	379,662,600	14,749,804	125,111,398	44,939,910	7,628,978	31,550	611,956,246
Pelarasan Tahun Lepas		(4,451,161)	40,781,900	-	-	-	-	-	36,330,739
Pada 1 Januari 2023 (seperti dinyatakan semula)		35,380,845	420,444,500	14,749,804	125,111,398	44,939,910	7,628,978	31,550	648,286,985
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan (seperti dinyatakan semula)		(30,582,677)	484,611	203,909	8,292,764	(1,485,046)	124,180	(29,392)	(22,991,651)
Pelarasan Dalam Tahun		800	-	605,305	-	-	-	-	606,105
Pindahan Antara Kumpulan Wang		12,278,778	-	2,700,000	(28,888,152)	1,503,374	12,406,000	-	-
Baki Pada 31 Disember 2023		**17,077,746**	**420,929,111**	**18,259,018**	**104,516,010**	**44,958,238**	**20,159,158**	**2,158**	**625,901,439**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2024	2023	2024	2023
		RM	RM DINYATAKAN SEMULA	RM	RM DINYATAKAN SEMULA
TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
(Kurangan) sebelum cukai		(20,030,269)	(23,114,132)	(19,877,626)	(22,991,651)
Pelarasan bukan tunai :					
Hasil daripada Geran	26	(189,132,127)	(181,633,018)	(189,132,127)	(181,633,018)
Pelunasan Geran/Pemberian Modal Direalisasi	26	(50,865,765)	(34,998,914)	(50,865,765)	(34,998,914)
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	14	27,111,995	25,149,330	26,935,860	25,093,014
Susutnilai Aset Tak Ketara	15	1,786,956	1,800,439	1,785,250	1,799,101
Rosotnilai/Penjejasan nilai hartanah,loji dan peralatan		-	-	-	-
Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan/Aset Tak Ketara		2,678,611	3,585,856	2,678,611	3,585,856
(Pemulihan)/Rosotnilai Pelaburan dalam Anak Syarikat		-		132,716	836,368
(Keuntungan)/Kerugian Pelarasan Nilai Saksama Hartanah Pelaburan		(100,000)	35,620	-	-
Untung Pelaburan Lain		-	(2,070)	-	-
Untung jualan hartanah, loji dan peralatan		(20,000)	(629)	-	-
Peruntukan Hutang Ragu		40,105	10,000	-	-
Faedah diterima		(9,996,129)	(10,171,231)	(9,994,786)	(10,166,341)
Belanja Faedah		110,976	104,165	-	-
Manfaat Pekerja Jangka Panjang		1,898,108	1,802,332	1,898,108	1,802,332
(Untung)/Rugi daripada Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan/Aset Tak Ketara		3,596	31,948	3,596	31,948
(Kurangan) Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja		(236,513,943)	(217,400,304)	(236,436,163)	(216,641,305)
Perubahan Modal Kerja :					
Pergerakan Bersih dalam Belum Terima		(589,776)	(5,713,747)	2,178,770	(4,084,567)
Pergerakan Bersih dalam Belum Bayar		13,531,394	4,317,957	8,351,955	2,744,314
Cukai yang dibayar		(227,752)	(220,106)	-	-
Aliran Tunai Digunakan Bagi Aktiviti Operasi		**(223,800,077)**	**(219,016,200)**	**(225,905,438)**	**(217,981,558)**
TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan		(8,574,968)	(6,990,200)	(7,809,512)	(6,958,868)
Tambahan Pembinaan Dalam Kemajuan		(40,702,536)	(27,705,270)	(40,702,536)	(27,705,270)
Pembelian Aset Tak Ketara		(77,215)	(207,735)	(75,216)	(207,735)
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		20,000	-	-	-
Pelupusan Dalam Pelaburan Lain		118,699	-	-	-
Faedah Diterima		9,994,786	10,166,341	9,994,786	10,166,341
Tunai Bersih Diguna Dalam Aktiviti Pelaburan		**(39,221,234)**	**(24,736,864)**	**(38,592,478)**	**(24,705,532)**
TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Terimaan Geran		235,165,756	205,044,398	235,165,756	205,044,398
Pembayaran Balik Liabiliti Pajakan Kewangan		195,985	-	-	-
Pembayaran Balik Pinjaman Bank		(103,082)	(99,098)	-	-
Belanja Faedah		(110,976)	(104,165)	-	-
Tunai Bersih Diguna Dari Aktiviti Pembiayaan		**235,147,683**	**204,841,135**	**235,165,756**	**205,044,398**
(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		(27,873,628)	(38,911,929)	(29,332,160)	(37,642,692)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		240,021,145	278,933,074	239,110,959	276,753,651
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		**212,147,517**	**240,021,145**	**209,778,799**	**239,110,959**
Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwakili Oleh:					
Tunai Di tangan dan di bank	4	11,207,549	9,270,346	8,838,831	8,360,160
Simpanan Tetap (Al-Mudharebah)	5	200,939,968	230,750,799	200,939,968	230,750,799
		212,147,517	**240,021,145**	**209,778,799**	**239,110,959**

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENYATA PERBANDINGAN BAJET & AMAUN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Jumlah Bajet (RM)		Amaun Sebenar	Varian	
	Asal a	Akhir b	RM c	RM d=b-c	% e=(d/b*100)
Penerimaan					
Pemberian Kerajaan	181,764,400	187,896,545	187,896,545	-	0.00%
Yuran	24,700,000	24,700,000	18,963,046	5,736,954	23.23%
Faedah	1,600,000	1,600,000	3,318,828	(1,718,828)	-107.43%
Lain-lain Hasil	22,500,000	22,500,000	22,927,188	(427,188)	-1.90%
Jumlah Penerimaan	**230,564,400**	**236,696,545**	**233,105,607**	**3,590,938**	**1.52%**
Perbelanjaan					
Gaji & Upahan	106,496,000	106,496,000	105,624,407	871,593	0.82%
Elaun Tetap	24,960,000	24,960,000	24,454,880	505,120	2.02%
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	18,050,000	18,050,000	18,227,003	(177,003)	-0.98%
Elaun Lebih Masa	2,500,000	2,500,000	3,341,797	(841,797)	-33.67%
Faedah Kewangan	3,931,000	3,931,000	2,940,628	990,372	25.19%
Bayaran Khas Kewangan	2,893,000	2,893,000	2,917,500	(24,500)	-0.85%
Jumlah Emolumen	**158,830,000**	**158,830,000**	**157,506,215**	**1,323,785**	**0.83%**
Perbelanjaan Perjalanan & Sara Hidup	2,535,000	2,535,000	3,252,424	(717,424)	-28.30%
Pengangkutan Barang-Barang	20,000	20,000	19,115	885	4.43%
Perhubungan & Utiliti	11,000,000	12,000,000	9,193,607	2,806,393	23.39%
Sewaan	5,027,000	5,027,000	5,790,939	(763,939)	-15.20%
Bekalan Bahan Mentah & Bahan Untuk Penyelenggaraan & Pembaikan	1,600,000	1,600,000	1,358,654	241,346	15.08%
Bekalan & Bahan-Bahan Lain	5,490,000	5,490,000	5,000,469	489,531	8.92%
Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil Yang Dibeli	7,707,000	9,907,000	9,248,804	658,196	6.64%
Perkhidmatan Ikhtisas & Hospitaliti	28,147,400	29,947,400	30,797,842	(850,442)	-2.84%
Jumlah Perkhidmatan & Bekalan	**61,526,400**	**66,526,400**	**64,661,854**	**1,864,546**	**2.80%**
Harta Modal	**850,000**	**1,314,145**	**1,173,650**	**140,495**	**10.69%**
Biasiswa, Dermasiswa & Bantuan Pelajaran	1,000,000	1,000,000	748,677	251,323	25.13%
Pemberian Dalam Negeri	3,068,000	3,068,000	2,728,522	339,478	11.07%
Jumlah Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	**4,068,000**	**4,068,000**	**3,477,199**	**590,801**	**14.52%**
Bayaran-bayaran Lain	**5,290,000**	**5,290,000**	**4,031,656**	**1,258,344**	**23.79%**
Jumlah Perbelanjaan	**230,564,400**	**236,028,545**	**230,850,574**	**5,177,971**	**2.19%**

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Bajet UMT telah diluluskan atas asas tunai bagi tempoh kewangan daripada 1 Januari sehingga 31 Disember 2024. Bajet asal telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 20 November 2023 merangkumi geran kerajaan yang telah diluluskan selepas pembentangan bajet negara di Parlimen serta anggaran sumber dalaman yang disasarkan bagi tahun 2024. Manakala bajet tambahan merangkumi geran tambahan yang diterima daripada Kementerian Pendidikan Tinggi sepanjang tahun kewangan.

Bajet dan penyata kewangan UMT disediakan menggunakan asas yang berlainan. Bajet disediakan mengikut asas tunai manakala penyata kewangan disediakan pada asas akruan. Jumlah sebenar di dalam penyata kewangan telah dinyatakan semula pada asas tunai berdasarkan kepada dana mengurus. Ia disediakan berdasarkan kepada penyediaan bajet universiti hanya menjurus kepada bajet mengurus sahaja.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Perbandingan Bajet & Sebenar dan jumlah sebenar di dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 adalah seperti di bawah:

Perkara	Operasi RM	Pembiayaan RM	Pelaburan RM	Jumlah RM
Jumlah sebenar setanding seperti yang dikemukakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar	(183,496,334)	187,896,545	(2,145,178)	**2,255,033**
Perbezaan masa	-	-	-	-
Perbezaan asas	(42,409,104)	47,269,211	(36,447,300)	**(31,587,193)**
Perbezaan entiti	-	-	-	-
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	**(225,905,438)**	**235,165,756**	**(38,592,478)**	**(29,332,160)**

1. MAKLUMAT AM DAN AKTIVITI UTAMA

a. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah ditubuhkan melalui Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Pemerbadanan) [P.U (A) 27/ 2007 berdasarkan S.6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2012).

b. Aktiviti utamanya ialah mengendalikan program pengajian dalam bidang sains tulen, sains gunaan, sains sosial, teknologi dan pengurusan sumber alam untuk menghasilkan graduan dalam bidang tersebut ke arah menyumbangkan pasaran guna tenaga dan pembangunan negara.

c. Penyata Kewangan UMT yang berakhir 31 Disember 2024 telah dibentangkan dan diluluskan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 6 Ogos 2025.

2. DASAR PEMATUHAN

a. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS - *Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS).*

b. Mata Wang

Penyata Kewangan UMT disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

3. DASAR PERAKAUNAN

a. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah kecuali disebut sebaliknya di dalam penyataan dasar perakaunan sepertimana dinyatakan di bawah.

b. Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan UMT dan entiti yang dikawalnya. Entiti yang dikawal adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti-aktiviti mereka. Entiti yang dikawal disatukan dengan menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan.

Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, keputusan entiti yang dikawal yang diambil alih atau dilupuskan di dalam tahun kewangan dimasukkan ke dalam penyata prestasi kewangan yang disatukan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh kuat kuasa pelupusan mengikut kesesuaian. Aset-aset dan liabiliti entiti yang dikawal dinilai pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama bahagian Kumpulan dalam aset bersih entiti yang dikawal yang diambil alih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan sebagai muhibah atau muhibah negatif yang timbul dalam penyatuan.

Urus niaga antara Kumpulan, baki serta keuntungan tidak direalisasi dihapuskan semasa penyatuan dan penyatuan penyata kewangan mencerminkan urus niaga luaran sahaja. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tidak boleh diperoleh semula.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan entiti yang dikawal adalah perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan dalam aset bersih beserta dengan sebarang baki muhibah yang belum dilunaskan dan perbezaan pertukaran.

Kepentingan minoriti dalam penyata kedudukan kewangan disatukan terdiri daripada minoriti daripada nilai saksama aset dan liabiliti dikenal

pasti yang diperoleh pada tarikh pengambilalihan bahagian minoriti dalam perubahan ekuiti entiti yang dikawal sejak itu.

Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urusniaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama kecuali yang dinyatakan di dalam nota yang berasingan.

c. Piawaian Yang Belum Berkuatkuasa Dan Tidak Digunapakai Awal

Tiada piawaian yang belum berkuatkuasa dan tidak digunapakai awal di dalam penyata kewangan ini yang akan memberi kesan kepada dasar-dasar perakaunan sedia ada yang digunapakai oleh UMT.

d. Pengiktirafan Pendapatan

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

i) Yuran pengajian diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan. Hanya yuran semester yang berkaitan dengan tahun kewangan semasa diambil kira sebagai hasil.

ii) Faedah simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut.

iii) Pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan akruan.

iv) Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan.

Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

i) Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan dan penyelidikan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut kos projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.

ii) Pendapatan denda diiktiraf atas dasar penerimaan. Denda pecah kontrak diiktiraf sebagai pendapatan apabila surat tuntutan dikemukakan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang UMT.

iii) Sumbangan luar yang diterima daripada organisasi luar untuk membiayai aktiviti UMT diiktiraf apabila pendapatan itu diterima kecuali terdapat keperluan untuk diiktiraf sebaliknya.

e. Penghutang

i. Penghutang dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan.

ii. Peruntukan Hutang Ragu yang dibuat adalah berdasarkan penyemakan akhir tahun ke atas hutang yang ditentukan berdasarkan sifat, status dan pengumuran hutang-hutang tersebut.

iii. Peruntukan ini dibuat bagi tempoh hutang yang melebihi 1 hingga 5 tahun dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

iv. Hutang lapuk dihapuskira setelah mendapat kelulusan pihak berkuasa Universiti. Jumlah yang kemudiannya dapat dipungut balik akan dikira sebagai pendapatan.

f. Hartanah, Loji dan Peralatan

i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai, jika ada. Didefinisikan sebagai barang tak luak yang mempunyai tempoh penggunaan ekonomik yang lebih daripada 12 bulan dan bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan.

ii. Buku-buku perpustakaan tidak dipermodalkan.

iii. Hartanah, Loji dan Peralatan akan dinyah iktiraf apabila tiada lagi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan kepada UMT. Sebarang kerugian atau keuntungan daripada pelupusan aset-aset tersebut dikira berdasarkan kepada perbezaan di antara hasil jualan dan nilai dibawa.

g. Aset Tak Ketara

i. Aset tak ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti dan mempunyai nilai RM3,000 atau lebih. Pemerolehan aset tak ketara yang boleh dikenalpasti melalui hak penggunaan tanah dan harta intelektual, termasuk yang diperolehi melalui penggabungan perniagaan, adalah diiktiraf sebagai aset dan diukur pada kos, ditolak pelunasan terkumpul dan rosotnilai terkumpul, jika ada.

ii. Aset tak ketara akan dinyah iktiraf apabila tiada lagi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan kepada UMT. Sebarang kerugian atau keuntungan daripada pelupusan aset-aset tersebut dikira berdasarkan kepada perbezaan di antara hasil jualan dan nilai dibawa.

h. Pelunasan/Susut nilai

i. Tanah milik bebas tidak dilunaskan manakala tanah pajakan dilunaskan samarata mengikut tempoh pajakan.

ii. Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat kegunaan aset berkenaan. Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut :-

Aset	(%)
Bangunan	2
Loji dan Jentera	20
Peralatan Pejabat & Perabot dan Kelengkapan	20-25
Kenderaan	5-20
Kemudahan/Infrastruktur	5
Aset Tetap Lain	20
Peralatan Kolam	10
Tanah Pajakan	60-99 tahun

iii. Pelunasan bagi aset tidak ketara adalah menggunakan kaedah garis lurus atau berdasarkan kepada anggaran tempoh yang dinyatakan secara perundangan.

Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut :-

Jenis Harta	(%)
Perisian	10-20
Paten	5

iv. Kaedah susutnilai yang diguna pakai akan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap tahun kewangan dan, jika terdapat perubahan signifikan dalam jangkaan corak penggunaan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan dalam aset tersebut.

i. Pembinaan Dalam Kemajuan

i. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan adalah kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan yang dinilai mengikut kos dan susut nilai tidak diperuntukkan.

Kos pembinaan akan dipindahkan ke aset tetap yang berkenaan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

ii. Perolehan Peralatan

Perolehan Peralatan adalah akaun untuk merekodkan peralatan dan bekalan yang dibayar secara berperingkat yang dinilai mengikut kos dan susut nilai tidak diperuntukkan. Apabila siap, kosnya dipindahkan ke aset tetap yang berkenaan.

j. Inventori

Inventori diukur pada nilai terendah antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk disiapkan dan dijual. Kos inventori terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang ditanggung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa inventori. Kos inventori diukur dengan menggunakan kaedah masuk dahulu keluar dahulu.

k. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan akan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara.

l. Liabiliti Cukai Pendapatan

Universiti Malaysia Terengganu adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cukai di dalam penyata kewangan anak syarikat terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun dan dikira mengikut kadar cukai pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda dikira mengikut kaedah liabiliti berhubung dengan semua perbezaan masa yang penting kecuali dijangkakan dengan munasabah bahawa kesan pencukaian tersebut akan berterusan dalam masa depan yang boleh dijangkakan. Faedah cukai tertunda hanya diiktiraf apabila terdapat jangkaan realisasi yang munasabah pada masa depan yang terdekat.

Perbelanjaan cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali bahawa perubahan yang boleh dikaitkan dengan item pendapatan atau

perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lalu diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa setakat yang tidak berbayar. Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh-tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa.

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar atau dipulih, menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Liabiliti dan aset cukai semasa diimbangi hanya apabila Syarikat mempunyai hak yang sah disisi undang-undang untuk mengimbangkan amaun dan berhasrat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

m. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Kumpulan dan Universiti menggunakan kaedah tidak langsung di dalam menyediakan Penyata Aliran Tunai. Tunai dan Kesetaraan Tunai adalah merangkumi tunai di tangan, baki dan deposit bank serta pelaburan mudah cair yang tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan dan sedia untuk ditukarkan kepada tunai tanpa risiko perubahan nilai yang ketara.

n. Intrumen Kewangan

i. Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Kumpulan hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:-

Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai pelaburan

dipegang hingga matang apabila Kumpulan mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:-

i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
ii) Pembayaran tertunggak;
iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun,

kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Kumpulan telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

ii) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Kumpulan hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:-

Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat. Sebarang

perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

o. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

i) Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

ii) Aset Penjanaan Bukan Tunai

Kumpulan akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Kumpulan akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset.

Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Kumpulan telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai.

Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan.

Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Kumpulan menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

p. Peruntukan Liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan dperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

q. Transaksi Mata Wang Asing

Urus niaga dalam mata wang asing pada mulanya dicatatkan dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh transaksi. Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, pertukaran mata wang asing bagi item monetari diterjemahkan ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh berkenaan. Item bukan monetari pada permulaannya didominasi dalam mata wang asing, yang dibawa pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar sejarah pada tarikh pengambilalihan. Semua perbezaan kadar pertukaran diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

r. Manfaat Pekerja

i. Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan kepada pekerja. Bayaran gantian cuti rehat (GCR) tahun berikutnya diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa.

ii. Manfaat Jangka Panjang

Manfaat jangka panjang adalah bayaran GCR yang diiktiraf apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang telah meningkatkan hak mereka ke atas bayaran GCR tersebut pada masa hadapan.

Pengiraan manfaat pekerja jangka panjang adalah mengambilkira andaian berdasarkan Syarat Persaraan Pilihan di bawah Seksyen 12 Akta 227/239 sepertimana berikut:

1) Pekerja tetap yang telah disahkan jawatan;
2) Telah diluluskan pemberian Taraf Berpencen;
3) Berumur 40 tahun dan ke atas dan mempunyai tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada 10 tahun.
4) GCR diambil pada bilangan sebenar manakala pada tahun berikutnya GCR dikumpul sebanyak 5 hari setahun.
5) Jumlah GCR terkumpul semua pekerja adalah pada jumlah maksimum 180 hari.

iii. Pelan Sumbangan Terancang

Seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen dan kumpulan wang simpanan pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan. Oleh itu, apabila pembayaran bagi pelan ini dilakukan, maka pihak UMT tidak lagi mempunyai sebarang tanggungan.

t. Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus sahaja.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak UMT sahaja dan tidak mengambilkira bajet entiti yang dikawal kerana ia tidak perlu didedahkan kepada pihak luar. Jumlah bajet ini telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

u. Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

Kerugian Rosotnilai bagi Belum Terima

Kumpulan menilai setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Kumpulan menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 4 hingga 50 tahun.

Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

4 TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
i) Wang Tunai Dan Baki Di Bank				
a. Tunai di Tangan				
Kumpulan Wang Mengurus	56,875	54,249	56,000	51,500
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	1,500	1,500	1,500	1,500
Kumpulan Wang Lain	2,000	2,000	2,000	2,000
	60,375	57,749	59,500	55,000
b. Wang di Bank				
CIMB Islamic Bank Berhad	7,022,276	8,935,873	4,669,437	8,035,805
Malayan Banking Berhad	103,001	1,012	101,001	1,012
Bank Islam (M) Berhad	314,761	9,527	301,757	2,158
RHB Islamic Bank Berhad	689,611	263,241	689,611	263,241
MBSB Bank Berhad	14,621	-	14,621	-
Affin Islamic Bank Berhad	2,000	2,000	2,000	2,000
AmBank Islamic Berhad	904	944	904	944
	8,147,174	9,212,597	5,779,331	8,305,160
	8,207,549	**9,270,346**	**5,838,831**	**8,360,160**
ii) REPO:				
REPO dan Pelaburan Jangka Pendek di Institusi Kewangan Berlesen :				
CIMB Islamic Bank Berhad	3,000,000		3,000,000	
	3,000,000	**-**	**3,000,000**	**-**
	11,207,549	**9,270,346**	**8,838,831**	**8,360,160**

Pelaburan REPO mendapat pulangan sebanyak 3.10% - 3.15%, mengikut tempoh matang (peletakan kurang dari 30 hari)

5 SIMPANAN TETAP (AL-MUDHARABAH)

Semua Simpanan Tetap dilaburkan di dalam Pelaburan Al-Mudharabah dengan Institusi Kewangan Berlesen :

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI	
	2024 RM	2023 RM
